



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 49]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 67]

Mengangkat Sumpah (di luar Dewan) [Ruangan 67]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 68]

Kebenaran Cuti kepada Ahli-ahli [Ruangan 69]

Lantikan Ketua Pembangkang—Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Ruangan 69]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 70]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18
[Ruangan 118]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 123]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 124]

Jawatankuasa Pemilihan—Lantikan Ahli-ahli [Ruangan 125]

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara—Lantikan Pengerusi/Naib Pengerusi
[Ruangan 126]

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong [Ruangan 128]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang Pasu).

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

" Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

" Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

" Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

" Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

" Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

" Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Trengganu).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

" Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

" Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOHKTAR BIN
HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

" Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

- " **Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**
- " **Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**
- " **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).**
- " **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).**
- " **Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).**
- " **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, L.A., F.N.B.S. (Padawan).**
- " **Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).**
- " **Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).**
- " **Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- " **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- " **Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).**
- " **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).**
- " **Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).**
- " **Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).**
- " **Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).**
- " **Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).**
- " **Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).**
- " **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).**
- " **Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).**
- " **Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).**
- " **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).**

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- " Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- " Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bal'ru).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).

Yang Berhormat TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

- " TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- " DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- " TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- " TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- " DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- " TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- " DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- " TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- " TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- " DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- " TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- " TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- " TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- " TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- " TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- " TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- " DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- " TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- " TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- " DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- " TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- " TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- " TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- " TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- " TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- " TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- " TUAN GOO HOCK SENG (Bukit Bendera).
- " TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- " DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- " TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).

Yang Berhormat TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).

- " TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- " TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- " TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- " TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- " DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- " TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- " DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- " TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- " TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- " DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- " DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- " DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- " TUAN LING SIE MING (Sibu).
- " TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- " TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- " TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- " TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- " TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- " DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- " TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- " DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- " TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- " TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- " TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

- " TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- " TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- " TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- " TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- " DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- " DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- " TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- " TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- " TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- " TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- " TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- " TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- " TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- " TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- " TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- " TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- " DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- " WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- " WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- " WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- " TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- " TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- " TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- " DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 12hb Oktober, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA**

**TITAH UCAPAN KE BAWAH
DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu

pada pagi semalam, 11hb Oktober, 1982 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Di Raja di dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam penyata Rasmi Parlimen.

**TITAH UCAPAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Bismillahir-rahmanir-rahim

Segala puji kepada Allah Subhanahu wa ta'ala, selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wa-sallam dan keluarga serta sahabat-sahabatnya.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu wa ta'ala yang telah melimpahkan rahmatNya bagi Beta melafazkan Titah Ucapan sempena Upacara Perasmian Penggal Pertama Parlimen Keenam pada hari ini.

Sekali lagi kita berhimpun di Dewan yang mulia ini untuk merenung bersama apa yang telah kita lalui setakat ini dan mengatur langkah bagi menghadapi masa hadapan yang lebih mencabar.

Beta berasa amat sukacita kerana Pilihanraya Umum telah berlangsung dengan lancar dan teratur. Ini bermakna kita berjaya mengukuhkan lagi institusi demokrasi di negara kita. Pilihanraya ini mempunyai erti yang tersendiri kerana inilah kali pertama generasi yang lahir selepas merdeka berpeluang menggunakan hak mengundi mereka. Dengan penyertaan mereka ini Beta yakin akan terpeliharalah warisan demokrasi yang kita sanjung tinggi.

Satu kesan besar dari pilihanraya lalu ialah bahawa rakyat Malaysia, baik dari generasi tua mahupun muda, sama-sama telah menyingkirkan rasa perkauman yang dahulunya sering dijadikan asas pemilihan. Jelaslah pemikiran rakyat kita sekarang telah bertambah matang dan rasional.

Beta ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan pilihanraya itu. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dipilih, Beta ucapkan tahniah dan selamat menunaikan amanah rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kita baru sahaja selesai merayakan ulang tahun kemerdekaan yang ke 25. Dalam tempoh suku abad ini, kita telah sampai kepada satu tahap pencapaian yang boleh dibanggakan. Kita telah berjaya meletakkan asas kukuh ke arah melahirkan satu warga, satu bahasa dan satu budaya. Atas asas inilah kita membina satu negara Malaysia yang lebih gemilang.

Tapak dan landasan yang kukuh ini wujud setelah kita berjuang, berkorban, berusaha dan mengatasi berbagai dugaan. Kita perlu insaf bahawa kekuatan kita selama ini adalah berdasarkan sikap kesederhanaan. Amalan toleransi dan bekerjasama adalah tunjang keteguhan dan ketahanan kita. Kita telah sampai ke peringkat kedewasaan yang membolehkan kita menilai sesuatu secara rasional dan realistik.

Dua puluh lima tahun hanyalah sedetik dalam sejarah sebuah negara. Namun demikian kita telah menyusun tapak demi tapak dengan penumpuan minat yang teratur—kemerdekaan, pembangunan, perpaduan dan kini Kerajaan Beta di bawah pimpinan Perdana Menteri Beta yang dikasihi, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad sedang melangkah ke arah sebuah negara yang benar-benar dihormati dan disegani oleh masyarakat antarabangsa.

Di peringkat awal kemerdekaan, kita terpaksa menumpukan perhatian kepada pembangunan fizikal. Ini memanglah perlu dan wajar kerana pembangunan ini merupakan asas untuk kita mencapai pembangunan yang lebih sempurna.

Dengan kemajuan yang telah kita capai di peringkat asas tadi, kita sekarang akan menekankan dengan lebih hebat lagi usaha kita untuk mengimbangi pembangunan jasmaniah dengan pembangunan rohaniah. Kita menyedari bahawasanya pembangunan mengisi periuk nasi rakyat, tanpa mengisi fikiran dan jiwa mereka bukanlah satu pembangunan yang lengkap.

Kekuatan sesebuah negara itu tidak hanya bergantung kepada kekayaan material semata-mata. Negara yang mengukur kejayaannya dengan nilai kebendaan adalah sebuah negara yang tidak berjiwa. Adalah menjadi hasrat kita membentuk sebuah negara yang gemilang, sebuah negara yang bermaruah, yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain di dunia. Usaha ke arah ini memerlukan penggembelangan tenaga antara ulamak dan umarak, dalam suasana musyawarah dan usrah.

Usaha-usaha meninggikan syiar Islam terus dipertingkatkan. Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, Insyallah, dengan sendirinya akan menjadikan negara kita sebuah pusat kemajuan dan perkembangan Islam di dunia.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Tindak tanduk negara-negara maju telah mengakibatkan berlakunya keadaan kemelesetan ekonomi dan keresahan politik antarabangsa sekarang ini. Keadaan bertambah buruk apabila kuasa-kuasa besar memesongkan perhatian dan tenaga mereka kepada perkara-perkara yang tidak membantu mengatasi masalah-masalah ini. Akibatnya, ekonomi dunia dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah terjejas. Negara kita tidak terkecuali daripada menerima kesan buruknya.

Sebagai pengeluar bahan-bahan utama yang terbesar, pendapatan negara telah merosot kesan dari kejatuhan harga bahan-bahan berkenaan di pasaran dunia. Kedudukan ekonomi negara-negara perindustrian dalam jangka masa pendek akan datang ini terus muram. Kadar faedah yang tinggi terutamanya di Amerika Syarikat telah menjejaskan pelaburan perniagaan dan perbelanjaan pengguna. Kedudukan tahun 1983 masih tidak pasti. Pemulihan adalah diramalkan lebih sederhana berbanding dengan ramalan-ramalan terdahulu sementara pertumbuhan jumlah perdagangan dunia mungkin akan berkurangan.

Ekonomi Malaysia, yang telah mengalami kemelesetan sejak pertengahan tahun 1980, terus merasa kesan-kesan kemelesetannya. Pertumbuhan ekonomi telah berkurangan. Prospek ekonomi dalam tahun 1983 adalah tidak begitu menggalakkan kerana kedudukannya bergantung kepada pemulihan negara-negara perindustrian. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, keadaan kemelesetan telah memberi kesan ke atas negara dan kehidupan rakyat. Eksport, harga barang-barang dan pendapatan tukaran luar kita telah jatuh. Akibatnya Kerajaan, sektor swasta dan rakyat merasai tekanan dari kemelesetan tersebut.

Beta insaf akan kesulitan hidup sehari-hari rakyat Beta yang miskin, khususnya rakyat di luar bandar, yang paling teruk menerima kesan kemelesetan ini.

Beta menyeru supaya rakyat bukan sahaja dapat memahami keadaan ini malah berusaha menyesuaikan diri untuk sama-sama mengatasi kesan kemelesetan ini. Hal ini haruslah dianggap sebagai satu cabaran kepada ketahanan kita. Beta suka mengingatkan bahawa ada pihak-pihak tertentu, baik di dalam mahupun di luar negeri, yang akan cuba mengeksploitasi keadaan kemelesetan ini untuk mencapai hasrat dan kepentingan mereka. Kita sangat mahir dengan taktik dan strategi mereka. Oleh yang demikian, semua golongan tidaklah seharusnya mewujudkan keadaan yang membenarkan mana-mana pihak sekalipun menanggung di air keruh.

Dalam keadaan yang mencabar ini, kita tidak boleh mengabaikan keperluan keselamatan negara. Usaha untuk mempermoden dan memperlengkapkan seluruh sistem pertahanan negara akan diteruskan. Beta berbangga dengan semangat wira yang ditunjukkan oleh Pasukan Keselamatan kita demi mempertahankan keaulatan tanah air.

Krisis merupakan satu ujian. Di saat-saat inilah terujinya kerelaan kita berkorban untuk kepentingan bersama. Baik di mana kita berada, sama ada swasta mahupun Kerajaan, pemimpin mahupun rakyat, marilah sama-sama kita dukung semangat berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah.

Kita harus menumpukan seluruh kekuatan dan keupayaan kita untuk mengatasi keadaan ini. Di samping memperbaiki etika kerja, kita juga perlu meningkatkan daya pengeluaran kita. Di samping berjimat cermat, kita perlu menggalakkan simpanan dan penabungan, kerana dengan inilah sahaja kita dapat menambah modal yang boleh digunakan untuk pelaburan yang produktif.

Kita haruslah berusaha mencari bahan-bahan, cara-cara dan kaedah-kaedah pengurusan baru, termasuk penggunaan tenaga, sumber dan masa secara optima.

Beta berasa sukacita Kerajaan Beta yang dipimpin oleh Dato Seri Dr Mahathir telah membawa cara dan pendekatan baru untuk menghasilkan satu sistem pentadbiran yang lebih cekap dan berkesan. Kerajaan Beta telah memilih cara pimpinan melalui tauladan.

Beta gembira kerana selain daripada Kerajaan, beberapa pihak telahpun mengambil langkah-langkah tegas dalam menghadapi masalah ekonomi; misalnya semangat berjimat cermat yang ditunjukkan secara simbolik oleh para pemimpin telah diikuti oleh berbagai pertubuhan dan rakyat umumnya. Sesungguhnya, hanya warga yang sanggup berkorban akan menjadi warga yang berjaya dan dihormati.

Sifat berdikari rakyat jelas dibuktikan melalui reaksi rakyat dalam memberikan sumbangan secara sukarela pada bila-bila masa yang diperlukan; menaja beberapa rancangan yang memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya, sama ada sumbangan itu bagi keperluan mereka yang menderita atau aktiviti-aktiviti kebajikan, kebudayaan dan sukan. Ini diikuti pula dengan daya usaha badan-badan bukan kerajaan mengusahakan tabung-tabung derma untuk perjuangan rakyat Palestin yang sedang menanggung penindasan dan kekejaman Israel yang dikutuk oleh kita semua. Semua ini membuktikan kepada kita dan kepada dunia bahawa dalam keadaan kemelesetan sekalipun, kita sentiasa sedia tampil ke hadapan untuk membantu mereka yang memerlukannya.

Untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan meneruskan pertumbuhannya, Kerajaan Beta terpaksa memilih dengan teliti projek-projek pembangunan yang harus dimajukan. Sebilangan dari projek-projek ini mungkin memerlukan perbelanjaan yang besar, tetapi ini perlu dan bijak kerana pelaksanaannya akan melahirkan kemungkinan menambah daya pengeluaran negara. Projek-projek demikian akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, di samping membezakan kegiatan di industri-industri yang berkaitan. Sebaliknya pula ada projek-projek yang terpaksa diketepikan dahulu kerana kurang potensi sumbangannya terhadap pertumbuhan ekonomi.

Di samping itu, Kerajaan Beta akan terus menekankan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Projek-projek sosio-ekonomi yang akan membantu golongan yang berpendapatan rendah dan usaha meningkatkan penyertaan Bumiputera di bidang ekonomi akan terus diutamakan. Ketelitian Kerajaan Beta dalam hal-hal ini akan ternyata dalam Belanjawan Tahun 1983.

Kerajaan Beta sedar betapa pentingnya pendidikan dalam membentuk sebuah masyarakat moden yang gigih menghadapi segala cabaran. Untuk mencapai hasrat ini, sistem pendidikan kita mestilah berupaya melahirkan tenaga mahir dan cerdik-pandai yang berkemampuan mencari penyelesaian dan meneroka bidang-bidang

kemajuan yang baru. Selain dari pendidikan, selaras dengan konsep pembangunan seimbang, kita haruslah mengukuhkan disiplin, memelihara akhlak yang tinggi serta meninggikan mutu kehidupan menerusi kegiatan-kegiatan kemasyarakatan, kebudayaan dan sukan. Semuanya ini perlu bagi membina kehidupan negara yang sempurna dan rakyat yang kreatif serta tinggi ketahanannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kita hidup dalam masyarakat dunia. Akibat buruk yang kita alami sekarang adalah hasil pengaruh keadaan kacau-bilau dunia luar. Sebaliknya, keadaan kita akan bertambah baik jika keadaan dunia lebih cerah. Ini bermakna kita perlu memainkan peranan antarabangsa yang lebih positif. Di mana-mana wajar, kita akan terus menawarkan bantuan dan kepakaran kepada negara-negara yang memerlukannya.

Oleh kerana kestabilan dan kemajuan negara kita dipengaruhi oleh perkembangan di negara-negara jiran, maka usaha untuk mengukuh hubungan dan kerjasama di antara kita dengan negara-negara Asean akan terus dipertingkatkan. Selaras dengan ini, beberapa rancangan pembangunan bersama, akan diberikan perhatian khusus.

Seterusnya hubungan kita dengan Negara-negara Islam, Negara-negara Berkecuali dan Negara-negara Komanwel adalah untuk memainkan peranan yang lebih besar lagi dalam arena antarabangsa—ke arah dunia yang aman tenteram, ke arah masyarakat antarabangsa yang maju dan saling bergantung. Di samping itu, Kerajaan Beta akan terus mempertingkatkan hubungan duahala dengan negara-negara tertentu.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sebagai penutup, Beta suka mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan tentang peranan dan tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat setelah diamanahkan oleh rakyat untuk berada di Dewan yang mulia ini. Kejayaan Ahli-ahli Yang Berhormat mendapat kepercayaan rakyat pada kali ini, bukanlah berasaskan janji-janji dalam bentuk kebendaan semata-mata—kepercayaan yang diperolehi adalah berasaskan kehendak rakyat terhadap sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Dalam tempoh masa Ahli-ahli Yang Berhormat memegang amanah ini dan berada di Dewan ini, rakyat akan membuat penelitian dan penilaian. Jagalah nama baik Dewan yang mulia ini. Gunakanlah peluang dan kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mencari penyelesaian kepada masalah rakyat. Jadikanlah Dewan yang mulia ini sebagai tempat menghasilkan pemikiran baru untuk kebahagiaan rakyat. Jadikanlah Dewan ini sebagai tempat merumuskan keputusan untuk kesejahteraan rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Akhir kata, Beta berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala semoga dianugerahkan taufik dan hidayah kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

The English translation is as follows:

**ADDRESS BY HIS MAJESTY THE YANG
DI-PERTUAN AGONG**

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe and may His Blessings and Peace be upon our Prophet Muhammad, his family and his companions.

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat.

I thank Almighty Allah for His blessings in enabling me to address this House in conjunction with the Official Opening of the First Session of the Sixth Parliament today.

We assemble once again in this august House to reflect on our experiences and to chart our course in the face of a more challenging future.

I am very happy with the smooth and orderly conduct of the last General Election. This only shows that we have succeeded in strengthening the institution of democracy in our land. The Election is of special significance because for the first time the generation born after Independence have had the opportunity to exercise their rights to vote. I am sure that with their participation the democratic heritage we cherish will be preserved.

One important aspect of the last Election is that Malaysians, of the old and the new generation alike, have discarded racial sentiments which had often biased electoral choice in the past. Clearly our people are now more mature and rational.

I would like to express my appreciation to all those who have made the Election a success. I would also like to congratulate the newly elected Honourable Members and to wish them success in shouldering the trust the people have bestowed upon them.

Honourable Members,

We have just celebrated the 25th anniversary of our Independence. During this quarter century we have reached a level of achievement which we can all be proud of. We have succeeded in laying a strong foundation for the evolvement of one citizenry, one language and one culture. It is on this foundation that we will build a greater Malaysia.

This solid foundation is a result of our struggle, sacrifice and effort in overcoming numerous challenges. We must realise that all along moderation has been our strength. Tolerance and cooperation are the pillars of our strength and resilience. We have reached the stage of maturity which enables us to be rational and realistic.

Twenty five years is but a moment in the history of a nation. Nevertheless we have advanced step by step in a systematic realisation of our goals—Independence, development, unity—and now, my Government under the leadership of my beloved Prime Minister, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, is striving towards creating a nation truly respected by the international community.

At the initial stage of Independence we had to focus our attention on physical development. This was necessary and appropriate since that physical development provided the base for the attainment of a more meaningful progress.

With the progress that we have achieved at the initial stage, we are now resolved to ensure a balance between material and spiritual development. We realise the inadequacy of mere fulfilment of material wants of the people without due consideration of their intellectual and spiritual needs.

The strength of a nation does not depend solely on material wealth. A nation that views its success in terms of material achievements alone is a nation devoid of a soul. It is our aspiration to create a great nation, one with dignity, and one which is at par with other successful nations. A move in this direction calls for the consolidation of efforts between the learned and the well-informed and the Government in the spirit of discussion and consensus.

Efforts to enhance the eminence of Islam are being intensified. Allah willing, with the establishment of the International Islamic University, our country will emerge as a centre for the development and progress of Islam in the world.

Honourable Members,

The actions of developed nations have resulted in the present world economic recession and political unrest. The situation is worsened by the super powers diverting their attention and energy to issues which do not help in solving these problems. As a result, the world economic order has been affected in recent years. Our country is no exception in experiencing the effects.

As the leading producer of primary commodities, our national income has declined with the fall in the prices of our commodities in the world market. It is expected that there would not be much change in the economic outlook of industrialised countries in the near future. The high rate of interest, especially in America, has upset business investment and consumer expenditure. The situation in 1983 is still uncertain. Recovery is expected to be more moderate compared to earlier forecasts while the growth in the aggregate international trade may decline.

The Malaysian economy will continue to face the recession which has affected it since mid 1980. Economic growth has slowed down. Economic prospects in 1983 are not bright since these depend on the recovery of the industrialised countries. Since Malaysia is an open economy, the recession has adversely affected the livelihood of our people. Our exports, commodity prices and foreign exchange have declined. The Government, the private sector and the people are feeling the strain.

I am concerned about the daily difficulties faced by my people who are poor, especially those in the rural areas who suffer the worst from the effects of recession.

I would like to appeal to the people not only to understand this difficult situation that we are going through but also to strive to make appropriate adjustments in our common effort to combat this adversity. This is a challenge to our resilience. We must be aware of certain quarters from within the country and from without

who will exploit this recessionary situation to achieve their own selfish ends. We are only too familiar with their tactics and strategy. No one, therefore, should create a situation which would enable these elements to fish in troubled waters.

In such a challenging situation we cannot afford to neglect the security needs of the nation. Our efforts to modernise and to equip the whole national defence system will continue. I am proud of the heroism demonstrated by our Security Forces in defending the sovereignty of the nation.

A crisis is but a test. It is at a time like this that our readiness to sacrifice for the common interest is being tested. Wherever and whatever we are, in the private sector or in the Government, leaders or the people, let us uphold the spirit of solidarity and cooperation.

We should devote our strength and capability to overcoming this situation. We must strive to improve our work ethics and increase our productivity. Besides being thrifty, we should also encourage savings to increase capital for productive investment.

We must strive to seek and discover new materials, new management techniques and practices, and ways to optimise the use of energy, resources and time.

I am pleased that my Government under the leadership of Dato Seri Dr Mahathir has introduced innovative methods and approaches towards the realisation of a more efficient and effective administration. My Government has opted for a style of leadership by example.

I am happy that some sectors besides the Government have taken firm measures in addressing the economic problems. The demonstration of thrift by the leaders, for example, has been emulated by various organisations and the people generally. Indeed, only those who are prepared to make sacrifices are the ones who deserve success and respect.

The people's self-reliance is proven by their response in giving voluntary contributions whenever necessary, and in sponsoring a number of programmes irrespective of whether they benefit the people as a whole or certain unfortunate groups, and also in sponsoring various welfare, cultural and sporting activities. This is further exemplified by the efforts of non-governmental bodies in raising funds for the cause of the Palestinians who are being oppressed and persecuted by the Israelis whom we all condemn. These are ample proof to us and to the world that even during a recession we are ready to come forward to help those in need.

To sustain our economic stability and ensure its continued growth, my Government has carefully identified the development projects which are to be implemented. Some of these projects may require heavy expenditure but they are appropriate and necessary to increase national productivity. These projects will create more employment opportunities and stimulate activities in related industries. On the other hand, projects which are of lower priority in terms of their potential in contributing to economic growth have to be temporarily set aside.

In addition, my Government will continue to stress on the implementation of the New Economic Policy. Socio-economic projects which will help the low income groups and efforts to increase bumiputera participation in the economic field will continue to be given priority. The Government's meticulousness in this regard will be reflected in the 1983 Budget.

My Government is aware of the importance of education in creating a modern and vibrant society capable of meeting challenges. Towards this end our education system must be capable of producing skilled manpower and intellectuals who can find solutions to problems and pioneer new endeavours. Besides education, we must inculcate greater discipline, cultivate higher moral values, and upgrade our quality of life through social, cultural and sporting activities in line with our concept of balanced development. All these efforts are necessary to promote a better national well-being and a more creative and resilient people.

Honourable Members,

We live in a world community. The depressed state we are in is the result of a world in turmoil. Our condition will improve if the world situation changes for the better. This means that we should play a more positive role internationally. Where appropriate we will continue to offer assistance and expertise to countries which need them.

Since development in neighbouring countries influence our stability and progress, we will intensify our efforts to improve our relationship and cooperation with ASEAN countries. In this regard, we will give special attention to joint development programmes.

Similarly, our relationships with the Muslim nations, the non-aligned nations and the Commonwealth are aimed at a more prominent role in the international arena, in the pursuit of a peaceful world and a progressive and interdependent international community. In addition, my Government will continue to promote bilateral relations with certain countries.

Honourable Members,

In conclusion, I take this opportunity to remind Honourable Members of your roles and the responsibilities entrusted upon you by the people as their representatives in this august House. Your success in gaining the people's trust this time is not based on promises in material form. It is a trust based on the people's choice of a clean, efficient and trustworthy Government.

The people will scrutinise and evaluate the way you fulfil this trust during your tenure as members of this House. Safeguard the good name of this august House. Use the opportunity in this House to find solutions to the people's problems. Make this House a place where new thinking originates for the fulfilment of our people's aspirations. Let this House be the place where decisions are formulated for the well-being of our people.

Honourable Members,

Finally, may Almighty Allah give His Blessings and guide you in discharging the duties and responsibilities entrusted upon you as Members of the Dewan Negara and Dewan Rakyat.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1982;
2. Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 1982;
3. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1982;
4. Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan) 1982;
5. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1982;
6. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1982;
7. Akta Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 1982;
8. Akta Peruntukan Diraja 1982;
9. Akta Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) 1982; dan
10. Akta Badan Pencegah Rasuah 1982.

MENGANGKAT SUMPAH (DI LUAR DEWAN)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5 (3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Yang Berhormat Ahli-ahli yang berikut telah mengangkat sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan:

1. Y.B.M. Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj bin Tengku Ismail pada 9hb Julai, 1982;
2. Y.B. Dato Lee San Choon pada 9hb Julai, 1982;
3. Y.B. Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie pada 28hb Julai, 1982; dan

4. Y.B. Tan Sri Dato' Syed Ahmad Al-haj bin Syed Mahmud Shaha-buddin pada 24hb Ogos, 1982.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Parlimen yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“26hb Mac, 1982

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dewan Negara telah mempersetujui kan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982);
2. Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Badan Pencegah Rasuah;
9. Rang Undang-undang Peruntukan Diraja; dan
10. Rang Undang-undang Istana Negara (Elaun-elaun Diraja).

Tandatangan.

Yang di-Pertua Dewan Negara.”

KEBENARAN CUTI KEPADA AHLI-AHLI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961 saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.B. Tuan Patrick Anek Uren dari 11hb Oktober, 1982 hingga 8hb Disember, 1982;
2. Y.B. Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamad Ghazali dari 19hb September, 1982 hingga 31hb Disember, 1982;
3. Y.B. Tuan Mark Koding dari 21hb September, 1982 hingga 21hb Disember, 1982;
4. Y.B. Dato' Mokhtar bin Haji Hashim dari 11hb Oktober, 1982 hingga 8hb Disember, 1982;
5. Y.B. Tuan Mustaffa bin Mohamad dari 11hb Oktober, 1982 hingga 8hb Disember, 1982; dan
6. Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai dari 11hb Oktober, 1982 hingga 29hb Oktober, 1982.

LANTIKAN KETUA PEMBANGKANG— Y.B. TUAN LIM KIT SIANG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima sepucuk surat bertarikh 20hb Mei, 1982 yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye, Timbalan Setiausaha Agong DAP yang dialamatkan kepada Pemangku Speaker pada masa itu menyatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen DAP telah melantik Ahli Parlimen Kota Melaka, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen.

Mengikut kata Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli-ahli Parlimen dari PAS tidak ada bantahan di atas perlantikannya itu. Oleh yang demikian,

saya telah mengiktirafkan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen mulai dari 10hb Julai, 1982.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PENTADBIRAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH

1. Tuan Ismail bin Said minta Perdana Menteri menyatakan kriteria-kriteria bagi pentadbiran yang dikatakan bersih, cekap dan amanah. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mewujudkan pentadbiran ini dan adakah beliau berpuashati bahawa pentadbiran sekarang (sama ada di peringkat pusat atau negeri) telah memenuhi kriteria-kriteria ini.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, bidang pentadbiran amatlah luas dan terbahagi kepada berbagai-bagai aspek yang masing-masingnya pula mempunyai ciri-ciri dan fungsi tersendiri. Bidang pentadbiran juga melibatkan berbagai perkhidmatan iaitu awam, teknikal, profesional dan sebagainya. Sudah tentulah aspek-aspek dan jenis-jenis perkhidmatan ini mempunyai kriteria-kriteria yang berbeza-beza.

Berhubung dengan konsep Cekap, Bersih dan Amanah, oleh kerana bidang pentadbiran itu juga begitu luas dan kompleks, adalah sukar bagi saya menyatakan di sini secara detil dan terperinci tentang kriteria-kriteria itu. Tetapi secara umumnya kriteria-kriteria itu adalah:

- (a) Pentadbiran atau organisasi yang cekap ialah organisasi yang berdaya, bertenaga dan tahu bagaimana hendak menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan pantas dan berkesan untuk mencapai sesuatu matlamat. Dalam konteks ini pegawai-pegawai dan kakitangan hendaklah sentiasa sedar akan tugas dan tanggungjawab kepada masyarakat dan perlu bersifat responsive kepada masalah

rakyat. Mereka juga perlu bersifat innovative untuk membawa pembaharuan atau idea-idea baru dalam pentadbiran dan pengurusan organisasinya. Mereka hendaklah sentiasa bekerja kuat dan keras serta bersedia mengorbankan masa dan tenaga;

- (b) Pentadbiran yang bersih ialah segala tindak-tanduk dalam menjalankan sesuatu tugas itu tidak mempunyai tujuan yang menyeleweng bagi kepentingan diri sendiri dengan cara menyalahgunakan kuasa dan pengaruh kedudukan rasmi. Jika sesuatu projek atau program itu adalah untuk faedah rakyat maka tugas dan tanggungjawab pegawai dan kakitangan yang menguruskan program itu ialah menentukan rakyat yang menikmati faedah projek itu;
- (c) Sifat amanah dalam pentadbiran memerlukan seseorang pegawai dan kakitangan itu menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan penuh kejujuran dan keikhlasan. Dengan bersifat amanahlah juga seseorang itu dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan bersih. Dengan itu adalah perlu bagi seseorang itu mempunyai disiplin diri yang baik, berakhlak mulia serta mempunyai perasaan taat setia dan menyayangi (sense of loyalty and belonging) kepada majikan atau organisasi dan seterusnya kepada negara.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mewujudkan pentadbir-pentadbir dan pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah termasuklah mengadakan kursus-kursus, latihan-latihan dan usaha menambah pelajaran, ilmu pengetahuan dan kemampuan profesional pegawai-pegawai Kerajaan. Usaha mengubah sikap dan membuat mereka lebih motivated, dedicated serta mempunyai disiplin yang baik diusahakan melalui gerakan "Khidmat Cemerlang" dan usaha ini sedang dipertingkatkan lagi melalui pelaksanaan dasar memandang ke Timur.

Untuk menerapkan etika kerja orang-orang Jepun, Kerajaan sekarang sedang mengkaji cara mempertingkatkan lagi daya pengeluaran (productivity) usaha-usaha membasmikan amalan penyelewengan dan rasuah sedang dan akan terus dipertingkatkan.

Tentang soalan sejauh manakah pentadbiran sekarang memenuhi kriteria-kriteria yang saya sebutkan tadi, ingin saya menyatakan secara amnya bahawa pentadbiran negara ini boleh lagi diperbaiki dan perlu lagi dipertingkatkan. Cara dan corak pentadbiran perlu diubahsuaikan mengikut peredaran dan keperluan semasa. Saya yakin pentadbiran kita akan menjadi lebih dinamik sekiranya semua kakitangan Kerajaan dan masyarakat bekerjasama serta bekerja kuat untuk menjadikannya benar-benar bersih, cekap dan amanah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk memastikan bahawa satu pentadbiran yang cekap wujud, adakah Kerajaan berniat mengadakan satu jentera di mana aduan spesifik terhadap ketidak cekapan boleh dibuat oleh orang ramai dan di mana tindakan yang cepat boleh diambil terhadap aduan-aduan, semacam apa yang berlaku baru-baru ini di Johor di mana pada 28hb September

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan memberi keterangan.

Tuan Lim Kit Siang: . . . satu contoh mengenai ketidak cekapan di mana sungguhpun ada tiga buah Balai Polis—di Batu Pahat, di Senggerang dan di Rengit diberitahu ada satu gang pendatang haram dari Indonesia menjalankan rompakan. Untuk masa 1½ jam tidak seorang mata-mata (constable) yang datang dan inilah satu contoh ketidak cekapan di bawah pentadbiran 2M.

Bolehkah tindakan yang cepat diambil terhadap perkara semacam ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan satu biro untuk menentukan apakah yang dimaksudkan dengan kecekapan adalah satu perkara

yang pada pendapat saya tidak dapat dilakukan, kerana kita hendak kena pula ada satu ujian terhadap itu sama ada dia tahu perkara-perkara yang akan berlaku yang mana kecekapan-diperlukan. Umpamanya kalau ada pendatang haram, beberapa minit patut sampai, barulah kita kata dia cekap. Kalau dia sampai 45 minit—cekap, 46 minit—tidak cekap. Jadi susah sedikit hendak buat tafsiran yang semacam ini.

Jadi, dalam perkara ini apa yang kita berpandukan ialah daripada komplek-komplek yang dibuat oleh rakyat terhadap kecekapan pegawai-pegawai Kerajaan dan komplek-komplek ini tentulah kerana mereka ingin melihat kecekapan terdapat dalam negara kita dan komplek ini akan berjalan sepanjang masa dan kita tidak perlu satu biro untuk menentukan sama ada komplek-komplek ini patut dilayan ataupun tidak. Sebab itu kita beri kelonggaran bukan sahaja kepada orang ramai tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat pun kalau ada kes yang spesifik, mintalah jangan tunggu sampai Dewan bersidang untuk hendak mengeluarkan komplek, boleh beritahu awal-awal dan kita boleh ambil tindakan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa bersih, cekap dan amanah adalah cogan kata yang berkehendakkan amalan. Oleh itu, bagi menentukan bersih, cekap dan amanah ini diamalkan keseluruhannya, apakah Kerajaan bercadang ataupun sudahpun ada melantik pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan rahsia secara sulit di tiap-tiap Kementerian dan jabatan-jabatan untuk menjadi mata dan telinga kepada Perdana Menteri bagi mendapatkan maklum balas yang benar-benar dipercayai?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sekarang ini tidaklah berhajat untuk bertindak sebagai "big brother" yang selalu mengendap di atas bahu semua pekerja-pekerja. Kita tidak mungkin pula memberi kepercayaan

penuh kepada orang-orang yang membuat laporan yang semacam ini kerana mungkin pula ianya terpengaruh dengan perasaan dirinya sendiri, marah kepada pegawai dan lain-lain. Sebab itu, dalam perkara ini sepertimana yang saya katakan tadi, kita bergantung kepada komplek-komplek yang dibuat oleh orang ramai dan juga ahli-ahli Dewan ini dan juga sesiapa sahaja yang berpendapat bahawa ada ketidak cekapan berlaku di dalam Kerajaan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada beliau bercadang hendak mengarahkan setiap jabatan-jabatan dan agensi-agensi separuh Kerajaan supaya merangka suatu garis panduan yang terperinci untuk menghuraikan tiga sifat yang disebutkan tadi supaya setiap pegawai daripada setiap jabatan dapat memahami apakah cekap, bersih dan amanah itu dalam konteks, fungsi dan tugas jabatan dan agensi-agensi yang lain.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana amanah, cekap dan bersih ini ternyata telah mendapat sambutan yang hangat dan hebat daripada seluruh rakyat terbukti daripada suatu survey yang dibuat baru-baru ini yang menunjukkan lebih daripada 90% penduduk-penduduk baik di bandar dan di luar bandar menyokong penuh ketiga-tiga sifat ini diamalkan di dalam jabatan-jabatan Kerajaan, maka adakah pihak Kerajaan bermaksud untuk melanjutkan amalan-amalan ini kepada kalangan swasta, terutama pihak-pihak yang mengadakan perkhidmatan yang berkenaan dengan orang ramai misalnya pengangkutan awam dan sebagainya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tafsiran dan cara-cara melaksanakan pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah ini adalah dibuat sepanjang masa oleh Kementerian-kementerian dan ketua-ketua jabatan tertentu yang melibatkan jabatan masing-masing dan kajian ini akan diteruskan sehingga kita dapat mempertingkatkan lagi kecekapan, kebersihan dan

amanah semua pegawai-pegawai Kerajaan. Walaupun ini akan diteruskan saya yakin bahawa kita perlu mengekalkan proses membuat kajian dan menentukan cara ini selama-lamanya kerana kita tidak mungkin membuat satu ukuran bahawa pada suatu ketika maka tercapailah satu Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah kerana masing-masing mempunyai ukuran dan nilai yang tersendiri.

Selain daripada itu berkenaan dengan bahagian kedua daripada soalan itu sama ada patut diteruskan kepada pihak swasta, ini memangpun menjadi hasrat Kerajaan dan telahpun beberapa kali saya membuat kenyataan bahawa kita berkehendakkan kepada satu masyarakat yang dihormati di Malaysia ini. Dan masyarakat yang dihormati ini tidaklah terhad kepada Kerajaan sahaja tetapi melibatkan kepada semua penduduk di dalam negara kita ini termasuklah mereka daripada parti Pembangkang.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dan mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri adakah tindakan Kerajaan menegah pegawai-pegawai Kerajaan menghisap rokok di pejabat semasa bekerja ataupun memakai name tag di baju seperti ini dan punch-in and punch-out kad di pejabat ini adalah disebabkan cogan kata bersih, cekap dan amanah yang dibawa oleh Perdana Menteri sendiri.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap satu langkah yang diambil ini mempunyai satu tujuan tertentu yang mana tujuan ini juga sesuai dengan slogan cekap, bersih dan amanah. Umpamanya, mengadakan nama (name tag) di baju itu supaya orang ramai kenal siapa dia yang dia mengadakan perhubungan dengannya, umpamanya, kalaulah dia hendak buat komplek berkenaan dengan seseorang pegawai, maka ianya bukan sahaja boleh buat lukisan, tunjuk apa rupa, dia ada misai, ada janggut atau tidak, tetapi dia tahu nama sama. Dan kadangkala kita dapati setengah-setengah pejabat walaupun kakitangan pejabat itu sudah bekerja

bersama berpuluh-puluh tahun, ada yang masih tidak tahu nama lagi siapa yang kerja jadi budak pejabat, siapa yang jadi kerani dan sebagainya dan adalah baik kalau kita dapat merapatkan perhubungan sedikit dengan menggunakan nama dalam urusan harian kita itu; itu berkenaan dengan name tag. Saya tidak perlu lagi jelaskan yang kedua kerana semua ini ada berkaitan dengan cekap, bersih dan amanah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, berkenaan dengan tafsiran satu pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah adakah tafsiran ini bermaksud bahawa sekiranya seorang Wakil Rakyat hendak menyampaikan surat aduan itu, misalnya, sebuah Kementerian ataupun kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah ini bermaksud bahawa Yang Berhormat Wakil Rakyat itu dapat menerima jawapan daripada Kementerian itu dengan seberapa cepatnya? Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana kalau tidak silap saya, saya sendiri telah menulis kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih kurang dua bulan yang lalu mengenai satu perkara yang mustahak dan penting, akan tetapi nampaknya saya langsung tidak mendapat jawapan daripada pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berkenaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin jelaskan bahawa satu perkara tunggal seperti itu tidak boleh dijadikan satu ukuran sama ada Kerajaan cekap, bersih dan amanah atau tidak. Memang benar saya telah menerima surat daripada Ahli Yang Berhormat dan masih ada dalam fail saya dan kadang-kadang bila saya buka fail, saya tengok juga surat itu, tetapi surat itu susah sedikit saya hendak jawab, kerana kalau saya jawab, mungkin ia akan menjadi bahan bualan di dalam Dewan ini dan mungkin juga membangkitkan perasaan yang sensitif di kalangan orang. Jadi, untuk menjawab setengah-setengah surat yang disampaikan oleh Wakil Rakyat ini, saya perlu berhati-hati sama ada ini benar-benar komplek atau pun ada udang di sebalik batu dan sebagainya.

Tuan Ismail bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa kecekapan bukan sahaja bergantung terhadap kemampuan pemikiran dan kebolehan tetapi bergantung juga kepada keadaan fizikal ataupun kesihatan seseorang? Atas itu, adakah di dalam rancangan matlamat cikap, bersih dan amanah ini dicadangkan supaya sebelum pekerja-pekerja ataupun mana-mana pihak menjalankan tugas kerja, lebih dahulu diadakan exercise pagi-pagi sebagaimana yang dibuat di Jepun?

Yang kedua, adakah juga dicadangkan untuk membuat kajian terperinci terhadap fizikal seseorang pekerja seperti mana yang berlaku di Soviet Russia di mana dalam seminggu tiap-tiap seorang manusia itu ada hari yang moodnya tidak baik dan mungkin dia tidak minat menjalankan tugas dan kalau dapat hari yang moodnya tidak baik bagi dia rest dan gantikan hari yang dia lebih mempunyai mood?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya memang ada minat juga hendak buat exercise bagi pegawai-pegawai Kerajaan ini tetapi saya takut nanti ada pemberontakan dalam negara kita ini. Mungkin masanya belum tiba lagi untuk latihan jasmani seperti yang dicadangkan itu. Memang benar saya percaya bahawa ini adalah baik untuk pekerja-pekerja kita tetapi kalau mereka sanggup berbuat demikian secara sukarela.

Berkenaan dengan soal mood pula, saya berpendapat kalau kita ikut mood maka kita beri cuti, saya fikir kadang-kadang nanti tidak ada seorang pun dalam pejabat (*Ketawa*). Jadi, oleh kerana itu saya tidak bolehlah bergantung sangat kepada mood, barangkali di Soviet Russia dia ada tempat lain yang boleh dihantar, kalau dia tidak mahu buat kerja dalam pejabat (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat ini sudah cukuplah soalan yang penghabisan. Sudah memadai.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merujuk kepada jawapan bahawa "name tag" yang dipakai itu adalah bertujuan supaya rakyat boleh membuat pengaduan tetapi "name tag" yang dipakai itu namanya terlampau pendek dan juga kalau masuk dalam sebuah pejabat, misalnya nama Bala; Bala itu ada tiga orang—satu Bala Engineer, satu Bala Kerani dan satu lagi Bala Office Boy. Jadi, apakah Kerajaan bercadang untuk mengecilkan sedikit nama itu dengan nama penuh—asal kan namanya itu penuh supaya nama-nama yang serupa tidak akan terkeliru apabila masukkan nama ayahnya sekali?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama kita berkehendakan kepada nama yang pendek supaya mudah kita ingat. Yang kedua kita hendak supaya tulisan itu dibuat besar-besar. Kalau hendak tulis nama penuh dan sama besar dengan yang ditulis ini barangkali daripada tengah dada sampai ke bahu, itu agak sukar sedikit (*Ketawa*). Masalah Bala ini memang banyak Balalah (*Ketawa*). Tetapi kalau dituliskan nama penuh pun ada pekerja-pekerja di dalam setengah-setengah pejabat yang namanya K. Balasundram, K. Balasundram, K. Balasundram—tiga orang, lain jawatan tetapi nama sama. Jadi kalau dalam estet kalau dia panggil Balasundram 1, Balasundram 2, Balasundram 3 tetapi kita belum sampai ke peringkat itu lagi.

TARIKH MULA PUASA DAN HARI RAYA

2. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengkaji perkara-perkara yang berkaitan dengan hak dan kuasa menentukan tarikh mula berpuasa dan berhariraya supaya ianya dapat diselaraskan serta dipatuhi di seluruh Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, hak dan kuasa bagi

menentukan tarikh puasa dan hari raya adalah terletak kepada Duli Yang Maha Mulia Raja-raja yang menjadi Ketua Ugama Islam dalam negeri masing-masing sepertimana yang ada diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan dengan ini Majlis Raja-raja telah membuat keputusan supaya tarikh bermulanya puasa dan hari raya ditentukan mengikut rokyah dan cara ini telah dipatuhi semenjak tahun 1978. Dengan demikian Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji perkara yang berkaitan dengan hak dan kuasa Duli Yang Maha Mulia Raja-raja.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua untuk penjelasan tafsiran hak iaitu saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, sama ada hak itu hak secara perseorangan ataupun hak secara collective.

Datuk Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, dalam Constitution Fasal 3 (2) dinyatakan bahawa dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Ugama Islam di dalam negeri secara dan setakat mana yang diakui dan diistiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu dan juga tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, yakni sebagai Ketua Ugama dalam sebuah negeri hak itu adalah hak Raja itu sendiri untuk membuat sesuatu keputusan mengenai ugama, tetapi dari segi undang-undang—ini haknya dari segi Constitution. Dari segi ugama hak itu adalah kepunyaan Tuhan bukan kepunyaan manusia. Dalilnya dalam Al-Quran: *Walillahl mulqussamawatiwardhi, Wallahu ala kulli syaiin qadir*. Jadi kita manusia ini tidak mempunyai hak kepada ugama. Kita adalah bertanggungjawab dalam menjalankan tugas secukupnya dengan Constitution yang ada dalam Perlembagaan kita.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Apakah peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di Perak tentang hal menentukan hari raya baharu-baharu ini, pihak

Perdana Menteri sebagai Ketua Eksekutif dalam negara ini tidak boleh menasihatkan pihak Duli-duli Yang Maha Mulia terutama sekali yang berkenaan di Perak supaya perkara ini tidak timbul salah faham ataupun perselisihan pendapat di antara rakyat terutama sekali di saat hendak berhari raya ataupun hendak memulakan puasa?

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua tidak boleh membenarkan pertanyaan-pertanyaan yang bersangkutan paut dengan hak Raja-raja dan ada perkara-perkara lain lagi yang tidak boleh dipersoalkan di dalam Dewan Rakyat ini. Oleh yang demikian, saya tidak membenarkan soalan itu.

Tuan Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam menghadapi masalah penentuan tarikh puasa dan penentuan hari raya ini, apakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada pihak-pihak yang tertentu yang tidak bertanggungjawab sedang menggunakan isu-isu penyesuaian tarikh puasa dan berhari raya ini dengan tujuan untuk menjejaskan pemimpin-pemimpin Kerajaan dan dikaitkan seolah-olah kononnya kita adalah Kerajaan yang lemah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soalan itu tidak berbangkit dengan soalan yang asal tadi. Yang asal tadi ialah hendak mengkaji bersangkut dengan kuasa menentukan tarikh. Soalan itu tidak bersangkut. Saya tidak benarkan.

Sekarang kita masuk kepada soalan yang ketiga, Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

PEGAWAI-PEGAWAI POLIS— KURSUS KOMPUTER

3. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan oleh kerana komputer-komputer digunakan dengan cara meluas di dalam negara ini, adakah langkah-langkah sedang diambil bagi memulakan suatu kursus jenayah berhubung dengan komputer bagi menyediakan Pegawai-pegawai Polis negeri

ini untuk mengatasi kesalahan-kesalahan seumpama itu di masa hadapan. Jika tiada, bilakah kursus seperti yang dimaksudkan itu akan dimulakan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini pihak Polis sendiri belum lagi mengadakan kursus berkaitan dengan jenayah berkomputer (computer-related crimes). Namun demikian, dalam rancangan pembesaran Pasukan Polis Cawangan Jenayah Perdagangan (commercial crimes) akan diperbesarkan. Selaras dengan pembesaran ini latihan-latihan yang berkaitan dengan jenayah berkomputer akan diberi. Sehingga ke hari ini seramai 208 orang pegawai Polis telah didedahkan kepada sistem komputer. Daripada jumlah ini seramai 36 orang telah dipilih mengikuti bermacam-macam kursus dan seminar untuk membantu mereka dalam pengendalian komputer sebagai latihan asas dan seterusnya latihan-latihan akan diberi bagi membanteras jenayah berkomputer. Sehingga ini seramai tujuh orang telahpun dilatih untuk menyiasat kegiatan jenayah yang menggunakan komputer.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerana penggunaan komputer maka wujudnya kekurangan bilangan anggota polis yang serious?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dengar soalan itu?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya minta dia ulang.

Tuan Yang di-Pertua: Minta ulang!

Dr Tan Seng Giaw: Adakah kerana penggunaan komputer maka wujudnya kekurangan anggota polis yang serious?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 4.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang ke 32 daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong bersama dengan soalan ini kerana kedua-duanya ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Dibcnarkan.

BADAN PENCEGAH RASUAH— TENAGA PEKERJA

4. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah tenaga-kerja Badan Pencegah Rasuah pada masa ini dan adakah semua kekosongan telah diisi;
- (b) berapakah jumlah kes yang sedang disiasat oleh BPR sepanjang tempoh tahun 1982 dan daripada 1-1-1982 hingga 30-9-1982, dan daripada jumlah itu berapakah langkapan telah dilakukan;
- (c) apakah jenis kes-kes itu dan berapakah bilangan tiap-tiap jenis kes yang disiasat itu; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk memperkukuhkan BPR supaya ianya lebih berkesan dalam menjalankan tugas-tugasnya.

32. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan membuat suatu kenyataan mengenai hasil jaminan beliau untuk berusaha dengan sedaya upaya bagi mencegah rasuah dan melindungi kepentingan rakyat di negara ini; dan adakah Badan Pencegah Rasuah lebih berkesan sejak namanya ditukar dari Biro Siasatan Negara.

Perdana Menteri: Kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ingin saya maklumkan:

- (a) Jumlah tenaga kerja Badan Pencegah Rasuah pada masa ini adalah seramai 777 orang. Jawatan-jawatan yang masih kosong berjumlah 333 orang. Dalam tahun

1981 jumlah kes yang berkait dengan amalan rasuah yang telah dan masih lagi disiasat ialah 1,351. Bagi tempoh 1hb Januari sehingga 30hb September, 1982 jumlahnya ialah 1,913 kes. Dari kedua-dua jumlah ini sebanyak 428 tangkapan telah dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah. Kesalahan-kesalahan yang biasanya disiasat oleh BPR meliputi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Pencegah Rasuah, 1961 dan juga kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang seperti Ordinan 22 (Kuasa-kuasa Perlu Darurat), 1970, Kanun Keseksaan, Akta Polis, 1967 dan Akta Kastam, 1967. Bagi tahun 1981 umpamanya jumlah kes yang disiasat mengikut kesalahan di bawah Akta Pencegah Rasuah, 1961, ialah 1,004 kes. Sementara sebanyak 47 kes disiasat mengikut kesalahan di bawah Ordinan 22 (Kuasa-kuasa Perlu Darurat), 113 kes di bawah kesalahan Kanun Keseksaan, 2 kes di bawah Akta Kastam, 1967 dan sebilangan 185 kes yang belum lagi dapat ditentukan di bawah mana-mana undang-undang. Setelah pertukaran namanya daripada Biro Siasatan Negara kepada Badan Pencegah Rasuah, BPR telahpun mengambil beberapa langkah penting untuk memperkukuhkan lagi organisasinya serta kegiatan-kegiatan supaya ianya dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan lagi. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh BPR adalah menyusun semula struktur organisasinya secara lebih kemas, mengadakan beberapa cawangan pejabat baru di peringkat negeri iaitu di Kangar dan di Taiping dan dua buah lagi cawangan akan ditubuhkan iaitu di Muar dan di Raub terus mengadakan rancangan latihan bagi semua peringkat kakitangannya dengan mengadakan kursus-kursus di dalam perkhidmatan dari masa ke semasa. Perkara-perkara penting yang ditekankan di dalam kursus tersebut ialah

tentang kefahaman undang-undang, peraturan dan arahan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan, nilai-nilai keugamaan serta pembentukan akhlak untuk meningkatkan lagi kepakaran dan keupayaan mereka melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan lebih berkesan. Mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk memberi kesedaran kepada rakyat tentang bahaya amalan rasuah dengan cara mengadakan ceramah-ceramah, majlis perbincangan dan bengkel kerja dari semasa ke semasa.

- (b) Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, suka saya menyatakan sekali lagi di Dewan ini bahawa Kerajaan adalah benar-benar berhasrat mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah. Kerajaan akan terus memberi penuh perhatian kepada usaha-usaha membanteraskan segala bentuk amalan rasuah di negara ini. Semenjak pertukaran namanya kepada Badan Pencegah Rasuah, BPR telah dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan lagi oleh kerana bidang tanggungjawabnya ditumpukan kepada kegiatan-kegiatan mencegah amalan-amalan yang berbentuk rasuah. BPR terus mendapat kepercayaan serta sambutan dan kerjasama dari orang ramai.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa Badan Pencegah Rasuah masih ada 333 jawatan kosong yang belum dapat diisikan. Sukacita saya bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila agaknya jawatan yang kosong ini dapat diisikan dan di dalam perantikan anggota-anggota BPR, adakah pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk menghantarkan pegawai-pegawai BPR ke luar negeri untuk mendapat latihan supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih efektif?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pengambilan kakitangan untuk mengisi jawatan-jawatan yang masih kosong ini mengalami sedikit kerumitan kerana pihak Perbendaharaan terpaksa mengurangkan peruntukan kepada semua Jabatan-jabatan yang mana ini sudah tentu akan menjejaskan pengambilan, tetapi apabila sahaja kita mampu kita akan mengambil kakitangan yang masih kosong ini.

Bekenaan dengan latihan, memang ada peruntukan untuk latihan di dalam negeri dan juga di luar negeri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berharap langkah-langkah yang telah diambil dan penyusunan semula akan menghasilkan kejayaan. Tetapi adakah benar amalan rasuah sekarang semakin hari semakin bertambah buruk?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jelaskan sekali lagi satu angka bandingan yang telah saya kemukakan tadi iaitu sepanjang tahun 1981 kita membuat siasatan berkenaan dengan 1,351 kes. Dalam tahun 1982 sehingga bulan September—iaitu cuma sembilan bulan kita sudah mendapat jumlahnya 1,913 kes, yang mana ini menunjukkan bahawa mungkin rasuah bertambah tetapi bahawa mungkin juga orang mempunyai lebih banyak kepercayaan kepada BPR ini dan mereka sanggup memberi segala maklumat yang mana ini membolehkan kita membuat siasatan.

Tentang perkara yang kedua, jawabnya tidak benar.

HOSPITAL BARU DI BEAUFORT, SABAH

5. Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah bangunan hospital baru di Beaufort, Sabah, siap dan dapat digunakan sepenuhnya dan jelaskan juga sebab-sebab kelambatan menyiapkan bangunan tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bangunan Hospital Baru Beaufort dijangka siap dan memulakan perkhidmatannya pada pertengahan tahun 1983.

Kelambatan dalam menyiapkan bangunan itu disebabkan oleh kegagalan kontraktor berkenaan untuk mematuhi jadual pembinaan yang telah ditetapkan dalam kontrak asal di mana pembinaan dijadualkan siap dalam bulan April, 1982.

UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN—PERUNTUKAN

6. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kerja-kerja telah dibuat oleh Jabatan Peguam Negara hasil daripada keputusan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam berhubung dengan beberapa cadangan untuk dimasukkan ke dalam Undang-undang Kanun Keseksaan mengenai kesalahan berkhawat, sekedudukan haram, perzinahan dan seumpamanya, mengikut apa yang telah diluluskan di masa Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Pengerusi Majlis itu.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebagai ahli jawatankuasa yang menyemak semula undang-undang mencegah khalwat, bersekedudukan secara haram dan berzina, Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan nasihat dan menggubal undang-undang bagi mewujudkan peruntukan dalam Kanun Keseksaan (Penal Code).

Sehingga ini satu laporan jawatankuasa tersebut telahpun dikemukakan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam yang telah membuat keputusan supaya perkara-perkara yang diliputi oleh laporan jawatankuasa itu dikaji oleh Badan Perunding Islam. Laporan tersebut telahpun dikaji oleh Badan Perunding Islam dan hasilnya

akan dikemukakan balik kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam.

Tindakan lanjut dalam hal ini yang akan dibuat oleh Jabatan Peguam Negara bergantung kepada keputusan Majlis Hal Ehwal Agama Islam itu.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Berapa lama lagikah agaknya undang-undang ini boleh diselesaikan oleh pihak Peguam Negara? Adakah sampai habis tempoh Parlimen ini sehingga pilihan-raya akan datang?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah hendak menyesuaikan Undang-undang Islam dengan Kanun Keseksaan, ini mengambil satu masa yang panjang kerana beberapa masalah mesti dikaji dengan teliti dan halus. Jadi oleh sebab itulah perkara ini tidak dapat dibuat dengan serta-merta kerana dibimbangkan akan menimbulkan masalah yang menyentuh kesucian ugama Islam ini sendiri.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Saya hendak bertanya daripada dahulu sehingga sekarang sudah berapa tahun perkara ini menjadi begini?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini baru sahaja dibuat kajian, belum sampai setahun mengikut kenyataan yang saya ada.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan usul Undang-undang Kanun Keseksaan ini sebagaimana yang dijawab tadi baru dibawa dan baru dilaksanakan, adakah cadangan ini dibawa semasa Dato' Haji Mohamed Asri di dalam Kabinet?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Masalah itu tak berbangkit.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebab dengan kematian Tun Abdul Razak sejak tahun 1976 sehingga sekarang dan sekarang sudah sampai tahun 1982

Tuan Yang di-Pertua: Tuan memberi penerangan!

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Bukan, saya hendak buat soalan tambahan iaitu kalau sebuah Kerajaan yang begitu cekap, bersih dan amanah, ini menunjukkan langkah 2M tidak begitu cekap dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan.

TV MALAYSIA—ARTIS

7. Tuan Haji Hashim bin Haji Endut minta Menteri Penerangan menyatakan sebab-sebab yang besar Kementerian mengkaji semula syarat-syarat bagi setiap artis yang menyertai rancangan TV Malaysia. Apakah selama ini atau sebelum dari ini mereka itu terkeluar dari garisan Rukunegara dalam menyertai rancangan TV.

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sebenarnya bukan mengkaji semula syarat-syarat bagi setiap artis yang menyertai rancangan TV Malaysia, tetapi mengemaskini syarat-syarat yang memang ada dan dilaksanakan selama ini. Umpamanya, syarat-syarat tertentu mengenai style rambut, pakaian serta kesopanan pada keseluruhannya memang telah wujud, tetapi ada antara syarat-syarat ini yang tidak jelas dari segi pandangan setengah dari artis-artis yang berlainan. Ini perlu dijelaskan bagi pengetahuan umum. Tujuan utama Kementerian mengemaskini syarat-syarat tersebut ialah supaya persembahan-persembahan rancangan TV Malaysia pada keseluruhannya dapat mencerminkan keperibadian, kesopanan dan kesusilaan masyarakat majmuk Malaysia. Ianya bermaksud untuk memberi kesedaran kepada artis bahawa rancangan-rancangan TV yang menyerap ke rumah-rumah dan ditonton oleh berjuta orang yang mempunyai aneka selera adalah berlainan dari pertunjukan-pertunjukan di kelab malam ataupun pentas yang penonton-penonton terbatas, serta selera mereka tidak begitu berbeza.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Saya menyanjung tinggi usaha RTM hendak mengadakan semacam kawalan kepada pakaian dan gerak-geri para artis-artis tempatan yang mengambil bahagian di dalam rancangan TV supaya apa yang dipersembahkan dan termasuk presentasi dirinya sendiri itu sesuai dengan norma-norma masyarakat timur kita. Walau bagaimanapun, soalan saya ialah apakah syarat-syarat yang sama dan kriteria yang sama dikenakan juga kepada artis-artis asing yang mengambil bahagian di dalam program-program yang kita import sebab apa yang keluar di dalam kaca TV itu sama ada filem itu diimport atau filem itu dibuat di sini kita menggunakan artis-artis tempatan kesannya kepada penonton adalah serupa. Oleh itu, kalau seorang artis daripada tempatan tidak dibenarkan memakai pakaian-pakaian yang menjolok mata tetapi artis-artis daripada luar negeri dibenarkan pula memakai pakaian bikini dan menari di dalam keadaan menghairahkan, maka saya kira kita ada dua standard moral dalam hal ini. Apakah penyelesaian RTM terhadap masalah ini?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd.

Adam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi artis-artis yang dimaksudkan dalam peraturan ini hanyalah untuk artis-artis tempatan sahaja dan peraturan ini memang dikhususkan untuk artis tempatan.

Dari segi kawalan persembahan filem-filem yang diimport, kita menyerahkan kepada Filem Censorship Board dan juga Penal TV sendiri untuk menentukan penyerapan norma-norma yang sesuai dengan bangsa dan agama kita ditekankan. Dalam pada itu kita juga dapati ada kalanya jalan cerita itu akan terputus kalau terlalu banyak dipotong dan kita menentukan hanya long shot sahaja ataupun di mana penggambaran itu meliputi seluruh character atau watak itu long shot sahaja yang dibenarkan apabila masalah-masalah moral itu timbul dan kita cuba sebanyak mungkin mengawal supaya norma-norma yang bertentangan dengan nilai-nilai budaya

kita tidak menyerap masuk dengan sewenang-wenangnya.

SEMPADAN NEGERI PERAK/ PULAU PINANG/KEDAH

8. Tuan Lim Liang Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada satu kajian telah diadakan mengenai pertikaian-pertikaian sempadan di antara Negeri Perak dengan Pulau Pinang serta di antara Negeri Kedah dengan Pulau Pinang; jika ya, apakah hasil kajian itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamad Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 2 Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan, Negeri-negeri Persekutuan adalah terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Trengganu. Wilayah negeri-negeri tersebut adalah seperti mana dinyatakan oleh Fasal 3 dan 4 Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan. Wilayah-wilayah bagi tiap-tiap satu negeri tersebut ialah wilayah-wilayah yang terkandung dalam negeri itu sebelum sahaja Hari Malaysia, iaitu sebelum sahaja 16hb September tahun 1963. Dalam lain-lain perkataan: Sempadan bagi sesebuah negeri dalam Malaysia adalah Sempadan pada sebelum sahaja 16hb September, 1963 iaitu pada 15hb September, 1963. Walau bagaimanapun, di bawah Perlembagaan Persekutuan, sempadan mana-mana negeri boleh diubah oleh Parlimen dengan undang-undang, tetapi undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan negeri itu yang dinyatakan dengan undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu dan Majlis Raja-Raja. Cara-cara mengubah sempadan mana-mana negeri terkandung dalam Perkara 2 (b) Perlembagaan Persekutuan.

Mengenai perkara sempadan di antara Negeri Perak dan Negeri Pulau Pinang, apa-apa kajian yang dibuat hendaklah berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang sepertimana saya sebutkan tadi.

Berhubung dengan sempadan di antara Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang perkara tersebut sedang diambil tindakan oleh Majlis Tanah Negara.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, soalan tambahan. Baru-baru ini Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak ada campurtangan mengenai isu sempadan Perak dan Pulau Pinang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bersetuju Sultan Perak tidak ada kuasa campurtangan dalam perkara ini oleh kerana Sultan adalah menjadi secular head; figure head yang tidak ada executive power. Adakah itu betul?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh benarkan soalan itu kerana soalan itu minta fikiran, bukan boleh ditentukan.

Yang Berhormat Datuk Leonard Linggi anak Jugah.

(Soalan No. 9 Y.B. Datuk Leonard Linggi anak Jugah tidak hadir)

BANDUAN-BANDUAN DIBEBAHKAN SEMPERNA ULANG TAHUN KE 25 KEMERDEKAAN

10. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan nama-nama mereka yang telah dibebaskan sempena Ulang Tahun Merdeka 25 tahun dalam kes-kes di mana pada awalnya mereka dihukum gantung kerana memiliki senjata api di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan kemudiannya hukum itu dikurangkan kepada penjara seumur hidup.

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, seramai 9 banduan dalam kategori tersebut telah dibebaskan sempena ulang tahun kemerdekaan yang ke 25. Mereka yang dibebaskan adalah seperti berikut:

- (i) Tumiran bin Ahmad
- (ii) Darlan bin Parwok
- (iii) Fadzil bin Othman
- (iv) Mohd. Yusof bin Abdullah *alias* Bala Bir Singh a/l Arjan Singh
- (v) See Nga Koh
- (vi) Ding Fong *alias* Din Pem a/l Din Ruang

(vii) Tiam s/o Endin Chin Mee

(viii) Hussin bin Mass

(ix) Mat Ali bin Shariff.

Suka saya nyatakan di sini bahawa banduan-banduan yang dibebaskan tersebut tidaklah mendapat pengampunan sepenuhnya, tetapi cuma baki hukuman mereka sahaja dihapuskan atau dikurangkan/diremitkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Perkara 42 Perlembagaan dan Peraturan 29, Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendak melepaskan dua lagi banduan dalam tahanan selama lebih kurang 10 tahun iaitu Encik Siew Fat Peng dan Encik Mah Kong Cheam.

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

PEMBANGUNAN RANCANGAN TANAH DI SABAH

11. Tuan Haji Affendy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephen minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah projek yang akan dilaksanakan di Sabah seperti rancangan pembangunan atau skim-skim kemajuan tanah dan rancangan penempatan dalam tahun-tahun yang akan datang.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat buat masa ini RISDA dan FELDA telah menjalankan aktiviti mereka di negeri Sabah. Setakat ini FELDA telah memperluaskan aktiviti pembangunan rancangan tanah di Sabah dan kegiatan ini telah dimulakan di kawasan Umas-umas, Berhentian, Tawau sejak akhir tahun 1979. Sehingga ini sejumlah 17,143 hektar tanah

telah dibuka untuk kegunaan tanaman kelapa sawit, koko dan kawasan perkampungan.

PEMBACA BERITA DI RADIO/TV

12. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Penerangan sama ada Kementerian puas hati dengan mutu pembacaan berita dalam semua bahasa di radio dan televisyen Malaysia, yang sudah lama berkhidmat ini dan kalau tidak puas hati adakah pihak Kementerian bercadang memperkenalkan pembaca-pembaca berita yang baru sesuai dengan peradaran zaman.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Penerangan khususnya RTM menganggap bahawa mutu pembaca berita dalam semua bahasa di Radio dan TV adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, mereka sebagai kakitangan professional, tahap profesionalisma mereka masih boleh dipertingkatkan lagi. Memandang akan hal ini Kementerian Penerangan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk meningkatkan lagi mutu persembahan berita dengan cara-cara seperti berikut:

- (a) Mengubah bentuk Berita Nasional Televisyen dengan penggunaan dua pembaca serta corak persembahan yang baru mulai 18hb Oktober, ini, mengambil sempena awal Muharram.
- (b) Bercadang untuk mewujudkan pengkhususan dalam bidang pemberitaan dan pembacaan berita dengan cara mengadakan jawatan-jawatan khusus serta latihan-latihan khusus yang akan membawa kepada kepakaran dalam bidang tersebut.

HOSPITAL DI KAINGARAN SUGUT—PEMBINAAN

13. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah hospital

di Kaingaran Sugut dalam Daerah Beluran.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan untuk membina sebuah hospital bagi tiap-tiap daerah dalam masa jangka panjang. Berkaitan dengan kawasan Beluran, yang terletak dalam daerah Labuk Sugut, Kementerian telahpun membina sebuah hospital sejak tahun 1979 di bandar Beluran dalam daerah tersebut.

Di dalam kawasan Kaingaran yang terletak dalam daerah Labuk Sugut juga, terdapat sebuah pusat Kesihatan Kumpulan Kampong sejak tahun 1978.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat, satu projek Gudang Ubat Luar Bandar telah diluluskan untuk Kaingaran. Projek ini dicadangkan untuk memberi rawatan pesakit dalam dan pesakit luar, serta perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak dan kawalan penyakit berjangkit.

Dengan kemudahan-kemudahan yang sedia ada, serta projek Gudang Ubat Luar Bandar untuk Kaingaran maka Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk membina sebuah hospital di kawasan tersebut pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soalan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 14 hingga 31 adalah diberi di bawah ini).

SYARIKAT ASING— PERBELANJAAN MENG- AMBILALIH

9. Datuk Leonard Linggi Jugah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah wang yang dibelanjakan semasa tahun 1981 dan 1982 bagi maksud mengambil alih syarikat asing;

- (b) sama ada pengaliran keluar tukaran asing mendatangkan kesan yang kurang baik terhadap kesemua imbalan pembayaran;
- (c) anggaran pulangan dari syarikat tersebut bagi lima (5) tahun akan datang; dan
- (d) sama ada Kerajaan telah mencapai objektifnya untuk membawa balik syarikat-syarikat asing yang memperolehi sebahagian besar hasilnya dari ladang dan aktiviti sumber di Malaysia.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):

- (a) Jumlah wang yang dibelanjakan bagi maksud mengambilalih syarikat asing dalam tahun 1981 dan 1982 adalah \$2,125,679,028.
- (b) Lebih kurang satu pertiga daripada perbelanjaan aliran keluar negeri untuk memperolehi aset-aset syarikat-syarikat asing di Malaysia telah dibiayai daripada pinjaman luar, tetapi pengaliran masuk pinjaman ini dapat menampung pada sebahagiannya pengaliran keluar bagi pembayaran perolehan tersebut. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sebab utama kurang imbalan pembayaran negara adalah kerana kesemua eksport komoditi utama mengalami prestasi yang kurang baik akibat daripada kemerosotan ekonomi di negara-negara utama perindustrian.
- (c) Adalah tidak mungkin untuk menganggarkan pulangan-pulangan dari syarikat-syarikat asing yang telah diambil oleh rakyat Malaysia bagi tempoh lima tahun yang akan datang, terutama sekali disebabkan kebanyakan daripada syarikat tersebut telah diambilalih oleh sektor swasta yang mempunyai asas penilaian pelaburan sendiri. Walau bagaimanapun, satu petunjuk bagi jumlah bersih pembayaran-pembayaran dividen dan keuntungan yang telah dibayar keluar negeri bagi tahun 1981 adalah M\$1,000 juta dan M\$400 juta tahun 1982 sehingga bulan Jun.

- (d) Objektif Kerajaan untuk membawa balik syarikat-syarikat asing yang memperolehi sebahagian besar hasilnya dari ladang dan aktiviti sumber di Malaysia masih belum tercapai sepenuhnya. Walau bagaimanapun, sehingga kini Kerajaan telah berjaya mengambilalih/menambah ekuiti pelaburan dalam beberapa syarikat asing melalui Permodalan Nasional Berhad.

**LAPANGANTERBANG TAWAU—
PEMBESARAN**

14. Tuan Paul Kan Yau Fah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada peruntukan diberikan kepada pembesaran Lapanganterbang Tawau kerana buat masa ini, panjang landasan lapanganterbang tersebut hanya cukup untuk membolehkan Boing 737 sahaja membuat pendaratan.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Keadaan bukit bukau di sekeliling Lapanganterbang Tawau yang ada sekarang ini tidak membolehkan landasan terbang tersebut dipanjangkan lagi untuk pendaratan pesawat yang lebih besar dari B 737. Oleh yang demikian, peruntukan bagi tujuan tersebut telah tidak disediakan.

Walaupun bagaimanapun di bawah Rancangan Malaysia Ke Empat (1981-1985) peruntukan telah disediakan bagi kerja-kerja membesarkan bangunan terminal sebanyak \$448,900, membina sebuah bangunan kargo sebanyak \$339,790 dan membesarkan balai bomba sebanyak \$100,000. Kerja-kerja membesarkan bangunan terminal dan membina sebuah bangunan kargo telah siap dalam tahun 1981. Pembesaran balai bomba dijangka akan siap dalam bulan Disember, 1982.

Selain dari itu peruntukan sebanyak \$484,833 telah juga disediakan bagi pemasangan lampu-lampu landasan untuk pendaratan waktu malam. Urusan memanggil tender telah selesai dijalankan dan kerja-kerja akan dimulakan tidak berapa lama lagi. Pemasangan lampu-lampu ini dijangka siap dalam masa 6 bulan.

BUMIPUTRA DALAM SYARIKAT SWASTA

15. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan syarikat-syarikat swasta di Malaysia yang telah mematuhi peraturan pengambilan 30% daripada pekerjaannya terdiri dari kaum Bumiputra dan bilangan yang gagal berbuat demikian. Apakah langkah-langkah yang telah dirancang oleh Kerajaan terhadap syarikat-syarikat yang tidak mematuhi syarat ini dan sejauh manakah langkah-langkah ini berkesan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Syarikat-syarikat pengilangan yang dilesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 adalah disyaratkan supaya sebolehnya mengambil pekerja agar mencerminkan komposisi perbilangan kaum penduduk negeri ini bagi semua peringkat jawatan dan tidaklah terhad di paras 30% sahaja untuk pekerja Bumiputra.

Pada tarikh 31hb Disember, 1980 terdapat sejumlah 295,025 orang pekerja sepenuh masa dalam 1,732 buah syarikat perkilangan yang beroperasi dan dilesen oleh Kementerian saya. Daripada jumlah ini terdapat seramai 153,828 orang atau 52.15% pekerja Bumiputra, 138,148 orang iaitu 46.82% pekerja bukan Bumiputra dan 3,049 orang atau 1.03% pekerja rakyat Asing. Pembahagian pekerja seperti di atas adalah mencerminkan komposisi berbilangan kaum seperti yang disyaratkan.

Walau bagaimanapun, gunatenaga Bumiputra di peringkat atasan masih lagi berkurangan. Pembahagian gunatenaga Bumiputra mengikut kumpulan pekerjaan adalah seperti berikut:

(i) *Kumpulan Pengurusan*

Terdapat 1,863 Bumiputra atau 17.99% daripada 10,355 jawatan yang diisi;

(ii) *Kumpulan Penyeliaan dan Teknikal*

Terdapat 8,369 Bumiputra atau 30.63% daripada 27,320 jawatan yang diisi;

(iii) *Kumpulan Perkeranian, Jualan dan Perkhidmatan*

Terdapat 10,959 Bumiputra atau 24.04% daripada 43,661 jawatan yang diisi; dan

(iv) *Kumpulan Pekerja Kilang dan Pekerja Am*

Terdapat 132,637 Bumiputra atau 59.13% daripada 224,289 jawatan yang diisi.

Manakala komposisi Gunatenaga Bumiputra mengikut sektor Insurans, Bank, Pertanian dan perlombongan adalah seperti berikut:

(i) *INSURANS* (Untuk 31-12-81)

Pengurusan Peringkat Tinggi ...	29.4%
Pengurusan Peringkat Pertengahan	24.2%
Pengurusan Peringkat Rendah	27.5%
Perkeranian	31.7%
Bukan Perkeranian	48.2%
JUMLAH ...	34.5%

(SUMBER: Bahagian Insurans, Kementerian Kewangan)

(ii) *BANK* (Untuk 30-6-82)

Pengurusan Kanan	27.8%
Penyeliaan	43.0%
Perkeranian	43.6%
Bukan Perkeranian	45.1%
Buruh dan Lain-lain	67.0%
JUMLAH ...	46.0%

(SUMBER: Bank Negara)

(iii) *PERTANIAN* (Untuk 31-7-81)

Getah	29.5%
Kelapa	22.7%
Kelapa Sawit	56.9%
Teh	19.9%
Nenas	59.4%
KESELURUHAN ...	37.6%

(SUMBER: Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat)

(iv) *PERLOMBONGAN* (Untuk 31-7-81)

Timah	31.1%
Besi	45.9%
Boksaid	64.5%
KESELURUHAN ...	31.5%

(SUMBER: Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat)

Di samping itu Kementerian saya tidak dapat menyatakan bilangan syarikat-syarikat swasta di sektor-sektor lain yang telah mematuhi peraturan supaya pengambilan 30% daripada pekerjaannya terdiri dari kaum Bumiputra dan juga bilangan yang gagal berbuat demikian kerana sehingga kini belum ada kajian yang menyeluruh mengenai perkara tersebut dijalankan. Walau bagaimanapun adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan syarikat-syarikat swasta

mengambil tenaga pekerja yang mencerminkan komposisi penduduk berbilang kaum di negara ini.

Berhubung dengan syarikat-syarikat pengilangan yang dilesenkan, Kementerian saya sentiasa menghubungi syarikat-syarikat tersebut supaya melaksanakan syarat-syarat lesen pengilangan. Terdapat juga beberapa syarikat yang mempunyai rancangan-rancangan latihan serta biasiswa sendiri yang memberi keutamaan kepada Bumiputra. Mereka juga berhubungan rapat dengan institusi-institusi pengajian tinggi untuk mendapatkan bakal-bakal tenaga Bumiputra. Di samping itu mereka juga memberikan keutamaan kepada calon-calon Bumiputra semasa mengiklankan jawatan-jawatan tertentu di akhbar.

Kepada sebilangan kecil syarikat-syarikat yang tidak menunjukkan sebarang usaha untuk mengambil pekerja Bumiputra, Kementerian saya boleh menarik balik sokongannya untuk syarikat berkenaan dari menikmati beberapa kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan seperti lanjutan tempoh pengecualian cukai dan sebagainya.

JAWATAN GURU BESAR/ PENOLONG KANAN SEKOLAH RENDAH CINA

16. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan jawatan-jawatan Guru Besar dan Penolong Kanan di Sekolah-sekolah Rendah Cina di negeri Pulau Pinang yang masih tinggal kosong, dan sama ada beliau bersetuju keadaan seperti ini akan menjejaskan pentadbiran sekolah-sekolah itu, dan apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mengisikan jawatan-jawatan ini dan bila jawatan-jawatan kosong itu akan dipenuhi.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Untuk makluman Yang Berhormat bilangan jawatan-jawatan Guru Besar dan Penolong Kanan di Sekolah-sekolah Rendah Cina di Negeri Pulau Pinang yang masih tinggal kosong adalah 30 jawatan, yang

mana satu daripadanya ialah jawatan Guru Besar dan yang lain jawatan Penolong Kanan. Sungguhpun demikian kekosongan ini tidaklah begitu menjejaskan pentadbiran sekolah kerana walaupun terdapat kekosongan jawatan berlaku di sekolah-sekolah tersebut, tetapi ingin saya tegaskan bahawa kekosongan bagi kedua-dua jawatan Guru Besar dan Penolong Kanan serentak dalam sekolah-sekolah yang berkenaan ini tidak berlaku. Ini adalah kerana Kementerian senantiasanya menentukan bahawa tiap-tiap sekolah hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai seorang Guru Besar atau Penolong Kanan untuk mentadbirkan sekolah itu pada setiap masa. Dengan yang demikian adalah jelas bahawa kekosongan jawatan-jawatan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tidak menjejaskan pentadbiran sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Pelajaran telahpun mengambil tindakan untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong itu. Adalah dijangka bahawa pegawai-pegawai tersebut akan ditempatkan untuk mengisi jawatan-jawatan itu sebelum penghujung bulan Oktober ini setelah dipertimbang dan diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat di Kementerian ini.

BURUH ASING DI SABAH

17. Tuan Newman Gaban minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau sedar bahawa kedatangan ramai pendatang kaum buruh yang tidak mahir dari negara-negara jiran akan menimbulkan implikasi seperti menjadikan kadar gaji untuk semua pekerja di Sabah menurun dan ini bertentangan dengan tujuan kita untuk menaikkan pendapatan orang-orang Malaysia yang lebih miskin, dan jika sedar apakah tindakan yang telah diambil atau dirancangkan bagi mengatasi masalah ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato Mak Hon Kam): Kementerian saya sedar atas ujudnya tenaga buruh

asing di Negeri Sabah. Negeri Sabah telah mengalami kekurangan tenaga buruh mahir dan tidak mahir sejak tahun 1947 lagi dan sejak itu negara-negara Indonesia dan Filipina telah menjadi sumber-sumber tenaga buruh bagi menampung kekurangan yang dihadapi. Kebanyakan dari tenaga buruh asing ini menjalankan kerja-kerja yang tidak mahir dan mereka ini digajikan oleh majikan-majikan besar yang mempunyai lebih dari 20 orang pekerja.

Adalah tidak benar jika dikatakan kedatangan pekerja-pekerja asing itu mengakibatkan kadar gaji pekerja menurun. Di sebaliknya dalam tahun 1981 kadar gaji bagi pekerja di sektor perladangan telah meningkat sebanyak 81% dalam tempoh 8 tahun. Dalam tahun yang sama kadar gaji pekerja di sektor pembalakan telah meningkat 228% dalam tempoh 8 tahun. Sektor-sektor yang disebutkan itu adalah di mana pekerja-pekerja asing dan tempatan bekerja bersaing.

Jika sekiranya terdapat kedatangan pekerja-pekerja asing mengakibatkan kadar gaji menurun, Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

PROJEK PEMBANGUNAN SEKOLAH

18. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah projek pembangunan sekolah serta rancangan-rancangan pendidikan yang telah dibatalkan bagi tahun 1982 akibat dari penjimatan perbelanjaan Kerajaan; dan nyatakan bagaimanakah kesan-kesannya ke atas mutu pelajaran serta kecekapan sistem persekolahan pada keseluruhannya dapat dikurangkan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha Kementerian Pelajaran berjimat cermat memang ada pelaksanaan projek pembangunan sekolah tahun 1982 yang ditunda kepada satu tarikh yang belum lagi ditetapkan. Projek-projek tersebut ialah seperti pembinaan kompleks sukan dan projek-projek baru

bagi pejabat Pelajaran Negeri. Di samping itu ada juga projek-projek yang kurang penting seperti pembinaan dewan, tempat basikal, membaiki dan meluaskan padang permainan bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah dibatalkan. Bagaimana pun rancangan-rancangan pendidikan yang lain tidak terlibat dalam usaha menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

Secara umumnya Kementerian Pelajaran berpendapat bahawa penundaan/pembatalan projek-projek ini tidak akan menjejaskan pencapaian mutu pelajaran dan matlamat yang dirancang kerana projek-projek ini bukanlah merupakan projek-projek prioriti utama.

BAJA PADI SUBSIDI KERAJAAN

19. Tun Ismail bin Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan apakah benar kenyataan yang dibuat oleh para petani khususnya di Perlis mengatakan bahawa baja subsidi Kerajaan adalah kurang mutu dan juga telah menyebabkan penyakit padi berdaun merah; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil bagi mengatasinya dan jika tidak apakah sebenarnya punca berlaku penyakit padi seperti yang tersebut serta apakah pula tindakan untuk pencegahannya.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Adalah tidak benar sama sekali kenyataan mengatakan baja padi subsidi Kerajaan kurang bermutu dan juga menyebabkan penyakit padi berdaun merah.

Penyakit merah yang menyerang tanaman padi di Perlis atau di lain-lain tempat sekarang adalah disebabkan oleh sejenis kuman virus yang dibawa oleh Bena Hijau.

Kementerian Pertanian sedang mengambil tindakan untuk mencegah dan mengawal serangan penyakit ini. Antara lain tindakan-tindakan pencegahan adalah petani-petani terlibat perlu menghapuskan punca kuman virus dengan membakar pokok-pokok padi yang berpenyakit selepas padi itu dituai atau membajak tanah mereka. Pengawasan yang rapi akan juga dibuat oleh Jabatan Pertanian terhadap pembawanya,

iaitu bena hijau dan jika dipopulasinya berlebihan, petani-petani hendaklah membuat semburan dengan racun yang disyorkan oleh Jabatan atau agency berkenaan petani-petani juga dinasihatkan supaya menanam jenis-jenis padi yang tahan terhadap serangan penyakit merah seperti MR1 dan MR7.

Perlu dijelaskan usaha Kerajaan tidak mencukupi untuk mencegah dan mengawal penyakit ini tanpa kerjasama dan usaha petani-petani sendiri. Kerajaan boleh membantu petani-petani untuk membantu diri mereka.

KAFIR-MENGKAFIR— PERPECAHAN DALAM ISLAM

20. Dato' Haji Mohamad bin Haji Ali minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan beliau bagi mengatasi masalah kafir-mengkafir, sembahyang dua imam, kubur berasingan dan lain-lain kegiatan yang memecahbelahkan masyarakat di kalangan umat Islam yang berlaku di Trengganu dan Kelantan.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Kerajaan memang memandangkan berat masalah kafir-mengkafir, sembahyang dua imam, kubur berasingan dan lain-lain kegiatan yang memecahbelahkan masyarakat Islam yang berlaku di Negeri Trengganu dan Kelantan.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah-masalah ini. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (a) Jabatan Ugama Islam Negeri telah mengadakan perjumpaan dan dailog dengan pihak-pihak yang terlibat untuk mencari persefahaman dan penyelesaian;
- (b) Jabatan Ugama Islam Negeri sedang memperhebatkan dakwah melalui penerangan, syarahan dan penyebaran risalah-risalah; dan
- (c) Beberapa badan dakwah juga telah mengambil inisiatif bagi membantu Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

Satu jawatankuasa telah dibentuk oleh Badan-badan Dakwah tersebut, dan telah melawat ke Negeri Trengganu pada 25-29hb Ogos, 1982, dengan tujuan berjumpa dan berdailog dengan pihak-pihak yang terlibat untuk mencari persefahaman dan penyelesaian.

Sayugia ditegaskan di sini bahawa soal ini pada dasarnya ialah dalam bidang tanggungjawab Kerajaan Negeri-negeri berkenaan oleh sebab ianya ialah hal ehwal Ugama.

Walau bagaimanapun, oleh kerana masalah ini adalah merupakan masalah yang sangat berat lebih-lebih lagi dari segi Ugama dan kedudukan Ugama Islam khasnya dan ugama-ugama lain adalah terjamin kedudukannya dalam Perlembagaan Malaysia, maka Kerajaan Pusat bercadang untuk mengujudkan peruntukan dalam undang-undang bagi melindungi dan menjamin kesucian Ugama Islam di negara ini.

TANAH REZAB ORANG MELAYU

21. Tuan Abdul Raman bin Suliman minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah keluasan Tanah Rezab Orang Melayu yang telah diambil oleh Kerajaan bagi tujuan pembangunan sejak selepas tahun 1957; dan
- (b) sama ada jumlah keluasan yang telah di ambil oleh Kerajaan itu telah digantikan dengan jumlah keluasan yang sama juga, jika tidak mengapa.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Rais Yatim):

- (a) Jumlah keluasan Tanah Rezab Orang Melayu yang telah diambil oleh Kerajaan bagi tujuan pembangunan sejak selepas tahun 1957 mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

(i) Kelantan

Jumlah keluasan tanah yang telah diambil balik lebih kurang 8,000 hectar

(ii) *Trengganu*

Jumlah keluasan tanah yang telah diambil balik ialah 7,477 hecтар

(iii) *Pahang*

Jumlah keluasan tanah yang telah diambil balik ialah 28,655 hecтар

(iv) *Melaka*

Tidak ada kawasan Simpanan Melayu.

(v) *Negeri Sembilan*

Jumlah keluasan tanah yang telah diambil balik ialah lebih kurang 320 hecтар

(vi) *Wilayah Persekutuan*

Jumlah keluasan tanah yang telah diambil balik ialah 1 hecтар

(vii) *Selangor*

Jumlah keluasan tanah yang telah diambil balik ialah 2,376 hecтар

(viii) *Pulau Pinang*

Tidak ada kawasan simpanan Melayu

- (b) Jawapan bagi soalan 1 (a) mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Kelantan

Tanah-tanah yang telah diambil balik tidak diganti, kerana tanah yang diambil balik tersebut tidak dibatalkan sebagai rizab kawasan simpanan Melayu. Rizab ini tidak dibatalkan kerana hampir 99% tanah di Negeri Kelantan merupakan tanah simpanan Melayu dan Kerajaan sebagai pihak yang mengambil balik tanah yang ini dianggap sebagai Melayu.

Trengganu

Kawasan yang diambil balik tidak diganti kerana rizab kawasan simpanan Melayu tersebut tidak dibatalkan. Rizab tersebut tidak dibatalkan kerana tanah tersebut digunakan oleh Kerajaan.

Pahang

Tanah-tanah yang diambil balik telah pun diganti dengan tanah Kerajaan yang lain.

Proses mewartakannya sebagai tanah rizab Melayu sedang dalam tindakan.

Negeri Sembilan

Jumlah tanah rizab orang Melayu yang telah diambil balik oleh Kerajaan dan telah diganti lebih kurang 160 hecтар dan bakinya dalam proses penggantian.

Wilayah Persekutuan

Tanah yang telah diambil balik tidak diganti kerana tanah tersebut digunakan untuk faedah orang-orang di kawasan itu. (Untuk loji bekalan air).

Selangor

Tanah yang diambil balik telah diganti sebanyak 93.18 hecтар dan bakinya di dalam proses penggantian.

TARAF HIDUP PENDUDUK DI SABAH/SARAWAK

22. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan perbezaan dalam kos taraf hidup di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia bagi tahun 1981, beri sebab-sebab taraf hidup di Sabah dan Sarawak adalah begitu tinggi berbanding dengan Semenanjung Malaysia dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk merapatkan jurang tersebut dan bagi melindungi kepentingan penduduk di Sabah dan Sarawak.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa kita tidak mempunyai angka tunjuk kos taraf hidup untuk mengukur perbezaan taraf hidup di antara negeri-negeri dan kawasan di Malaysia. Angka Tunjuk Harga Pengguna (AHP) yang digunakan pada masa ini untuk mengukur kenaikan harga selalu disalahangap sebagai angka tunjuk kos taraf hidup. Kos taraf hidup sebenarnya adalah berlainan daripada Angka Tunjuk Harga Pengguna (AHP) dan merupakan satu konsep yang amat rumit yang perlu mengambil kira pelbagai faktor. Perubahan-perubahan

dalam harga seperti yang diukur oleh Angka Tunjuk Harga Pengguna adalah hanya satu daripada faktor-faktor penting yang mempengaruhi kos taraf hidup. Antara faktor-faktor lain yang mesti diambil kira adalah perubahan-perubahan dalam pendapatan, perubahan dalam cita rasa, perubahan dalam pola perbelanjaan serta juga bilangan isirumah. Memandangkan yang Angka Tunjuk Harga Pengguna hanya mengukur perubahan-perubahan dalam harga bagi sekumpulan tetap barang-barang dan perkhidmatan dan tidak mengukur perubahan-perubahan lain pada masa yang sama, maka ianya tidaklah boleh disamakan atau digunakan sebagai angka tunjuk kos taraf hidup.

Sebagai petunjuk kepada perubahan-perubahan harga, bagi keseluruhan tahun 1981, Angka Tunjuk Harga Pengguna masing-masing meningkat sebanyak 9.6%, 10.7% dan 11.1% di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak berbanding dengan kadar masing-masing sebanyak 6.7%, 6.8% dan 7.7% dalam tahun 1980. Pecahan kepada Angka Tunjuk Harga Pengguna menunjukkan yang kadar pertambahan yang tinggi dalam tahun 1981 adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh pertambahan dalam kebanyakan angka tunjuk-angka tunjuk, khususnya makanan, minuman dan tembakau; sewa kasar, bahan api dan kuasa dan pengangkutan dan perhubungan. Dengan itu, arah aliran harga adalah sama di kawasan-kawasan ini, walaupun paras harga-harga pengguna secara bandingannya adalah tinggi di Sabah dan Sarawak berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Perbezaan-perbezaan harga adalah terutamanya disebabkan oleh kos-kos pengangkutan dan upah-upah buruh yang tinggi serta juga import makanan yang banyak ke Sabah dan Sarawak.

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah fiskal, kewangan dan pentadbiran untuk mengurangkan inflasi di seluruh Malaysia. Langkah-langkah yang telah dijalankan terdiri dari perubahan-perubahan cukai seperti pelepasan dan pengurangan duti-duti

import dan eksais, penyediaan subsidi-subsidi, galakan-galakan bagi menambahkan pengeluaran, dan pengurusan kewangan yang lebih teliti dan berkesan. Berikutan dari langkah-langkah ini, kadar kenaikan harga telah menjadi sederhana. Sebagai contohnya, dalam tujuh bulan pertama tahun 1982, kadar kenaikan harga di Sabah dan Sarawak masing-masing adalah sebanyak 5.3% dan 5.8%. Kenaikan harga di kedua negeri ini adalah rendah berbanding dengan kadar pertambahan sebanyak 6.3% bagi Semenanjung Malaysia.

BURUH DI SEKTOR LADANG— KEKURANGAN

23. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan :

- (a) sama ada beliau sedar kekurangan buruh yang mahir dalam negara ini khasnya di ladang-ladang yang mungkin disebabkan oleh gaji yang rendah bagi kerja-kerja berhubung dengan ladang. Akibatnya ramai orang asing khususnya orang-orang Indonesia telah memasuki secara haram untuk mengisi kekurangan buruh artificial atau buatan manusia ini. Pada hakikatnya, negara kita sedang menerusi suatu ressesi atau kemelesetan dan masih ada lagi buruh lebihan di pasaran ini;
- (b) adakah Menteri menyiasat dengan mendalam untuk melahirkan suatu rancangan yang berkesan dalam mana buruh lebihan kita dapat digunakan untuk mengisi kekurangan buruh yang teruk di dalam ladang-ladang atau estet-estet; dan
- (c) jika tiada, apakah langkah-langkah Menteri telah mengambil untuk memastikan ia tidak akan mempunyai masalah buruh lebihan jangka panjang apabila angkatan buruh yang kecukupan kita sendiri datang ke dalam pasaran dengan kemelesetan yang lebih mendalam.

Datuk Mak Hon Kam: Saya tidak boleh nafikan bahawa terdapat kekurangan tenaga buruh di sektor perladangan. Masalah itu adalah terhadap kepada negeri Johor dan kawasan-kawasan perladangan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Ini mungkin disebabkan oleh peluang-peluang pekerjaan yang ujud di sektor-sektor lain. Dengan yang demikian terdapat juga pekerja-pekerja asing yang telah diambil untuk mengisi kekurangan di sektor perladangan. Memandangkan kepada perkembangan ini Kerajaan sedang mengkaji masalah ini secara mendalam.

Perkara-perkara yang dibangkitkan dalam para (b) dan (c) adalah juga termasuk dalam kajian yang saya sebutkan tadi.

BILANGAN PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

24. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pemohon-pemohon kewarganegaraan yang telah lulus dalam ujian bahasa lisan yang masih belum menerima kewarganegaraan lagi sejak 1971 hingga masa ini dan berapa bilangan pemohon-pemohon yang mengambil ujian bahasa lisan dan berapa ramai yang telah gagal.

Dato Musa Hitam: Jumlah pemohon yang membuat permohonan kewarganegaraan yang telah lulus ujian lisan Bahasa Malaysia yang masih belum menerima kewarganegaraan semenjak tahun 1971 sehingga 31hb Ogos, 1982 ialah 7,225 permohonan. Semenjak tahun 1978 hingga 31hb Ogos, 1982 bilangan permohonan yang mengambil ujian lisan Bahasa Malaysia ialah 11,566 dan yang gagal ialah 6,068 orang.

MAS—KEPERLUAN PENUMPANG/MUATAN KARGO

25. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan penumpang dan kargo MAS dalam

Sarawak dan di antara Singapura/ Semenanjung Malaysia dan Sarawak/Sabah mencukupi;

- (b) langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan lapangan terbang di Sarawak terutama sekali berkaitan dengan kemudahan mendarat di sebelah malam di bandar-bandar besar.

Dato' Lee San Choon:

- (a) Pihak MAS sentiasa mengkaji dan mengawasi permintaan untuk keperluan penumpang dan muatan kargo bagi memenuhi permintaan pasaran untuk kesemua sektor-sektor penerbangan MAS dan ini meliputi penerbangan-penerbangan dalam negeri Sarawak dan juga penerbangan-penerbangan di antara Semenanjung Malaysia/ Singapura dan Sabah/Sarawak. Sekiranya dari segi pencapaian "seat factor" didapati perlu untuk menambah bilangan penerbangan atau mengadakan kapasiti tambahan, MAS akan mengadakan tambahan-tambahan tersebut mengikut sepertimana yang diperlukan untuk memenuhi permintaan pasaran.

Selaras dengan pendekatan ini, MAS semenjak bulan April 1982, telahpun mengadakan penambahan kapasiti melalui penerbangan-penerbangan tambahan atau mengadakan penerbangan pesawat-pesawat yang lebih besar bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang melibatkan negeri Sarawak/ Sabah. Misalnya penambahan kapasiti ini telah diadakan pada sektor-sektor berikut:

Sektor-sektor dalam Sarawak

Di antara Kuching dan Miri terdapat penambahan kapasiti dari 2,940 tempat duduk kepada 3,365 tempat duduk iaitu dengan adanya penambahan jumlah penerbangan dari 42 kali seminggu kepada 46 kali seminggu. Bagi sektor-sektor lain dalam negeri Sarawak, MAS telah tidak membuat penambahan

kapasiti kerana muatan yang sedia ada masih mencukupi untuk memenuhi keperluan orang ramai. Secara purata, pencapaian "seat factor" bagi sektor-sektor dalam Sarawak ialah di antara 64-82%.

Sektor Kuala Lumpur—Kota Kinabalu.

Pertambahan Kapasiti: 4,122 tempat duduk kepada 5,284 tempat duduk.

"Seat Factor" sekarang: 77.8%.

Singapura—Kota Kinabalu

Pertambahan Kapasiti: 1,520 tempat duduk kepada 1,722 tempat duduk.

"Seat Factor": 66.5%.

Singapura—Kuching

Pertambahan Kapasiti: 2,226 tempat duduk kepada 2,464 tempat duduk.

"Seat Factor": 73.9%.

Bagi sektor-sektor di antara Kuala Lumpur—Kuching dan Johor Bahru—Kuching, penambahan kapasiti tidak diadakan kerana muatan yang ada mencukupi untuk menampung permintaan pasaran sekarang. Pencapaian "seat factor" pada sektor-sektor ini ialah di antara 63%-69%.

Pada musim-musim perayaan atau cuti sekolah, MAS mengadakan penerbangan-penerbangan tambahan supaya penumpang-penumpang tidak mengalami kesukasan mendapat tempat duduk.

Bagi pengangkutan kargo pula muatan yang diadakan sekarang mencukupi dan pihak MAS dapat membawa kargo ke Sarawak dan Sabah dalam masa yang dikehendaki. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, selain dari penerbangan-penerbangan penumpang yang juga membawa kargo, MAS juga mempunyai sebuah pesawat B 737 khas untuk kargo bagi menampung keperluan pasaran.

(b) Langkah-langkah yang sedang diambil bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan di lapangan-terbang-lapanganterbang di Sarawak adalah seperti berikut:

Lapanganterbang Kuching—

Landasan telah dipanjangkan untuk operasi Airbus. Kerja-kerja meneruskan pembinaan sebuah bangunan terminal baru sedang lancar dijalankan dan dijangka siap pada bulan Julai 1983.

Lapanganterbang Bintulu—

Kerja-kerja membesarkan bangunan terminal sedang dijalankan dan dijangka siap pada bulan November 1982. Kerja-kerja membesarkan "parking apron" telahpun siap dijalankan.

Kerajaan juga bercadang membina sebuah lapanganterbang baru di Bintulu untuk membolehkan Airbus mendarat. Projek ini hanya akan dimulakan setelah tapak yang sesuai dipersetujui.

Lapanganterbang Miri—

Sebuah bangunan terminal baru akan didirikan dan ianya dijangka siap pada bulan Jun 1984.

Lapanganterbang Sibul—

Sebuah lapanganterbang baru akan dibina untuk menampung keperluan pesawat Airbus. Projek ini berada dalam peringkat 'detailed design' dan dijangka siap dalam tahun 1986.

Lapanganterbang Limbang—

Satu kajian pelan induk telahpun dijalankan untuk membina sebuah lapanganterbang baru di Limbang.

Berhubung dengan kemudahan pendaratan waktu malam, saya maklumkan bahawa pada masa ini Lapanganterbang Kuching dan Bintulu telahpun dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan tersebut.

Bagi Lapanganterbang Miri dan Sibu, tindakan sedang diambil untuk pemasangan lampu-lampu landasan. Bagi Lapanganterbang Miri ianya akan siap pada penghujung bulan Oktober 1982 dan bagi Sibu pula pada pertengahan tahun 1983.

TUNTUTAN KAWASAN SEMPADAN PERAK/ PULAU PINANG

26. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan kemajuan yang telah tercapai mengenai tuntutan ke atas sebidang kawasan di sempadan Perak/Pulau Pinang yang dibuat oleh Negeri Perak dan adakah Kementerian beliau akan berpandu dengan bukti-bukti yang terdapat di dalam dokumen yang tersimpan di dalam Arkib Negara.

Dato' Rais Yatim: Setakat ini Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah belum lagi dihubungi oleh mana-mana pihak berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PERKHIDMATAN TELEFON DI SABAH

27. Tuan Haji Affendy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephens minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian berkenaan sedar bahawa apabila hujan terus menerus berlaku keadaan talian telefon di Sabah kurang memuaskan dan ini menyebabkan panggilan-panggilan susah dibuat. Adakah cara atau jalan yang boleh melindungi talian-talian telefon ini sekiranya berlaku hujan yang terus menerus.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa apabila hujan terus menerus berlaku, memang terdapat gangguan terhadap perkhidmatan telefon di Sabah. Ini adalah sebab kebel-kebel bawah tanah yang lama dan rosak, senang diresapi air dan ini menyebabkan kerosakan dan melibatkan perhubungan telefon terputus sama sekali.

Walau bagaimanapun, suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Haji bahawa Jabatan Telekom sedang berusaha mengatasi masalah ini dan untuk tujuan ini beberapa langkah telah dan sedang diambil, di antaranya:

- (i) Menggantikan kebel-kebel yang lama dengan kebel-kebel yang baru;
- (ii) Menggunakan saluran-saluran yang khas (ducts) semasa pemasangan kebel yang akan menyekat penyebaran air;
- (iii) Melaksanakan "pressurised cables" dan memastikan bahawa laluan-laluan saluran yang penting adalah diletak di dalam perlindungan konkrit untuk memelihara ketahanan kebel dan ini akan dapat menghalang daripada kerosakan akibat perubahan cuaca.

Saya yakin dengan pelaksanaan langkah-langkah tersebut di atas, masalah gangguan dan kerosakan perkhidmatan telefon di Sabah akan dapat diatasi.

LADANG FELDA SUGUT

28. Tuan Hassan Alban Haji Sandukong minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk membuka ladang FELDA Sugut dalam Daerah Beluran.

Dato Rais Yatim: FELDA telah memulakan pembangunan tanah di Sabah pada akhir tahun 1979 di kawasan Umas-Umas Brantian, Tawau. Selain dari kawasan Umas-Umas Brantian, FELDA telah juga memulakan kerja-kerja pembangunan di Semenanjung Dent pada akhir tahun 1980. Jumlah kawasan yang diluluskan kepada FELDA di Sabah ialah 99,960 hektar atau \pm 247,000 ekar. Sehingga sejumlah 17,143 hektar telah dimajukan dan pecahan mengikut kegunaan tanah adalah seperti berikut:

<i>Kegunaan Tanah</i>			<i>Luas Kawasan (Hektar)</i>
Sawit	12,781
Koko	3,665
Kawasan Kampong	697
Jumlah			17,143

Mengenai kawasan Sugut dalam Daerah Beluran setakat mana yang saya maklum, kawasan ini belum lagi ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada FELDA untuk pembangunan. Jika ditawarkan tentu sekali FELDA akan membuat kajian secara mendalam bagi menentukan kesesuaiannya untuk pembangunan. Takrif maju—Kawasan telah ditebas tebang.

PERMOHONAN KAD PENGENALAN/SIJIL KEWARGANEGARAAN

29. Tuan Paul Kan Yau Fah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada tindakan boleh dibuat dengan serta-merta bagi memproses permohonan-permohonan kad-kad pengenalan dan sijil-sijil warga-negara kerana terdapat terutamanya di Tawau, permohonan-permohonan tersebut masih tergantung selama beberapa tahun tanpa keputusannya diberitahu kepada pemohon-pemohon.

Dato Musa Hitam: Mengikut amalan sekarang, tindakan serta-merta diambil untuk memproses permohonan-permohonan kad pengenalan dan sijil-sijil kewarganegaraan dari pemohon seluruh negara. Tetapi masa yang diperlukan untuk memproses permohonan kad pengenalan tidaklah sama dengan urusan memproses permohonan kewarganegaraan. Permohonan kad pengenalan boleh diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi empat bulan sahaja, sekiranya maklumat-maklumat mengenai kelahiran dan taraf kewarganegaraan seseorang itu dapat dibuktikan melalui dokumen-dokumen yang sah. Bagi permohonan kad pengenalan yang tidak mempunyai dokumen seperti sijil kelahiran dan taraf kewarganegaraan, penyiasatan yang teliti dijalankan sebelum sesuatu keputusan dibuat. Tindakan terhadap permohonan dalam kategori ini akan memakan masa lebih daripada empat bulan. Proses menimbang dan memutuskan permohonan kewarganegaraan adalah dibuat dengan secara teliti dan mendalam terhadap kebenaran

dokumen-dokumen yang dikemukakan serta keterangan latarbelakang pemohon itu sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat, perangkaan mengenai permohonan kad pengenalan dari Tawau sehingga 31hb Ogos, 1982 adalah seperti berikut:

(i) Jumlah yang diterima ...	3080
(ii) Jumlah yang telah diselesaikan ...	2940
(iii) Baki dalam proses ...	140

Mengenai perangkaan permohonan kewarganegaraan dari Tawau bagi tempoh yang sama adalah seperti berikut:

(i) Jumlah yang diterima ...	3505
(ii) Jumlah yang diluluskan	1728
(iii) Jumlah yang ditolak ...	348
(iv) Baki yang masih lagi dalam peringkat pertimbangkan ...	1429

PEMASARAN PENGELUARAN PELADANG-PELADANG

30. Tuan Newman Gaban minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masalah besar dalam usaha meningkatkan pendapatan peladang-peladang di Sabah khasnya peladang-peladang luar bandar ialah masalah pemasaran pengeluaran-pengeluaran mereka, dan jika sedar apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian:

- (i) untuk mewujudkan harga pemasaran yang stabil dan tidak rumit;
- (ii) untuk mengawal pemerasan oleh orang-orang tengah;
- (iii) mengenai kekurangan pemasaran bagi setengah-setengah pengeluaran.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Saya sedar bahawa peladang-peladang luar bandar di Sabah menghadapi masalah memasarkan pengeluaran hasil-hasil mereka dari masa ke semasa. Usaha-usaha pemasaran di negeri ini di masa-masa yang lalu adalah dilaksanakan oleh SAMA (Sabah Marketing Agency Sdn. Bhd.) yang mengendalikan pemasaran

berbagai hasil-hasil pertanian. Bermula daripada tahun ini, usaha-usaha badan ini dalam bidang pemasaran adalah ditambah (complement) dengan lebih giatnya oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA. Pada tahun 1982, FAMA telah menolong memasarkan sebanyak 20 ton halia di Keningau bernilai lebihkurang \$11,000 dan 57 ton halia di Kudat bernilai \$31,000. Di masa hadapan FAMA akan menambah lebih ramai kakitangan dan menubuh pejabat-pejabat baru di Tawau, Lahad Datu, Keningau dan Kudat. Pada tahun ini juga FAMA telah mula menjalankan sebuah pusat memproses kelapa kering di Lahad Datu. Usaha-usaha ini bertujuan memberi sumbangan besar untuk mengurangkan masalah-masalah pemasaran yang dihadapi oleh petani-petani di Negeri Sabah.

CUKAI IMPORT KAIN/PERKAKAS LETRIK—MENGURANGKAN

31. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan akan mengurangkan cukai impot bagi barang-barang keperluan seperti kain-kain, perkakas-perkakas letrik yang mustahak dll., supaya dapat merangsang sektor perdagangan dan mengurangkan beban para pengguna dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Adalah menjadi dasar Kerajaan mengurangkan cukai impot terutama atas barang-barang keperluan rakyat. Di dalam Belanjawan 1982 misalnya Kerajaan telah menghapuskan cukai impot ke atas lebih 150 barang-barang terdiri daripada barang-barang makanan dan barang-barang yang digunakan oleh kaum tani dan kumpulan berpendapatan rendah. Bagi barang-barang yang diberi perlindungan tarif seperti kain dan alat-alat letrik yang dikeluarkan di negara ini, kadar perlindungan adalah dikaji dari masa ke semasa.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima sepucuk surat pagi ini daripada Yang Berhormat Tuan Karpal Singh yang mengemukakan kes di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) meminta kebenaran untuk menangguhkan persidangan Dewan Rakyat hari ini bagi membincangkan satu perkara tertentu bagi kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Setelah saya membacakan usul yang telah dihantar kepada saya itu, saya berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan. Saya menolak perkara ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) yang berbunyi, "Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan ini kecuali jika dia puas hati, iaitu perkara itu adalah perkara tertentu, berkehendak disegerakan....

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan....

Ahli-ahli Yang Berhormat: Duduk!

Tuan Karpal Singh: Jangan keriau, beri peluang. Tuan Speaker, di bawah Peraturan 18, saya ada hak untuk kemukakan usul ini, selepas itu, Tuan Speaker boleh tolak usul itu tetapi sebelum sampai itu, Tuan Speaker tidak ada hak untuk tolak macam ini. Ini jadi satu Menteri ada tipu, ada tipu satu orang yang sudah.....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap! Saya minta Yang Berhormat itu duduk. (*Disampuk*)

Tuan Karpal Singh: Beri saya cakap apa yang saya mahu cakap dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat itu duduk!

Tuan Karpal Singh: Dato' Samy Vellu ada tipu satu orang. (*Disampuk*)

Ahli-ahli Yang Berhormat: Duduk!

Tuan Karpal Singh: Ini satu perkara mustahak.

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya sebagai Speaker, saya telah memuktakan perkara itu tidak mustahak dan perkara itu ialah perkara mahkamah.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, belum dalam mahkamah. Apa yang ada dalam Mahkamah Persekutuan, apa yang ada dalam usul ini. Itu jadi satu permohonan seksyen 99, Criminal Procedure Code tidak ada sangkutan dengan usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat itu duduk mengikut Peraturan 42, "Mesyuarat hendaklah diam bila Pengerusi berucap. Ahli yang sedang berucap mesti duduk". (*Disampuk*)

Tuan Karpal Singh: Apa yang saya mahu ialah hak-hak kami. Barangkali Tuan Speaker jadi Speaker baru tetapi apa yang ada ini, (*Disampuk*) apa yang Dato' Samy Vellu ada buat satu perkara mustahak untuk dibangkitkan dalam Dewan ini, saya tuntutan kerana dapat peluang. Beritahu kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini apa yang ada berlaku dalam perkara ini. Dato' Samy Vellu ada tipu satu orang yang sudah mati. (*Disampuk*)

Dato' K. Pathmanaban: On a point of order. Yang Berhormat itu dirujuk kepada Committee of Privileges di atas bantahan kepada Speaker.

Tuan Karpal Singh: Timbalan Menteri Kesihatan ada campur tangan untuk padam perkara ini. Timbalan Menteri Kesihatan ada buat perkara ini untuk padamkan perkara ini, saya ada bukti mahu cabar?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya telah cadangkan bahawa behaviour Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Cabar saya untuk beri keterangan atas perkara itu di sini?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Nampaknya Yang Berhormat ini melanggar peraturan.

Tuan Karpal Singh: Apa ada ini? Saya tidak mendengar!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Wakil Jelutong!

Tuan Karpal Singh: Don't shout man!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: You sit down first. (*Ketawa*)

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah saya kemukakan usul sungguhpun Tuan Speaker boleh tolak?

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya sebagai Speaker, saya telahpun membaca Peraturan 18 (2), saya minta Yang Berhormat itu duduk. (*Tepuk*) Di bawah Peraturan 18 (2) seorang ahli yang hendak meminta izin mencadangkan, dia menghantar surat kepada saya sebagai Speaker, maka saya akan sekurang-kurangnya 4 jam. Saya telahpun menerima surat permohonan daripada Yang Berhormat itu dan saya baca dan saya telahpun menolak di bawah Peraturan 18 (2), saya tak beri izin kepadanya. Dan jikalau sekiranya beliau tidak puas hati di atas keputusan saya maka ia berkuasa membawa satu substantive motion, jadi saya tidak mengambil haknya. Dia boleh jikalau sekiranya sekarang ini mengeluarkan satu substantive motion di bawah Peraturan 43, "Pada mana-mana masa yang boleh yang ia mahu kemukakan". Pada masa sekarang saya tidak membenarkan permohonan ini. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Speaker, saya berdiri atas on a point of order. Saya tidak bantah atau mahu rujuk kepada keputusan mahu tolak, terima atau tolak itu hak Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya rasa satu perkara yang sangat mustahak sudah timbul atas procedure, saya bukan substantive, tolak atau tak tolak tetapi sebagai procedure, saya rasa sangat mustahak dan tanggungjawab Dewan ini ambil perhatian dan saya pun berdiri

Tuan Alias bin Md. Ali: Kami mahu menetapkan perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Alias bin Md. Ali: Boleh saya tahu atas point of order berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Apa berdiri? Duduk! Saya berdiri di sini

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat itu duduk, saya hendak dengar apa Yang Berhormat dari Kota Melaka ini hendak bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Entah apa-apa berdiri, kenapa begitu takut? Itu procedure. Saya tidak mahu sentuh mengenai perkara Yang Berhormat dari Jelutong ada bangkitkan tetapi mengikut Fasal 18 dalam Standing Orders kita yang ada

Tuan Yang di-Pertua: 18 (2)!

Tuan Lim Kit Siang: Saya sebut (1), "Siapa-siapa ahli selain daripada ahli Kerajaan pada waktu yang ditetapkan menurut Peraturan Mesyuarat 14 bolehlah berdiri di tempatnya dan meminta kebenaran untuk mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan". Fasal yang operative ialah boleh berdiri di tempatnya dan meminta kebenaran dan Peraturan (2) ialah supaya masa panjang yang diberikan di mana Yang di-Pertua boleh kaji perkara di mana apabila seorang ahli berdiri untuk meminta kebenaran untuk buat keputusan sama ada mahu tolak atau mahu menerima oleh kerana tentulah kalau tidak masa yang cukup untuk Tuan Yang di-Pertua untuk kaji perkara itu tidak boleh buat satu keputusan tetapi saya rasa kalau tafsiran 18 (2) dibuat di mana seorang ahli hilang hak berdiri di tempat dan meminta kebenaran, saya rasa inilah satu perubahan procedural yang baru yang tak pernah pun berlaku dalam Dewan yang mulia ini dan saya rasa ini pun bukan tujuan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan saya harap bahawa perkara ini sangat mustahak dan saya rayu bahawa Tuan Yang di-Pertua boleh kaji perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telahpun mengkaji soal ini. Perkataan ini ialah jikalau sekiranya dikaji pada Standing Order dalam Bahasa Inggeris. "May at the time appointed under Standing Order 14". Pada masa tadi saya telahpun mengkaji usul yang dibawa oleh Yang Berhormat itu dan saya telahpun membuat keputusan dan selepas daripada itu dia juga yang bangun, jadi saya telahpun membuat keputusan bahawasanya usulnya itu tidak perlu disegerakan. Itulah keputusan saya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, itu keputusan kedua tidak perlu disebutkan tetapi perkara yang pertama ialah di mana hak setiap ahli untuk menggunakan 18 (1) untuk meminta izin. Saya rasa ini hak sangat mustahak tidak ditafsirkan sehingga hak itu hilang dan saya harap bahawa Tuan Yang di-Pertua boleh kaji hal itu dan bukan sama ada mahu tolak atau tidak tolak, itu lain hal.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah mengkajikan bahawa 18 (1) itu ialah perkataan "may". Kalau sekiranya saya tidak membenarkan, saya tidak mahu benarkan. Perkataannya ialah perkataan "may".

Tuan Karpal Singh: "May", Tuan Speaker, dengan izin, jikalau saya boleh memberikan penjelasan

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat saya telah membuat keputusan saya.

Tuan Karpal Singh: "Any member may at the time appointed rise in his place", ahli yang di mana mahu kemukakan usul itu boleh bangkit. Itu "may" atas ahli yang mahu bangkit, bukan atas Tuan Speaker. Oleh kerana itu apa yang hak saya di bawah Peraturan 18 (1), saya mahu gunakan sekarang. (*Disampuk*) Saya mahu berdiri sekarang untuk kemukakan usul ini, itu apa yang ada dalam Peraturan ini. "May rise in his place". I am rising in my place, dengan izin Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah memberi keputusan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAKANAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi melindungi orang ramai terhadap bahaya di segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan, dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang, 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pelajaran; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG GERENTI PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan untuk melesen dan mengawal perniagaan Bank Islam; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PELABURAN KERAJAAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menerima pelaburan wang selama suatu tempoh tetap dan membayar dividen ke atasnya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

3.53 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan mengalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Oleh sebab tiada Ahli-ahli yang hendak bercakap sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

JAWATANKUASA PEMILIH— LANTIKAN AHLI-AHLI

Timbalan Perdana Menteri (Dato Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

Yang Berhormat Dato Musa Hitam;

Yang Berhormat Dato' Lee San Choon;

Yang Berhormat Datuk Leo Moggie anak Irok;

Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu;

Yang Berhormat Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf; dan

Yang Berhormat Ketua Pembangkang

hendaklah menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Yang Keenam.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, tidak patut Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam mencadangkan nama Dato' Musa Hitam sendiri. (*Ketawa*)

Tuan Yang di Pertua: Saya rasa tidak ada apa-apa ketegahan di dalam Peraturan Mesyuarat.

Oleh sebab tidak ada sesiapa yang hendak bercakap, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

Yang Berhormat Dato Musa Hitam;

Yang Berhormat Dato' Lee San Choon;

Yang Berhormat Datuk Leo Moggie anak Irok;

Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu;

Yang Berhormat Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf; dan

Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

hendaklah menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Yang Keenam.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA—LANTIKAN PENGGERUSI/NAIB PENGGERUSI

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Yang Berhormat Tuan Daud bin Haji Taha dilantik menjadi Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi tempoh Parlimen Yang Keenam.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

3.57 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap dalam Bahasa Inggeris di bawah hak saya di bawah Perlembagaan sebagai seorang Ahli Parlimen dari Sarawak.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, we have on the Table here a Motion from the Prime Minister to move for the appointment of a Member of this House from the Barisan Nasional camp to be the Chairman of the Public Accounts Committee.

We have heard earlier on about the intention of the Barisan Nasional Government to mewujudkan satu pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah. I think the principle of good Government is forgotten here, i.e. that for any Government to be really trustworthy, clean and efficient it must, first of all, be accountable; and I think the principle of accountability is missed out in this appointment because especially when a country is faced with the very dark prospects of economic hardships ahead, especially when we are vulnerable to the attacks of mismanagement of our economy resulting in this present economic hardship, then there is more the reason for the Barisan Nasional Government to take special steps to make sure that we are not so attacked, to make sure that every cent spent by the people of Malaysia is spent towards developmental purposes and not wasted due to inefficiency or due to corruption.

Therefore, I would suggest that the most appropriate person to head such a Public Accounts Committee would be a Member of the Opposition, and this principle is recognised by most countries of the world which practise the democratic system—countries like Sri Lanka and England, for instance. The disregard of this principle, I think, is as a result of the Barisan Nasional's

arrogance, that comes from this big victory that they have had in the parliamentary election, that they can throw accountability to the wind and yet all the time they tell the people they want to have a clean, efficient and trustworthy Government.

Tuan Speaker, I stand to register my protest.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Yang Berhormat Tuan Daud bin Haji Taha dilantik menjadi Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi tempoh Parlimen Yang Keenam.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

4.04 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Usul yang berbunyi:

“Bahawa suatu Ucapan Yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam”.

Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir-rahmanir-rahim, Alhamdulillah, berbanyak syukur kita ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala yang telah melimpahkan rahmat dan kurnia kepada sekalian hambanya, terutama sekali kepada kita rakyat Malaysia hingga membolehkan kita Ahli-ahli Parlimen yang mewakili seluruh rakyat berhimpun dalam Dewan yang mulia ini untuk mengadakan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keenam dalam suasana yang aman dan tenteram. Kepada Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang dan kepercayaan kepada saya untuk mengemukakan Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan bermulanya sidang hari ini bererti sudah enam kali kita berjaya mengadakan Pilihanraya Umum sejak negara kita mencapai Kemerdekaan. Yang pentingnya ialah sistem demokrasi yang dipilih bagi mentadbir negara ini oleh pemimpin-pemimpin yang terdahulu adalah merupakan satu pilihan yang sungguh tepat dan bijak. Sistem demokrasi telah terbukti dapat hidup dengan suburnya di bumi Malaysia ini sejak ianya diperkenalkan duapuluh lima tahun yang silam. Sebenarnya sistem demokrasi itu bukan sahaja diamalkan dalam pemerintahan negara malah sistem ini juga dipraktikkan dalam pentadbiran parti komponen Barisan Nasional iaitu parti yang mendukung Kerajaan selama ini.

Tidaklah keterlaluan jika saya katakan bahawa sistem demokrasi itu sudahpun berakar umbi menjadi darah daging kehidupan rakyat Malaysia. Ianya bolehlah dianggap sebagai satu pusaka milik kita bersama yang tidak ternilai harganya. Dia juga ternyata telah membawa banyak manfaat kepada kita semua. Keamanan, kesetabilan dan kemakmuran yang kita nikmati selama ini adalah hasil dari wujudnya sistem demokrasi itu. Oleh yang demikian wajiblah kita semua jaga dan mempertahankannya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua maklum bahawa sistem demokrasi itu berasal dari Barat khususnya dari England. Namun demikian demokrasi yang kita amalkan di negara kita sekarang sudah banyak menerima perubahan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ada bahagian-bahagian yang dibuang dan ada pula bahagian-bahagian lain yang ditokok tambah, diubahsuai supaya ianya secukup dengan iklim negara ini yang penduduknya berbilang kaum dan berlainan agama. Sebagai contoh, rapat-rapat umum semasa kempen pilihanraya dihapuskan, di samping itu diwujudkan pula satu Akta yang bernama "Akta Keselamatan Dalam Negeri" atau lebih terkenal dengan nama "ISA." Pindaan dan ubahsuai yang dibuat itu ternyata memenuhi selera dan kehendak sebahagian besar rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sementara sebahagian besar rakyat berbangga dan bermegah dengan sistem demokrasi ala-Malaysia yang kita amalkan itu, ada pula segelintir manusia iaitu orang-orang asing yang menamakan diri mereka Juara Hak Asasi Manusia bersama-sama dengan agen-agen mereka dalam negeri ini menuduh Kerajaan kita tidak demokratik, melakukan penindasan kepada mereka yang tidak berdosa, menahan orang tanpa bicara, menghapuskan kebebasan bersuara dan bermacam-macam tohmahan dan fitnah lagi yang dilemparkan kepada Kerajaan kita. Baru-baru ini mereka dibenarkan datang untuk melihat sendiri orang-orang yang ditahan di bawah ISA. Kerajaan telah memberi kemudahan dan layanan yang baik kepada mereka. Hasil dari lawatan itu ternyata sangkaan buruk mereka terhadap negara kita selama ini tidak benar. Maklum balas yang diterima dari agen-agen mereka dalam negeri itu terbukti palsu dan tidak berasas.

Tuan Yang di-Pertua, usaha jahat segelintir orang-orang asing dengan hendak menggugat Kerajaan pilihan rakyat negara ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dan kerjasama orang-orang dalam negeri sendiri. Tindak tanduk mereka telah nyata hendak menggunakan demokrasi untuk menghancurkan demokrasi. Oleh yang demikian demi kepentingan, kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat seluruhnya saya menyeru pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas dan segera terhadap mereka yang bersubahat dengan orang-orang asing itu sebelum mereka sempat melaksanakan niat jahat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah membayangkan perasaan puas hati dan sukacita Baginda atas perjalanan pilihanraya umum yang telah diadakan pada bulan April yang lalu yang telah berlangsung dengan lancar dan teratur dalam mana pengundi-pengundi baru yakni jenerasi yang lahir selepas merdeka buat pertama kalinya telah menggunakan hak mengundi mereka. Penglibatan pengundi-pengundi baru itu penting diambil kira kerana di tangan merekalah letaknya penentuan masa hadapan sistem demokrasi itu. Maka dengan penyertaan mereka, Baginda sungguh yakin bahawa warisan demokrasi yang kita sanjung tinggi itu akan terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang demokrasi berparlimen yang telah berjalan dengan lancarnya selama 25 tahun di negara ini dan diterima baik pula oleh jenerasi yang lahir selepas merdeka, sebenarnya jika dibuat kajian yang mendalam kita akan mendapati bahawa buruk baiknya sesuatu sistem itu bergantung besar kepada pemimpin yang melaksanakannya bukan semata-mata kerana sistem itu baik.

Dalam dunia hari ini banyak negara yang mengaku menjalankan pemerintahan secara demokrasi tetapi kita semua tahu mana satu akuan yang benar dan mana pula akuan yang palsu. Kita di Malaysia sangat bertuah kerana

keempat-empat Perdana Menteri kita terdiri dari orang-orang yang jujur serta ikhlas, pemerintahan mereka sentiasa berpandukan Perlembagaan. Mereka sekali-kali tidak pernah cuba melakukan penyelewengan atau menyalahgunakan kuasa ataupun mabuk kuasa. Maka itulah sebabnya tiap kali diadakan pilihanraya, rakyat memberi kepercayaan yang penuh kepada parti Kerajaannya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah pimpinan Perdana Menteri kita yang baru Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dan Timbalan beliau Yang Amat Berhormat Dato Musa, parti Barisan Nasional bukan sahaja mendapat majoriti yang besar dalam pilihanraya yang lepas bahkan telah berjaya menembusi kubu-kubu kuat Parti Pembangkang. Kerajaan yang cemerlang yang dicapai oleh Barisan Nasional itu bukanlah semata-mata kerana baiknya sistem demokrasi yang kita amalkan selama ini tetapi ianya kerana kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sendiri. Selepas sahaja memegang jawatan Perdana Menteri, beliau menjadikan dirinya pemimpin model, pemimpin contoh atau pemimpin yang menunjuk tauladan. Sebelum menyeru orang lain bekerja keras dan menghargai waktu beliau sendiri datang ke pejabat lebih awal setengah jam dan balik rumah lewat dua jam. Itulah rahsianya, Tuan Yang di-Pertua, slogan bersih, cekap dan amanah yang menjadi tema dan isu parti Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lepas dengan mudah menarik minat rakyat dan menjadikan mereka begitu yakin bahawa Barisan Nasional benar-benar mempunyai keupayaan melaksanakan janji tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan 2M Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya kerana kejayaan pimpinan mereka yang memberikan kemenangan yang cemerlang kepada parti Barisan Nasional dalam pilihanraya bulan April 1982 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tugas untuk menjayakan slogan bersih, cekap dan amanah yang menjadi hasrat pimpinan 2M itu bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Rakyat juga mesti mempunyai peranan yang tertentu. Umpamanya dalam usaha Kerajaan hendak mencegah rasuah, di samping langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan, pihak orang ramai pula wajiblah menjauhkan diri dari tumbuk rusuk. Jika orang ramai tidak lagi melakukan tumbuk rusuk maka dengan sendirinya tidak adalah pegawai yang makan suap. Oleh yang demikian, akan berkuranganlah kegiatan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur bercakap tentang peranan atau tanggungjawab rakyat kepada negara, ingin saya tegaskan di sini, bahawa perangai buruk dan kegiatan jahat sangat sukar hendak dicegah dengan undang-undang. Sebagai contoh, perbuatan membuang sampah sesuka hati, tabiat suka merosakkan kemudahan-kemudahan awam seperti pondok menunggu bas, tandas dan telefon awam. Walaupun undang-undang bagi kesalahan-kesalahan tersebut ada, tetapi ianya sukar dikuatkuasakan kerana orang ramai tidak memberikan kerjasama. Akibatnya Kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja yang banyak, bertambah pula dari setahun ke setahun semata-mata kerana hendak menjaga kebersihan dan memperbaiki kemudahan-kemudahan awam yang rosak. Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, orang ramai juga mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam menjayakan hasrat dan cita-cita mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap pula mengenai pembinaan satu negara Malaysia yang lebih gemilang yang berasaskan satu warga, satu bahasa dan satu budaya yang disebutkan oleh Baginda. Kenyataan yang sebenar yang wujud di Malaysia sekarang ini, setakat ini kita hanya mempunyai persamaan dalam satu perkara sahaja iaitu persamaan dalam kerakyatan atau warganegara Malaysia. Di bidang bahasa dan budaya kita masih tinggi nafsu-nafsu, bahasa asing masih digunakan secara

leluasa sama ada oleh pihak swasta mahupun pihak Kerajaan. Urusan perniagaan dalam negeri masih menggunakan 90% bahasa asing. Papan tanda perniagaan dan kenyataan-kenyataan yang bersangkutan dengannya di mana bahasa Malaysia bukan sahaja tidak mendapat tempat yang sewajarnya malah diperhina dengan penggunaan tatabahasa yang tidak betul dan tulisan-tulisan yang tidak senonoh. Kalau dilihat papan nama kedai, kenyataan-kenyataan iklan perniagaan di bandar bandar besar mahupun kecil kita akan dapati seolah-olah bandar-bandar tersebut bukan berada di Malaysia. Keadaan ini boleh jadi berlarutan kerana masih ada tokoh-tokoh politik tertentu baik pembangkang mahupun di sebelah pihak Kerajaan masih gemar menggunakan isu bahasa ini sebagai modal untuk mendapatkan kedudukan dalam parti politik. Kepada pihak-pihak yang berkenaan saya menyeru supaya mereka mengambil sikap benar iaitu di mana bumi dipijak di situlah langit dijunjung.

Kepada pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pula saya berharap akan dapat menguatkuasakan penggunaan bahasa Malaysia di papan nama kedai dan iklan perniagaan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang beralih pula kita kepada jabatan Kerajaan yang masih mendewa-dewakan bahasa asing. Jabatan yang saya maksudkan itu ialah Jabatan Kehakiman. Sudah suku abad negara kita ini merdeka tetapi semangat kemerdekaan itu gagal meresapi hati norani ketua-ketua di Jabatan Kehakiman. Jabatan itu seolah-olah tidak wujud di dalam negara Malaysia yang merdeka. Dia dipagari oleh tembok-tembok tebal untuk mempertahankan sisa-sisa peninggalan penjajah British. Sepanjang yang saya tahu setakat ini tidak ada daya usaha yang diambil oleh ketua-ketua jabatan yang berkenaan bagi mendaftarkan Bahasa Malaysia di samping melepaskan diri dari belenggu kebudayaan asing. Buktinya Tuan Yang di-Pertua, dalam Majlis Pembukaan Parlimen semalam kita

semua dapat lihat dengan terang seolah-olah hakim-hakim dari Britain yang hadir menjadi tamu kehormat Parlimen kita. Kesemua yang arif itu memakai wig, kecuali dua orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tidak faham akan sikap Jabatan Kehakiman yang masih mahu mempertahankan sisa-sisa penjajahan dalam negara kita. Apakah mereka tidak nampak perubahan-perubahan besar yang berlaku di sekeliling mereka? Apakah mereka tidak mendengar laungan dan seruan yang berkehendakkan perubahan secucuk dengan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Marilah kita sama-sama berdoa kehadiran Allah semoga dibukakan mata hati mereka itu, diberi taufik dan petunjuk supaya mereka sedar akan kehendak dan hasrat rakyat jelata supaya mereka sedar akan tanggungjawab mereka kepada sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Parlimen di mana ketua-ketuanya mempunyai jiwa dan bersemangat kebangsaan. Mereka faham kehendak rakyat dan hasrat negara Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sejak beberapa tahun yang silam sudah mempunyai pakaian yang bercurak Malaysia. Yang lebih penting dari itu ialah bahasa rasmi di kedua-dua Dewan itu ialah Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jika Parlimen, iaitu sebuah badan perundangan yang paling tinggi di negara ini boleh dan mampu menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi, saya tidak nampak sebab-sebab mengapa mahkamah-mahkamah kita tidak dapat berbuat demikian. Namun begitu, teringat pula saya peribahasa Melayu yang berbunyi:

Mahu seribu daya, tak mahu seribu dalih.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah yang pada masa ini masih tidak mempunyai satu program yang tersusun dan lengkap, maka saya suka mencadangkan iaitu Kerajaan hendaklah

menubuhkan sebuah Suruhanjaya yang mengandungi ahli-ahli perundangan, ahli-ahli pentadbiran dan ahli bahasa dengan diberi tugas menyediakan satu perakuan bagaimana Bahasa Malaysia boleh digunakan sepenuhnya di semua peringkat mahkamah dalam satu tempoh masa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kebudayaan pula, saya tidak berniat memperkatakan amalan yang berjalan sekarang di negara kita ini yang boleh kita namakan kebudayaan rojak atau cacar murba. Maka itu saya mencadangkan sebagai usaha untuk mewujudkan satu kebudayaan Malaysia yang tulin, Kerajaan hendaklah mengambil inisiatif menunjukkan tauladan.

Cadangan saya ialah seperti berikut:

- (1) Dalam semua majlis rasmi Kerajaan baik di pusat mahupun negeri jika ada acara kebudayaan hanya kebudayaan Malaysia sahaja yang boleh dipersembahkan.
- (2) Dalam majlis pengurniaan pingat kebesaran dan bintang-bintang kehormatan semua penerimanya dikehendaki memakai kebangsaan sahaja.
- (3) Dalam majlis perayaan hari jadi pembesar-pembesar negara anjuran Kerajaan, upacara menghembus lilin dan memotong kek hari jadi hendaklah dihapuskan dan digantikan dengan doa selamat dan jamuan kesyukuran.
- (4) Semua penerbitan yang diusahakan oleh RTM hendaklah terhad kepada kebudayaan Malaysia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang dasar pandang ke Timur, banyak aspek yang sudah dibahaskan dan diperkatakan. Saya hanya ingin memperkatakan tentang rukun ber-keluarga iaitu perbandingan rukun ber-keluarga di Barat dengan yang di Timur. Di negara-negara Barat sekarang timbul satu masalah besar mengenai pengurusan dan penyelenggaraan rumah-rumah orang tua, kian tahun kian ramai orang-orang tua yang dihantar ke rumah-rumah tersebut. Kerajaan terpaksa menguntukkan satu perbelanjaan

yang besar kerananya. Keadaan tersebut berlaku kerana orang-orang muda di Barat sekarang tidak lagi mahu memelihara ibubapa mereka yang sudah tua serta uzur pula. Kebanyakan mereka berpegang kepada satu falsafah hidup baharu iaitu tugas ibubapa ialah menjaga dan mendidik anak-anaknya dan bukanlah pula menjadi tugas anak-anak memelihara dan menjaga ibubapa mereka yang tua. Pengertian keluarga kepada mereka ialah terhad kepada ibubapa dan anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, sikap dan trend yang diikuti oleh masyarakat Barat itu sudah mula menular dan menjangkiti masyarakat Timur. Di Republik Singapura Kerajaan terpaksa membuat undang-undang mewajibkan setiap anak memelihara ibubapa mereka yang telah tua dan uzur. Di Malaysia kita pula Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa beliau memandang berat akan wujudnya kekeliruan di kalangan jenerasi muda Islam terhadap konsep kesetiaan kepada ibubapa telah didapati semakin ramai anak-anak dan belia yang mula mempersoalkan tegur siapa ibubapa, mengingkari arahan ibu, menyuarkan penderhakaan serta tidak hormat terhadap keluarga. Kejadian seperti ini sering berlaku terutama sekali dalam keluarga di mana si anak menanggung nafkah keluarganya, ibubapa tidak berani menegur perbuatan anak-anak yang melanggar adat resam dan menyalahi ugama semata-mata kerana takut si anak akan merajuk lalu lari meninggalkan mereka. Kejadian gejala buruk seperti ini, jika tidak segera dibentasi ianya akan meruntuhkan ikatan kekeluargaan dan akhirnya lambat laun boleh menggugat kekuatan umat.

Tuan Yang di-Pertua, bangsa Jepun sangat menghormati orang-orang tua mereka, demikian juga sebahagian besar bangsa di Timur yang lain. Bagi orang-orang Melayu pula yang dinamakan keluarga itu tidak terhad kepada satu famili sahaja yang meliputi ikatan keluarga yang lebih besar yang mengandungi datuk, nenek, ibubapa, anak, cucu, cicit, ipar lamai, mertua taya, kupu poyang. Dan bagi Islam pula ia meliputi daerah yang lebih luas lagi. Setiap orang

yang mengaku Islam maka ianya secara otomatis menjadi saudara kepada orang-orang Islam yang lain. Islam menganjurkan supaya umatnya sentiasa menghubungkan silatul rahim antara satu dengan lain. Bila perhubungan sentiasa rapat maka dengan sendirinya wujudlah perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka bercakap mengenai kemelesetan ekonomi negara yang kita alami sekarang yang diakibatkan oleh kemerosotan ekonomi antarabangsa. Hal dan keadaan ini patutlah dijelaskan dengan secukupnya kepada rakyat jelata terutama mereka yang tinggal di luar bandar. Langkah ini perlu dibuat kerana adanya anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang akan cuba mengeksploitasi keadaan kemelesetan ini untuk mencapai hasrat dan kepentingan mereka. Mereka akan menuduh bahawa pihak Kerajaanlah yang bertanggungjawab sepenuhnya akan keadaan buruk yang kita alami sekarang. Rakyat di luar bandar yang kehidupan mereka bergantung sepenuhnya kepada barangan utama negara seperti getah, kelapa sawit dan bijih timah akan mudah mempercayai segala fitnah itu, kerana merekalah yang terjejas terok akibat kemelesetan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan patutlah mengambil segala langkah yang perlu bagi mengatasi kesan-kesan buruk kemelesetan ekonomi ini. Dalam hubungan ini, saya suka mencadangkan satu dua langkah yang saya fikir boleh mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat:

- (1) Kerajaan hendaklah meningkatkan usaha memperbaiki pentadbiran dan perkhidmatan awam.
- (2) Mengetatkan disiplin kakitangan pentadbiran dengan tujuan menambah kecekapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan saya yang pertama, sebenarnya Kerajaan telah pun memulakan usaha ini iaitu memperkenalkan Pusat Bayaran Setempat ringkasnya PBBS dan Pusat Perkhidmatan Setempat atau ringkasnya PPS. Kedua-dua pusat ini telah diperkenalkan di ibunegara dan di Petaling Jaya. Dengan adanya kemudahan di

kedua-dua pusat tersebut orang ramai dapat menjimatkan masa dan wang dalam menyelesaikan urusan mereka dengan jabatan-jabatan Kerajaan. Kalau dahulunya waktu yang diambil bagi menyelesaikan urusan dengan jabatan-jabatan yang berkenaan sehari suntuk, sekarang ini hanya memakan masa beberapa jam sahaja. Penjimatan masa dan wang ini dapat dilaksanakan kerana jabatan-jabatan yang berkenaan telah menyelaraskan aktiviti mereka di satu pusat sahaja.

Tuan Sim Kwang Yang: Mr Chairman

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk dahulu!

Tuan Sim Kwang Yang: Mr Chairman, on a point of order! On the first day with the tremendous majority of Barisan there is no quorum at present.

Timbalan Yang di-Pertua: Please count.

(Ahli-ahli dikira: 26 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita ada cukup korum.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa hampa di atas tindak-tanduk Ahli-ahli dari pihak Pembangkang. Kalau kita tidak tahu aturan dan peraturan janganlah kita bangkit masalah itu *(Tepuk)*.

Tuan Yang di-Pertua, penjimatan masa dan wang ini dapat dilaksanakan kerana Jabatan-jabatan yang berkenaan telah menyelaraskan aktiviti mereka di satu pusat sahaja. Saya sangat-sangat berharap supaya perkhidmatan PBBS (Pusat Bayaran Bil Setempat) dan PPS (Pusat Perkhidmatan Setempat) dapat segera diperkenalkan ke seluruh negara kerana ianya terbukti memberi faedah besar kepada orang ramai.

Di samping itu, saya menyeru pihak MAMPU (Yunit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia) supaya meneliti dan mengkaji lain-lain sistem pentadbiran yang berjalan sekarang supaya dapat dibaiki dan dimodenkan dengan matlamat memberi

perkhidmatan yang paling maksima kepada rakyat. Dalam hubungan ini saya tidak lupa mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kementerian yang berkenaan dan MAMPU yang telah memperkenalkan sistem baru PBBS dan PPS kepada orang ramai. Orang ramai sangat berpuas hati dan mengharagai prestasi yang ditunjukkan setakat ini. Tuan Yang di-Pertua, di bawah pentadbiran Kerajaan 2M ini di mana pendekatan baru diperkenalkan, yang memilih pimpinan melalui tauladan nampaknya telah mula membuahkan hasil. Rakyat telah membuktikan bahawa mereka juga berminat dan mampu memberi sumbangan terhadap pembinaan dan kemajuan negara. Saya harap suasana yang menggalakkan ini dapat digunakan sepenuhnya sebagai langkah awal menyemai dan memupuk sikap sense of belonging atau perasaan kepunyaan kepada rakyat Malaysia terutama generasi muda yang lahir selepas hari merdeka. Bila mana perasaan kepunyaan (sense of belonging) sudah menebal dalam hati dan sanubari rakyat, maka pada ketika itu saya yakin hasrat yang ada pada Perdana Menteri hendak menjadikan negara ini sebuah negara yang gemilang lagi bermaruah akan mudah tercapai Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya juga suka merakamkan rasa dukacita saya dalam Dewan yang mulia ini kerana dalam permulaan kita bersidang tadi, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka di mana kedua-dua orang ini ialah ahli perundangan, iaitu peguam, mereka ini cuba menunjukkan pandai, menggunakan Tuan Yang di-Pertua kita yang baru ini; menggunakan kesempatan itu cuba membuat kacau dalam Dewan ini. Walaupun mereka tahu aturan dan peraturan yang telah berjalan selama ini tetapi mereka cuba hendak membuli Tuan Yang di-Pertua kita yang baru. Saya sangat kesal, saya paling kesal kepada kedua-dua orang peguam ini yang mana mereka sangat arif dan alim dalam bidang undang-undang tetapi merekalah yang cuba hendak merosakkan undang-undang Peraturan Dewan ini. *(Tepuk)*

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling.

4.34 ptg.

Tuan Yeoh Poh San (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Wakil dari Balik Pulau untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan yang mulia ini.

Ini adalah satu penghormatan kepada saya kerana dapat bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk turut serta dalam membincangkan hal ehwal negara. Bagi saya dan Ahli lain yang buat pertama kali menghadiri Dewan yang mulia ini, kami mengharapkan tunjuk ajar dan nasihat dari Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang kanan dan berpengalaman. Saya yakin kita akan dapat menyelesaikan masalah-masalah hal ehwal negara dengan tenteram tanpa emosi yang keterlaluan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda, Baginda telah melahirkan rasa sukacita Baginda di atas sikap rakyat negara ini yang telah dapat menyingkirkan rasa perkauman. Ini adalah satu kejayaan yang sangat besar yang dapat dicapai sempena kita menyambut ulang tahun kemerdekaan yang kedua puluh lima. Walaupun kejayaan ini telah dapat dicapai, namun begitu kita tidak harus berpeluk tubuh dan mendiamdiri. Tetapi sebaliknya kita mestilah berusaha lebih giat lagi untuk mengeratkan lagi perpaduan yang sedia ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti meneruskan usaha kita untuk mencapai dan mengekalkan perpaduan yang sebenarnya bagi generasi yang akan datang supaya penduduk negara ini dapat hidup dalam aman dan bersatupadu selama-lamanya. Sebagai rakyat Malaysia yang taat setia, kita mesti bekerjasama di antara satu dengan lain tidak kira ugama, bangsa dan keturunan untuk membina sebuah negara Malaysia yang lebih gemilang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda, Baginda banyak menekankan tentang perpaduan rakyat demi kepentingan dan keselamatan negara kita. Untuk mencapai hasrat ini, kita mesti mengambil langkah yang realistik dan pragmatik. Setiap masyarakat mestilah mempunyai sikap toleransi, menghormati, mempercayai dan memahami antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, hanya dengan cara ini sahajalah kita akan mencapai perpaduan yang sebenar dan berkekalan. Dengan tercapainya perpaduan yang sebenar dan berkekalan ini, maka kita akan bertambah kuat serta dihormati dan disegani oleh kawan dan lawan sama ada di dalam mahupun di luar negeri. Hanya dengan cara ini sahaja rakyat yang berbilang bangsa, ugama dan kebudayaan dapat hidup dalam aman dan harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh di sini ialah masalah keselamatan dan keamanan yang ditimbulkan oleh imigran Indonesia. Akhir-akhir ini, kes jenayah seperti membunuh, merompak, mengugut dan mencuri telah dilakukan oleh imigran Indonesia. Oleh itu, saya meminta Kerajaan mengambil tindakan yang berkesan agar masalah berkenaan dapat dibereskan, demi untuk menjamin keamanan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah melangkah jauh semenjak negara mencapai kemerdekaan suku abad yang lampau. Banyak kemajuan yang telah dilaksanakan dan taraf hidup rakyat telah bertambah baik. Perubahan pesat nyata kelihatan dalam setiap kota dan bandar di seluruh negara. Perubahan dari segi infrastruktur dan kemudahan yang lebih baik telah dilaksanakan untuk meningkatkan taraf penghidupan seluruh rakyat. Tuan Yang di-Pertua, segala kejayaan yang telah tercapai bukanlah diperolehi dengan mudah seperti kata pepatah yang pipih datang melayang dan yang bulat datang bergolek.

Tuan Yang di-Pertua, segala-gala kejayaan tersebut telah diusahakan dengan bersungguh-sungguh oleh setiap

rakyat negara ini. Ini semua adalah hasil dari kestabilan politik dan keharmonian kaum yang dilahirkan oleh rakyat sekalian. Kedua-dua faktor ini iaitu kestabilan politik dan keharmonian kaum ini adalah asas untuk meneruskan kemakmuran dan kemajuan kita. Kedua-dua faktor yang tersebut adalah asas yang kukuh untuk kesederhanaan yang telah dianjurkan semenjak kita mencapai kemerdekaan.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita masih memerlukan sikap kesederhanaan sekiranya Malaysia ingin terus maju dan untuk menuju ke arah Malaysia yang lebih gemilang. Rakyat mestilah menghalang ekstrimisma daripada menonjolkan kepala kerana ekstrimisma dalam apa cara sekalipun adalah merugikan negara dan akan mengancam kemajuan serta kejayaan yang telah tercapai selama ini ke arah Malaysia yang lebih gemilang.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menghalang ekstrimisma dari mempengaruhi kita. Sekiranya ekstrimisma berjaya mengatasi kesederhanaan maka negara dan rakyat jelata seluruhnya akan menderita. Aliran baru yang kurang sihat dalam membuat tuntutan yang melampau mestilah dicegah.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang bangsa, ugama dan kebudayaan. Ini adalah satu kenyataan dan mesti diterima. Sifat masyarakat berbilang kaum akan terus kekal di negara kita. Ianya tidak dapat dihapuskan atau dihilangkan dan kita mesti menerima kenyataan ini. Seperti negara-negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, mesti terdapat perbezaan dari segi pendekatan. Sudah pasti terdapat perbezaan cara kita berfikir dan sedikit-sebanyak perasaan curiga-mencurigai. Tetapi walau bagaimanapun, kita mesti mengelakkan perbezaan ini dari menambahkan kebimbangan dan selisih faham di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain.

Perbezaan ini adalah hasil dari perbezaan ugama, perbezaan sistem nilai hidup dan cara hidup yang berlainan.

Tetapi ini tidak bererti sesuatu kaum itu mesti mencurigai kesetiaan dan kejujuran suatu kaum lain terhadap negara ini. Kecurigaan dan pendapat tersebut akan mencetuskan kekeliruan yang akan merugikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sebagai pemimpin politik, kita mempunyai tanggungjawab untuk memimpin masyarakat berbilang kaum di negara kita ini. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menekankan sifat-sifat persamaan dan tidak menekankan sifat-sifat perbezaan. Adalah menjadi tanggungjawab kita juga memimpin rakyat jelata ke arah jalan yang benar. Kita mestilah sanggup menerangkan kepada rakyat perkara dan keadaan yang sebenarnya. Kita mesti sanggup menerangkan perkara yang benar sekalipun kita akan kurang populariti dari segi politik.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah menjaga supaya tidak jatuh ke dalam perangkap orang yang ingin menjadi hero dan popular dalam politik dengan cara memainkan emosi perkauman. Baginda telah menegaskan betapa pentingnya sikap kesederhanaan ini senantiasa diamalkan dalam segala usaha yang akan dilakukan. Kita sebagai rakyat mestilah menyokong penuh sikap dan amalan kesederhanaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang menghadapi kemelesetan ekonomi yang menyebabkan terjejasnya perkembangan ekonomi. Ini bermakna banyak rancangan-rancangan yang kita usahakan untuk perkembangan ekonomi akan terjejas. Oleh itu, dalam keadaan kemelesetan ekonomi di masa ini kita lebih lagi memerlukan perpaduan dan kerjasama semua golongan rakyat. Kita mesti mencegah anasir-anasir yang cuba mengambil kesempatan ini untuk memecah belahkan rakyat. Kita mesti berusaha supaya rakyat bukan sahaja memahami keadaan ini malah menghadapi kemelesetan ini.

Sampailah masanya untuk kita mengkaji semula sebahagian daripada dasar ekonomi kita serta mencari jalan untuk menentukan supaya kita dapat mengatasi keadaan kemelesetan ini. Kita tidak

boleh dogmatik dan rigid. Kita hendaklah pragmatik dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya rancangan pembangunan negara dan usaha menghapuskan kemiskinan serta menyusun semula masyarakat. Dalam usaha kita untuk mencapai matlamat negara kita hendaklah menentukan supaya tempoh perkembangan ekonomi berkembang dengan cukupnya bagi memenuhi keperluan negara.

Untuk mencapai tujuan Dasar Ekonomi Baru, perkembangan ekonomi berterusan setakat 8% mestilah dijayakan. Sekiranya perkembangan berterusan 8% ini tidak tercapai, saya berpendapat kita akan menghadapi banyak masalah untuk mencapai kejayaan Dasar Ekonomi Baru. Sekiranya perkembangan ekonomi ini tidak diteruskan, ini bermakna bahawa dalam usaha kita untuk menyusun semula masyarakat maka satu kaum akan mengambil hak satu kaum yang lain untuk mencapai targetnya. Ini adalah keadaan merbahaya yang mesti kita elakkan.

Oleh itu, saya ingin meminta Kerajaan mengkaji semula sebahagian dasar-dasar Kerajaan dengan sebaik-baiknya bagi menentukan penglibatan yang lebih dari pelabur tempatan dan mewujudkan keadaan ekonomi yang menyakinkan bagi pelabur-pelabur tempatan menamakan pelaburan yang bertambah dalam sektor ekonomi Malaysia Kerajaan mesti mengawasi pelaksanaan dasar-dasar tersebut dengan teliti untuk menentukan penyelewengan tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional ialah Kerajaan dari rakyat dan untuk rakyat. Kerajaan Barisan Nasional telah mendapat mandat sepenuhnya dari rakyat dan bukannya Kerajaan untuk segolongan masyarakat Malaysia, ianya adalah merupakan Kerajaan untuk setiap golongan masyarakat dalam negara Malaysia. Oleh itu, apa-apa masalah yang dihadapi oleh segolongan masyarakat sama ada masyarakat Melayu, India, Kadazan, Cina dan lain-lain maka masalah itu adalah masalah

negara yang memerlukan perhatian dan penyelesaian yang sama. Masyarakat Malaysia tidak boleh dipecahkan kepada dua golongan dan mencari penyelesaian kepada masalah berasaskan kepada dua golongan tersebut. Perjuangan membina negara akan lebih berkesan tanpa melakukan "dichotomy" atau membahagikan masyarakat Malaysia kepada dua golongan.

Dalam menyokong rancangan Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup masyarakat yang miskin kita mesti menerima kenyataan bahawa kemiskinan terdapat dalam semua kaum. Kemiskinan tidak terhad kepada satu-satu kaum sahaja malah ianya wujud pada semua kaum. Ini adalah masalah negara yang memerlukan penyelesaian negara juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh langkah dan rancangan Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan. Saya percaya Malaysia akan terselamat sekiranya kita dapat mencari jalan untuk menghapuskan kemiskinan bila dan di mana ia berada.

Tuan Yang di-Pertua, satu generasi muda Malaysia telah wujud selepas merdeka. Mereka telah melalui sistem pelajaran yang sama dan mempunyai pengalaman yang sama, mereka bersama-sama mengalami suka duka yang sama, mereka juga bersama-sama bermain dan bertikai dalam suasana yang sama. Mereka juga mempunyai harapan yang sama. Mereka berharap supaya diberi peluang yang sama dalam melanjutkan pelajaran dan juga peluang mendapatkan pekerjaan, mereka hanya mengenali negara ini dan menumpukan taat setia mereka yang tidak berbelah bagi terhadap Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti cuba membuat apa sahaja yang boleh untuk membantu mereka mencapai hasrat dan cita-cita mereka. Kita tidak seharusnya menghancurkan harapan mereka, mereka mahukan layanan yang sama dari segi melanjutkan pelajaran dan juga peluang pekerjaan. Kita tidak boleh mengecewakan mereka. Kita tidak boleh melanjutkan lagi "dichotomy" dalam masyarakat kita kerana ini akan bercanggah

dengan usaha kita untuk membina sebuah masyarakat Malaysia yang adil di mana setiap rakyat akan dapat mencapai cita-cita dan hasratnya.

Tuan Yang di-Pertua, dua puluh lima tahun adalah satu masa yang panjang untuk pembangunan negara tetapi dari segi sejarah ianya adalah sekelip mata sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya kita dapat menjalankan usaha kita dengan sempurna dalam masa sekelip mata itu, hasil yang dicapai dalam masa yang pendek itu adalah merupakan kejayaan yang besar, kita tidak mesti melepaskan peluang ini begitu sahaja. Di atas jangka masa inilah kita harus mengatur langkah dan berusaha dengan lebih giat lagi menuju ke arah kestabilan, kemakmuran dan kemajuan negara kita Malaysia. Marilah kita berusaha menuju ke arah kemajuan yang sebenarnya dan janganlah kita cuba berundur.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin sekali lagi menyokong Usul Ucapan Terima Kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa suatu usul yang berbunyi:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan ‘berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam.”

telah dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Balik Pulau dan telah disokong oleh Yang Berhormat daripada

Petaling, dan dengan ini saya membuka untuk dibahas. Saya jemput Yang Berhormat daripada Kota Melaka.

4.54 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak DAP, saya bangun untuk menjunjung kasih Duli Baginda atas Titah Ucapan Baginda semalam sempena dengan pembukaan rasmi Penggal Pertama, Parlimen Keenam ini yang mana Titah Ucapan Baginda telah menggariskan kenyataan dasar Kerajaan untuk tahun ini.

Terdahulu saya rasa sangat kesal bahawa Yang Berhormat pembawa Usul ada membuat tuduhan-tuduhan yang liar dan mengatakan bahawa saya dan rakan saya daripada Jelutong di awal mesyuarat hari ini ada mencuba untuk membuli Tuan Yang di-Pertua yang baru dan saya rasa tuduhan semacam ini, satu tuduhan yang sebenarnya menghina Tuan Yang di-Pertua yang baru. Rakan saya daripada Jelutong dan saya tidak ada apa-apa niat untuk membuli sesiapa, saya sangat kesal bahawa pembawa Usul tidak boleh faham dan tidak boleh membeza daripada satu argument mengenai tafsiran yang benar dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat daripada apa yang beliau anggap sebagai “bully”. Mungkin kepada Ahli Yang Berhormat itu sesiapa yang cuba berdiri teguh atas pendapat-pendapat mereka ialah cuba membuli lain-lain orang.

Kedua, saya rasa dalam ucapannya, beliau ada melahirkan pendapat-pendapat yang sangat bertentangan dengan konsep sederhana yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan. Kalau saya tidak silap beliau ada mencadangkan, antara lain bahawa terbitan RTM—dan di sini Yang Berhormat Menteri Penerangan pun ada—bahawa terbitan dan program-program RTM diterhad kepada program-program Bahasa Malaysia sahaja. Adakah ini tujuan negara ini? Adakah ini satu mandat baru oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya besar dalam bulan April ini untuk meneruskan mencapai satu masyarakat

yang begitu tidak bertoleran. Saya rasa oleh kerana Yang Berhormat pembawa Usul ada diberi penghormatan untuk membawa Usul hari ini dan beliau boleh membuat cadangan begitu sempit, begitu intolerant, inilah satu tanda yang sangat tidak sihat untuk masa depan Malaysia dan yang sangat nyata, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sejak dari mulanya Barisan Nasional masih berada dalam keadaan euphoria akibat kejayaan yang dicapainya dalam pilihanraya umum April lalu dan ia tidak dapat elak untuk memuji dirinya sendiri.

Kerajaan Barisan Nasional telah mengisytiharkan bahawa pilihanraya umum yang sudah telah berjaya mengukuhkan lagi institusi demokrasi di negara kita dan bahawa pilihanraya ini mempunyai erti yang tersendiri kerana inilah kali pertama generasi yang lahir selepas merdeka berpeluang menggunakan hak mengundi mereka.

Kerajaan Barisan Nasional telah berharap bahawa dengan penyertaan mereka, maka "warisan demokrasi" yang disanjung tinggi di Malaysia akan terus dipelihara. Kerajaan Barisan Nasional terus mendakwa bahawa dalam pilihanraya umum yang lalu, rakyat Malaysia, baik dari generasi tua mahupun muda, sama-sama telah menyingkirkan rasa perkauman yang dahulunya sering dijadikan asas pemilihan. Kerajaan Barisan Nasional juga telah mengatakan bahawa "jelaslah pemikiran rakyat kita sekarang telah bertambah matang dan rasional".

Apabila dakwaan-dakwaan Barisan Nasional ini dikaji dengan lebih teliti, dakwaan-dakwaan ini kelihatan begitu anih jika dibaca, dan mendedahkan suatu mentaliti yang pada keseluruhannya adalah antithetical dengan pertumbuhan demokrasi yang sihat di Malaysia.

Apakah institusi demokrasi di Malaysia akan dikukuhkan apabila partai-partai pemerintah dengan apa cara sekali pun, adil atau tidak, menang lebih banyak lagi kerusi-kerusi Parlimen dan Dewan Negeri dengan pihak Pembangkang mengalami kekalahan; dan apakah institusi demokrasi

akan menjadi lemah jika sekiranya pihak Pembangkang memperolehi lebih banyak lagi kerusi Parlimen dan Dewan Negeri dan calon-calon Barisan Nasional kalah teruk.

Menurut logik ini, demokrasi Malaysia telah ditakrif dan disamakan dengan nasib maju-mundurnya Barisan Nasional di mana kesihatan dan masa depan sesuatu itu adalah bergantung kepada kesihatan dan masa depan yang lain supaya demokrasi Malaysia akan sampai di tahap kesempurnaan (perfection) di mana semua parti Pembangkang di negara ini akan dihapuskan dengan meninggalkan hanya sebuah negara atau parti.

Kami sedar akan diktum yang termasyur Lord Action yang berbunyi, dengan izin, "Power tends to corrupt and absolute power tends to corrupt absolutely", tetapi saya tidak menduga bahawa dalam tempoh masa yang begitu singkat, yakni kurang enam bulan selepas Pilihanraya Umum bulan April, kejayaan Barisan Nasional yang tidak pernah berlaku dahulu, ertikata Kerusi-kerusi Parlimen dan Dewan Negeri boleh dengan begitu cepat corrode pemikiran pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Adalah wajar kita menanya diri kita apakah "warisan demokrasi" yang kita hendak memelihara dan mewasiatkan-nya kepada generasi-generasi akan datang. Apakah "warisan demokrasi" adalah satu warisan yang mempertahankan, menyanjung dan menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan hak demokrasi mereka dalam lingkungan proses demokrasi berperlembagaan untuk memilih sebuah parti politik yang mereka menyukai serta untuk tidak bersetuju dengan dasar-dasar Kerajaan tanpa merasa takut yang mereka akan dimangsakan atau didiskriminasikan. Atau apakah "warisan demokrasi" bermakna rakyat Malaysia mempunyai hak demokrasi hanya untuk mengundikan partai partai Kerajaan sahaja di mana sebarang pemilihan untuk pihak Pembangkang akan ditakrif sebagai sesuatu perbuatan untuk menghancurkan demokrasi?

Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa bagi ramai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional demokrasi bererti "Kebebasan" semata-mata untuk memilih calon-calon Barisan Nasional sementara pilihan-pilihan lain dianggap seakan-akan "subversion". Mentaliti ini jelas ditunjuk walaupun secara kesat oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah selepas rakan saya Saudara Fung Ket Wing dipilih semula sebagai Ahli Parlimen di Sandakan. Pada 26hb April, Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah telah bersumpah untuk menderakan (punish) penduduk-penduduk Sandakan, berungut Sandakan tidak akan mempunyai sebarang pembangunan dan beliau membidas penduduk-penduduk Sandakan kerana "menggigit tangan yang memberikan mereka makan".

Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah telah menebalikkan teori demokrasi kerana dalam sesebuah demokrasi, rakyat yang memberi makan kepada orang-orang seperti Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah dan bukan sebaliknya. Mereka yang bersalah "kerana menggigit tangan yang memberi makan" bukanlah rakyat tetapi orang-orang seperti Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah yang menjadi ibarat "Pagar Makan Padi".

Hanya pada minggu yang lalu, selepas tewas kepada USNO dalam pilihanraya kecil Negeri Sabah Kawasan Usukan, Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah itu dari Parti Berjaya telah mempengerusikan satu mesyuarat Parti Berjaya yang mana mesyuarat tersebut mengumumkan kemudian bahawa pembangunan di Usukan akan terjejas.

Politik semacam politik Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah, dan kunci-kuncunya dalam Barisan Nasional, bukan politik demokrasi tetapi politik blackmail, politik memeras ugut.....

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat mem-beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Bila-bila pun boleh beri jalan, bukan sebaliknya hari-hari takut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada memberi peluang.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya minta penjelasan daripada Ketua Pembangunan apa maknanya "political blackmail" yang dituduh sebentar tadi dan bolehkah beliau memberikan bukti-bukti kepada Dewan ini sama ada pihak pemimpin-pemimpin Barisan Nasional telah mengadakan blackmail dan apakah insiden-insiden dan apakah tarikh-tarikh dan tempat-tempat di mana blackmail itu telah dijalankan?

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya Yang Berhormat tak faham tadi apa saya sudah cakap, saya sudah beri contoh di mana Barisan Nasional ada pemimpin-pemimpin yang kata bahawa kalau tidak sokong, tidak undi Barisan Nasional tidak akan beri pembangunan oleh kerana rakyat Sandakan undi/sokong DAP. Yang Berhormat Ketua Menteri kata bahawa tidak akan ada pembangunan—punish, bukan itu political blackmail? Bukankah Yang Berhormat Ketua Menteri seorang pemimpin Barisan Nasional atau dia tidak diiktiraf, tidak diakui sebagai seorang pemimpin Barisan Nasional, itu political blackmail dan bukan sahaja di Sabah, di lain tempat pun. Itu bukan politics of democracy, itu politics of blackmail.

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Alias bin Md. Ali: Adakah Yang Berhormat wakil dari Kota Melaka mengakui bahawa dalam masyarakat demokrasi kebebasan seseorang warganegara untuk bercakap dan kebebasan seseorang warganegara untuk menerima atau menolak apa yang diucapkan oleh seorang pemimpin adalah terjamin dan bahawa dalam pilihanraya-pilihanraya yang lepas telah terbukti bahawa apa yang dicakap dan diucapkan oleh para pemimpin Barisan Nasional tidak semestinya diterima bulat-bulat, ada yang

ditolak seperti terbukti bahawa Ahli Parlimen dari Kota Melaka sendiri mewakili Pembangkang di dalam Dewan ini yang membuktikan bahawa demokrasi adalah berjalan sepenuhnya bahawa tidak ada perbuatan political blackmail dalam negara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Kebebasan satu-satu.....

Datuk James Peter Ongkili: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Beri saya jawab dahulu-satu, satu-sabar, bila-bila. Tentu dalam negara kita, saya akui nampaknya ada kebebasan bercakap tetapi saya fikir kita tidak boleh membenarkan satu keadaan di mana kebebasan untuk mahu blackmail tidak kita memberikan kebebasan untuk menjalankan politics of blackmail, itu kita mahu kutuk dan kalau Yang Berhormat yang bercakap tadi mengakui bahawa contoh itu satu contoh politics of blackmail patut dia kutuk dan bukan kata itu kebebasan bercakap.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah beliau beri jalan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh. Saya akan terus 2-3 jam kalau macam ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Apakah maksud kata Yang Berhormat dari Kota Melaka itu bahawa masyarakat Malaysia adalah masyarakat yang boleh diugut-ugut dan tidak boleh berfikir sendiri? Adakah ucapan beliau itu tadi menghina, bererti menghina secara tidak langsung atau secara langsung masyarakat Malaysia yang sudahpun boleh berfikir dan sudahpun menolak DAP bukan baru ini, dalam pilihanraya tahun 1982 tetapi sejak pilihanraya tahun 1959 lagi rakyat sudah boleh menilai siapa itu DAP (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Nampak Yang Berhormat itu sudah lupa sejarah, tahun 1959 tidak ada DAP, saya pun tak tahu masa itu dia di mana dan sama ada

rakyat ada tolak sesiapa, itulah serahkan kepada keputusan rakyat dan apa maknanya Pilihanraya Besar tahun 1982, nanti saya akan sebut tetapi tentulah sangat jelas masyarakat kita, kita tidak boleh nafi ada orang-orang yang cuba menggunakan politics of blackmail supaya mengekalkan kedudukan mereka, bukan kepentingan orang ramai tetapi untuk kepentingan sendiri.

Datuk James Peter Ongkili: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada beri peluang atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Datuk James Peter Ongkili: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan iaitu Barisan Nasional atau Parti Berjaya atau Ketua Menteri Sabah dan saya bercakap sebagai seorang Ahli Dewan yang mulia ini dari Sabah. Barisan Nasional di Sabah melalui Berjaya ataupun Ketua Menteri Sabah tidak ada mengatakan yang oleh sebab kawasan Sandakan telah jatuh kepada Pembangkang maka Kerajaan Negeri Sabah tidak akan memberi pembangunan kepada Sandakan dan saya cabar Ahli Yang Berhormat memberikan bukti bahawa Kerajaan di Sabah atau Ketua Menteri Sabah ada mengatakan dengan kata-kata ini. Barangkali kalau pun ada itu adalah tafsiran surat-surat khabar tetapi sebagai satu Kerajaan yang bertanggungjawab di Negeri Sabah, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada mengatakan bahawa oleh kerana Sandakan telah jatuh kepada Pembangkang maka kita kata kita tidak akan memberi pembangunan sedangkan sekarang letrik pun marak juga, air pun mengalir juga di paip dan segala-gala pun sedang berjalan dan semuanya ini bukanlah daripada DAP, tetapi daripada Kerajaan Barisan Nasional (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Ya, light goes off at 10 o'clock! Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri sudah mengakui bahawa Yang Berhormat Ketua Menteri ada buat ugutan itu sungguhpun beliau kata itu tafsiran salah, silap dibuat oleh

suratkhabar tetapi suratkhabar siapa—suratkhabar BERJAYA!! Sekarang kata “Oh, mungkinlah itu tafsiran salah” dan itulah politics of blackmail dan kita tidak boleh lari daripada hakikat itu. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan di Sabah bukan daripada kewangan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis point ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila tumpukan ucapan kepada Kerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Ramai orang mahu berdiri, saya tidak mahu tengok siapa. Selepas point ini dia boleh berdiri, saya tidak mahu tengok siapa itu!

Wang untuk pembangunan rakyat Sabah bukan daripada kocek-kocek (pockets) Yang Berhormat Ketua Menteri tetapi rakyat Sabah dan janganlah atas sebab itu rasa bahawa mereka hadiahkan pembangunan kepada rakyat Sabah. Itu adalah hak rakyat Sabah sama ada mereka mengundi BERJAYA atau mahu jatuhkan BERJAYA. Biar saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah beri peluang atau jalan kepada.

Tuan Lim Kit Siang: Siapa itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh tengok dia.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

Tuan Lim Kit Siang: Pasir Puteh, saya tidak tahu siapa dia, saya tidak boleh tengok!

Timbalan Yang di-Pertua: Beri peluang atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh tengok?

Timbalan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu cakap, boleh cakap.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya wakil dari Kota Melaka kalaulah DAP berkuasa di negeri ini ataupun di Melaka, apa yang DAP akan buat terhadap negara ini dan juga terhadap negeri dan juga bagaimana DAP dan wakil dari Kota Melaka yang akan menjadi Perdana Menteri akan menguasai negara ini?

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak akan menjalankan politics of blackmail, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak akan jadi blackmailers dalam politik. Samy Vellu!

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada mengatakan sebelum saya diganggu oleh orang-orang yang nampaknya sudah jadi professional pengganggu, politik Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah dan kuncu-kuncunya dalam Barisan Nasional bukan politik demokrasi tetapi politics of blackmail untuk menafikan rakyat apa yang sewajarnya hak mereka sebagai warganegara Malaysia serta pembayar cukai.

Rakyat yang mengundi Pembangkang bukan kerana mereka menolak pembangunan—tetapi kerana mereka berhak menikmati pembangunan—tetapi kerana berkehendakkan pembangunan dan lebih daripada itu Persamaan, Keadilan dan Kebebasan. Apakah rakyat telah menjadi lebih “matang dan rasional” apabila mereka menyerah diri kepada politics of blackmail atau rakyat benar-benar “matang dan rasional” apabila mereka menolak politics of blackmail?

Kerajaan Barisan Nasional mendakwa bahawa dalam pilihanraya umum yang baru lepas, mungkin kerana pihak Barisan telah menang lebih banyak kerusi di peringkat Parlimen dan Dewan Negeri, rakyat Malaysia telah “menyingkirkan rasa perkauman yang dahulunya sering dijadikan asas pemilihan”.

Dalam pilihanraya umum tahun 1978 apabila partai DAP menang 16 kerusi Parlimen, pemimpin-pemimpin Barisan telah mendakwa bahawa terdapat polarisasi perkauman yang serius di negara ini. Tetapi dalam pilihanraya umum tahun 1982 apabila kerusi Parlimen

DAP berkurang daripada 16 kepada 9, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional telah mendakwa bahawa rakyat kini lebih "matang dan rasional" dan kata-kata tentang "polarisasi perkauman" tidak timbul lagi. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional janganlah berlagak sebagai "conjurers" dalam sarkas tetapi patutlah berlagak sebagai pemimpin yang lebih bertanggungjawab.

Sungguhpun partai DAP telah kalah dengan serius dalam pilihanraya umum 1982 dalam ertikata kerusi Parlimen khasnya di Semenanjung Malaysia, prestasi partai DAP tidaklah begitu buruk seperti digambarkan oleh kerusi-kerusi Parlimen yang dimenangi (*Disampuk*). Sebenarnya partai DAP telah menambahkan peratus undi sah yang dibuang di seluruh Malaysia dari 19.1 peratus dalam pilihanraya umum 1978 kepada 19.57 peratus dalam pilihanraya umum tahun 1982 di mana jumlah undi yang diperolehi oleh DAP telah meningkat daripada 664,433 dalam tahun 1978 kepada 815,473 dalam tahun 1982.

Adalah satu catitan yang sedih atas sifat tidak berdemokratik dan tidak saksama sistem pilihanraya Parlimen Malaysia yang mana DAP yang telah meningkatkan peratus undi yang diperolehi olehnya kepada 19.57 peratus mendapati perwakilan Parlimennya dikurangkan lagi kepada 6 peratus daripada jumlah 142 kerusi yang ditandingi dalam pilihanraya umum 1982. Berasaskan hanya kepada keputusan pilihanraya umum tahun 1982, satu sistem pilihanraya yang adil dan berdemokratik yang memberi makna kepada prinsip "satu orang, satu undi, atau "one man, one vote", akan menjamin DAP bukan berhak untuk mendapat 9 kerusi Parlimen tetapi untuk mendapat 19 peratus daripada 142 kerusi yang ditandingi, iaitu 28 buah kerusi Parlimen.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya, ini bukan mesyuarat Agong DAP.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan Mesyuarat Agong UMNO, kalau dia tidak suka, dia boleh keluar!

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sekalipun kita mengambil kira keputusan pilihanraya Semenanjung Malaysia sahaja, satu sistem yang adil dan berdemokratik dan membayangkan jumlah undi yang diperolehi oleh DAP, iaitu 20 peratus dalam 110 kawasan Parlimen di mana ada pertandingan dengan menjamin DAP mendapat 22 Ahli Parlimen di Semenanjung Malaysia dan bukan 6 orang Ahli Parlimen seperti terdapat sekarang ini (*Tepuk*). Jumlah peratus undi yang diperolehi oleh DAP dalam Semenanjung Malaysia dalam pilihanraya umum lalu telah kurang sebanyak 1.2 peratus sahaja berbanding dengan 21.5 peratus dalam pilihanraya umum tahun 1978 apabila DAP mendapat 652,700 undi berbanding dengan 748,209 undi dalam pilihanraya umum 1982.

Satu lagi cara untuk menunjuk ketidakadilan dalam sistem pilihanraya dan keputusan ialah dalam pilihanraya umum tahun 1978, Barisan Nasional yang mendapat 57 peratus daripada jumlah undi sah dalam Semenanjung Malaysia dapat membolot 81.6 peratus jumlah 109 kerusi yang ditandingi, sementara itu dalam pilihanraya umum tahun 1982 pula, Barisan Nasional yang mendapat 61.3 peratus undi sah dalam Semenanjung Malaysia dapat membolot 90 peratus daripada jumlah 110 kerusi di mana ada pertandingan.

Jadi saya tidak faham apa maksud pemimpin-pemimpin Barisan Nasional bila mereka berlagak atas keputusan pilihanraya umum 1982, bilamana DAP telah meningkatkan lagi jumlah undinya dengan lebih daripada 150,000 undi dan juga telah menambahkan peratus undi sah yang diperolehi olehnya. Dalam ertikata kerusi Parlimen, memang DAP telah kalah teruk, tetapi kerusi bukannya boleh memikirkan atau mempunyai perasaan. Yang memikirkan, mempunyai perasaan, bertindak dan memilih ialah pengundi, manusia—bukan binatang yang boleh membuat bunyi sahaja.

Begitu juga jika kemenangan 16 kerusi Parlimen oleh DAP dalam pilihanraya umum 1978 serta memperolehi 664,433 undi menandakan satu tahap tinggi dalam polarisasi kaum, maka penambahan jumlah undi bagi DAP serta penambahan peratus undi sah yang diperolehi olehnya dalam pilihanraya umum ini tentu sudah meningkat ke tahap yang lebih tinggi dalam polarisasi kaum.

Dalam Titah Ucapan Di Raja, Duli Yang Maha Mulia telah menyeru semua Ahli Yang Berhormat menjadikan Dewan Rakyat sebagai tempat menghasilkan pemikiran baru untuk kebahagiaan rakyat. Kita perlu memikirkan semula fahaman kita tentang demokrasi, tradisi dan warisan demokrasi yang kita ingin mengasas dan memelihara, dan kita hendaklah menumpukan perhatian kita terhadap inti demokrasi dan bukan terhadap bentuk-bentuk perhiasan semata-mata.

Dalam pemikiran saya, tradisi dan warisan demokrasi yang harus kita mengasas dan mewasiatkan kepada generasi yang akan datang, adalah satu-satunya di mana pandangan-pandangan oposisi dan hak-hak minoriti dihormati dan ditepati dan bukan seperti sekarang, di mana ianya tidak dihirau dipijak malah didiskriminasikan.

Apabila saya menyebut pandangan-pandangan oposisi, saya tidak bermaksud hanya pandangan-pandangan parti-parti atau pemimpin-pemimpin pembangkang, tetapi rakyat Malaysia yang telah memberi sokongan mereka kepada dasar-dasar dan program-program Pembangkang menerusi peti undi. Dengan menyertai dalam proses demokrasi berparlimen, mereka hanya menunjukkan keyakinan mereka dalam proses tersebut. Dan walaupun ini cuma membayangkan pandangan-pandangan oposisi, pandangan-pandangan seumpama itu dihormati dan ditepati kerana itu adalah sebahagian daripada aspirasi-aspirasi popular rakyat Malaysia yang menjadikan negara Malaysia.

Tambahan pula, penyertaan seumpama itu dalam proses demokrasi berparlimen juga menunjuk bahawa mereka menolak perjuangan politik tidak berperlembagaan dan luar parlimen dan mahu mencapai aspirasi-aspirasi mereka melalui cara-cara demokrasi aman. Sekiranya Kerajaan Barisan Nasional mula mengadakan politik Konfrontasi dengan tidak mempedulikan sama sekali aspirasi-aspirasi mereka yang telah mengundi Pembangkang, maka Parti Pemerintah akan bersalah memecah-belahkan dan bukan menyatupadukan rakyat.

Dua puluh lima tahun selepas merdeka, kita belum lagi mencapai permaufakatan bahawa warisan dan tradisi demokrasi yang kita ingin mengasaskan dan menyerahkan sebagai satu pusaka kepada generasi akan datang adalah satu-satunya di mana hak-hak minoriti dan pandangan-pandangan oposisi dihormati dan dimuliakan dan bukan disiksa atau didiskriminasi. Saya menyeru pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang berpandangan jauh dan bukan mereka yang berpandangan sempit untuk membantu mengasaskan satu tradisi demokrasi seumpama itu, dan untuk memisahkan diri mereka daripada politik blackmail yang tidak mempunyai sebarang yang sama dengan demokrasi.

Saya sangat rasa bimbang bahawa kemenangan Barisan Nasional dianggap oleh parti Barisan Nasional khususnya UMNO sebagai satu kebenaran, satu mandat untuk melaksanakan dasar-dasarnya, dan bukan menggalakkannya untuk menyesuaikan dirinya dengan hakikat bahawa Malaysia hanya boleh berjaya sebagai satu negara yang berbilang bangsa, bahasa, ugama dan kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan, Baginda telah menyatakan:

“Kita baru sahaja selesai merayakan ulang tahun kemerdekaan yang ke 25. Dalam tempoh suku abad ini, kita telah sampai kepada satu tahap pencapaian yang boleh dibanggakan. Kita telah berjaya meletakkan asas

kukuh ke arah melahirkan satu warga, satu bahasa dan satu budaya. Atas asas inilah kita membina satu negara Malaysia yang lebih gemilang”.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak pernah difikirkan akan menjadi satu negara yang mempunyai satu bahasa dan satu budaya oleh kerana ianya akan menghilangkan samasekali perwatakan istimewanya sebagai sebuah masyarakat yang berbilang bangsa, bahasa, ugama dan kebudayaan. Sebenarnya, Fasal 152 dalam Perlembagaan Persekutuan menyatakan dengan jelasnya sekali bahawa Malaysia hendaklah menjadi sebuah negara berbilang bahasa, dan walaupun Bahasa Malaysia hendaklah menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan, bahasa-bahasa lain seperti Tionghua dan Tamil mempunyai kebebasan penggunaan, pelajaran dan pengajaran.

Berikutan dengan keputusan Universiti Merdeka di mana kedua-dua Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan telah memberi satu interpretasi yang sempit dan tersekat kepada Fasal 152, pengumuman pertama dasar Kerajaan Barisan Nasional selepas pilihanraya umum 1982 bahawa ianya “committed” kepada kelahiran satu warga, satu bahasa dan satu budaya, menimbulkan soal-soal penting tentang apa akan terjadi kepada bahasa-bahasa dan budaya-budaya lain di Malaysia dalam tahun-tahun kelapan puluhan dan kesembilan puluhan.

Pokok kontroversi awal tahun ini mengenai pelaksanaan kurikulum 3M di sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil ialah kerana ciri atau character sekolah-sekolah ibunda ini akan diubah. Sekiranya Kerajaan Barisan Nasional berpegang teguh ke arah melahirkan satu warga, satu bahasa dan satu budaya, dan bukan satu warga, berbagai bahasa dan pelbagai budaya, maka sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil tidak akan mempunyai tempat jangka panjang yang kekal dalam sekim terakhir di bawah pelan induk Barisan Nasional.

Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional telah kerap kali mengutarakan komitmen mereka terhadap kesederhanaan (moderation) sebagai sumber kekuatan ke arah pembinaan negara. Kami dalam DAP menyokong penuh kesederhanaan kerana kita hendaklah menyingkirkan extremism dan fanaticisme dalam apa bentuk sekalipun yang akan menghancurkan rangka atau fabric masyarakat Malaysia.

Akan tetapi memandang kepada perkembangan-perkembangan baru yang nampaknya menukar “ground rules” asas dalam pembinaan negara dan perkembangan-perkembangan politik yang lain, kita perlu bertanya satu persoalan yang spesifik tentang apakah yang dimaksudkan sebenarnya oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional apabila mereka menyebut tentang “Kesederhanaan”. Saya percaya Menachem Begin sendiri menganggap dirinya sebagai seorang “moderate” atau sederhana dalam soal mempertahankan Israel daripada ancaman-ancaman terhadap kewujudan Israel. Walaupun ini bermakna dengan membunuh secara beramai-ramai (massacre) orang-orang Palestin di Beirut. Begin juga telah memenangi Hadiah Nobel “Peace Prize” kerana sumbangannya terhadap perdamaian tetapi dunia pada keseluruhannya tidak menerima Begin sebagai seorang yang sederhana tetapi menganggapnya sebagai seorang pelampau yang sanggup melakukan “holocaust” dengan membunuh rakyat Palestin.

Kami ingin bertanya pihak Barisan Nasional apakah mereka maksudkan apabila mereka menyebut “kesederhanaan” sama ada mereka itu adalah “moderation of means” atau “moderation of ends”. Umpamanya sekiranya tujuan mereka ialah untuk melahirkan satu warga, satu bahasa, satu budaya mereka mungkin boleh dianggap sebagai “sederhana” atau “moderate” dalam erti kata cara dan jangka masa pencapaian tetapi saya fikir ini tidaklah boleh diterima sebagai “moderation of end”. Seseorang hanya boleh bercakap tentang “kesederhanaan” sekiranya seseorang itu bercakap tentang “tujuan terakhir” untuk membina sebuah Malaysia yang mengandungi “satu warga, berbagai bahasa dan berbagai budaya”.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Malaysia memerlukan ialah "moderate of ends" dan bukan "moderate of means" yang bercommitted ke arah "extremism of ends". Dalam ertikata yang simple, ini bermakna matlamat ialah untuk mewujudkan sebuah Malaysian Malaysia di mana berbagai-bagai kaum, bahasa, ugama dan budaya dapat berkembang subur di Malaysia dan bukan dengan mewujudkan sebuah Malaysia baikpun Malaysia China, Malaysia India atau Malaysia Melayu.

Dalam konvokesyen Institut Teknologi MARA yang diadakan di Shah Alam pada 25hb September, 1982, Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah telah menyeru pelajar-pelajar MARA pergi ke Sabah untuk memprojekkan "imej Melayu yang sebenarnya". Saya amat terkejut kerana saya fikir matlamat Kerajaan Barisan Nasional ialah untuk memprojekkan imej Malaysian dan bukan "imej Melayu yang sebenarnya" dan apakah "imej Melayu yang sebenarnya" ini saya pun tidak tahu.

Dalam bulan Mei tahun ini, saya telah menyebut secara am bahawa guru-guru pelatih diberitahu bahawa mereka dikehendaki mempelajari "Tamaddun Islam" sebagai satu mata pelajaran yang wajib. Saya juga tidak memahami ini pula kerana Malaysia adalah sebuah masyarakat yang berbilang kaum, bahasa dan budaya dan sekiranya matlamatnya ialah untuk membawa ke arah kesefahaman yang lebih di antara rakyat Malaysia tentang kebudayaan dan asal-usul (roots) setiap orang, maka apa yang guru-guru pelatih harus mengambil sebagai mata pelajaran wajib ialah "Tamaddun Asia" di mana semua mereka itu akan lebih mengenali tamaddun-tamaddun yang agung seperti tamaddun Islam, India, China yang mana tamaddun-tamaddun inilah yang menjadikan Malaysia.

Pindaan kepada kurikulum untuk guru-guru pelatih untuk menjadikan "Tamaddun Islam" sebagai matapelajaran wajib tanpa mengira sama ada guru-guru itu akan dilatih untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah China atau Tamil telah dibuat sebelum

pilihanraya umum April lalu. Dan apabila saya menyoal secara awam mengapa diadakan perubahan ini dalam kurikulum, pindaan tersebut ditangguhkan secara senyap.

Akan tetapi apabila pengesanan (magnitude) kejayaan Barisan Nasional dalam erti kata jumlah kerusi yang diperolehi dalam pilihanraya umum April lalu disedari, pendekatan "defensive" yang menyebabkan penangguhan kurikulum untuk guru-guru pelatih berkait dengan mata pelajaran wajib "Tamaddun Islam" ditukar kepada satu pendekatan "offensive" di mana seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO bulan lepas. "Tamaddun Islam" akan diperkenalkan sebagai satu matapelajaran di semua kelima-lima universiti tempatan. Sekali lagi, mengapakah "Tamaddun Asia" dan bukan "Tamaddun Islam" tidak diperkenalkan sejajar dengan ciri berbilang budaya Malaysia?

Hanya Jumaat lalu, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri yang di masa lalu ada mencadangkan agar tarian singa ditukar kepada "tarian harimau" telah berkata dalam pembukaan pameran seni Turki di muzium seni Asia di Universiti Malaya bahawa hanya ciri-ciri seni yang berasaskan identiti Melayu diterima sebagai unsur-unsur Kebudayaan Kebangsaan dan tidak ada tolak ansur dalam perkara ini.

Sikap-sikap mengenai pelbagai isu asas pembinaan negara telah bertambah keras selepas kejayaan pilihanraya Barisan Nasional, selepas MCA membuat satu "breakthrough" yang utama.

Satu lagi contoh tentang perkembangan-perkembangan yang sungguh mengganggu yang nampaknya telah menukar ground rules berkait dengan politik dan pembinaan negara ialah bidasan Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung MCA pada 3hb Oktober 1982 ke atas ketaatsetiaan rakyat Malaysia keturunan China kepada Malaysia. Bidasan tersebut bukan sahaja terbatas kepada mereka yang telah berhijrah ke lain negara tetapi

juga termasuk mereka yang berada dalam negara yang berani menegur dan mengkritik dasar-dasar Barisan Nasional.

Dalam ucapannya, Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri ada berkata, dengan izin, saya memetik:

"Dan bila kita bercakap mengenai kasih sayang serta taat setia kepada tanahair, kita tidak boleh lari dari prasangka ataupun prejudis bahawa setengah-setengah pihak dari sesuatu keturunan negara ini hidup berpura-pura.

Prejudis ini timbul kerana kononnya pihak berkenaan mengaku taat setia kepada negara, tetapi mereka jugalah yang memburuk-buruk serta mencemar sistem pentadbiran, perundangan serta polisi yang terdapat di Malaysia.

Prejudis ini semakin tebal kerana ada rakyat Malaysia yang mati-mati berkata bahawa taat setianya tidak berbelah bagi, tetapi merekalah juga yang bertindak dan bergerak sebagai duri dalam daging atau umpama musuh dalam selimut. Mereka tikam kita dari belakang".

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas dari petikan di atas bahawa Yang Amat Berhormat bukan sahaja merujuk kepada bekas rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke negara-negara lain tetapi juga membidas mereka yang mencemar sistem pentadbiran, perundangan serta polisi yang terdapat di Malaysia dari dalam kerana mereka sahajalah yang boleh tikam dari belakang, iaitulah orang yang ada dalam Malaysia. Mereka yang telah menyerah atau hilang kewarganegaraan tidak boleh menjadi musuh dalam selimut atau tikam kita dari belakang kerana mereka bukan lagi rakyat Malaysia.

Bidasan ini memfitnahkan rakyat Malaysia keturunan China dan Perhimpunan Agung MCA, sepatutnya melulus satu resolusi mengutuk ucapan itu. Sebaliknya Presiden MCA melalui Pembantu Khasnya telah mengumumkan sokongan penuh MCA terhadap langkah Kerajaan melucutkan kewarganegaraan 16,864 orang warganegara Malaysia yang telah berhijrah ke lain-lain negara.

Tuan Yang di-Pertua, Parti DAP telah menyatakan pendiriannya dengan jelas bahawa kita tidak dapat bersetuju dengan rakyat Malaysia yang berhijrah ke lain negara kerana mereka tidak bersetuju dan mereka keciwa dengan dasar-dasar Barisan Nasional kerana orang-orang migran ini telah berlagak dengan mementingkan diri mereka sendiri dengan meletakkan kepentingan diri dan kepentingan keluarga atas kepentingan masyarakat dan negara. Mereka sepatutnya tinggal di sini untuk berjuang ke arah membawa perubahan-perubahan kepada ketidakadilan-ketidakadilan dan ketidak samaan-ketidak samaan yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Sementara kami dalam DAP tidak bersetuju, kesal malah menentang penghijrahan "brain power" Malaysia ke lain negara seumpama itu, kami memahami sebab-sebab yang memaksa mereka bertindak sedemikian yang bukan untuk mencari wang yang lebih di luar negeri tetapi semata-mata untuk memperolehi keadilan dan peluang pelajaran bagi anak-anak mereka yang dinafikan di Malaysia dan kedua, untuk membolehkan mereka memajukan dengan sepenuhnya potensi dan keupayaan.

Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang secara langsung bertanggungjawab menghalau rakyat Malaysia ke lain-lain negara tidak mempunyai hak moral

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta jalan, kalau hendak beri.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan bahawa Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menyebutkan bahawa kita telah menjalankan dasar-dasar yang menyebabkan rakyat warganegara lari daripada negeri ini dan berhijrah ke luar negeri. Adakah Yang Berhormat wakil dari Kota Melaka juga bermaksud untuk menerangkan kepada Dewan yang mulia ini sebab-sebab maka berlaku

penghijrahan di dalam parti Ahli Yang Berhormat itu sendiri, adakah orang-orang DAP lari daripada parti DAP kerana dasar di dalam pucuk pimpinan DAP yang menyebabkan orang-orang ini lari. Adakah boleh kita bandingkan rakyat yang berhijrah ke luar negeri ini sama dengan orang-orang DAP yang berhijrah keluar daripada DAP kerana tidak puas hati dengan sikap kuku besi dalam kepimpinan DAP (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu mahu main-main sahaja. Kita tahu ada orang yang keluar dari DAP masuk MCA atau masuk Barisan Nasional oleh kerana tanah, oleh kerana 31.25 ekar tanah, oleh kerana kewangan, oleh kerana boleh dibeli, rela menjadi pengkhianat, itu kita tahu. Itu sebablah ada orang mahu menjual prinsip mereka dan kalau mereka tidak ada prinsip mahu jual kepada Barisan Nasional dan Barisan Nasional mahu beli, pergilah—terima. Saya rasa itu tidak berguna, kita terus lebih baik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Alias bin Md. Ali: Boleh beri jalan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu main-main sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan. Sila duduk! Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beri dia jalan, boleh berdirilah, tetapi dia takut. Yang Berhormat Menteri takut, MIC dan semuanya takut. Kita mahu dengar MIC—saya beri kepada MIC—mereka takut.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap janganlah bercakap antara satu dengan lain kerana itu tidak menuruti Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang secara langsung bertanggungjawab menghalau rakyat Malaysia ke lain-lain negara tidak mempunyai hak moral untuk mengkritik rakyat Malaysia yang berada di luar negeri kerana pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang

bertanggungjawab atas penghijrahan tersebut. Mereka yang berhijrah adalah salah tetapi lebih salah lagi adalah orang-orang yang merumuskan serta melaksanakan dasar-dasar yang memaksa rakyat Malaysia berhijrah ke luar negeri. Mengapakah kesalahan kecil itu dibidas tetapi kesalahan besar dibiarkan begitu sahaja?

Saya telah mengatakan tadi bahawa kami dalam DAP memahami sebab-sebab yang menyebabkan rakyat kita berhijrah ke luar negeri. Pertama ialah kerana kegagalan Kerajaan Barisan Nasional untuk mengiktirafkan nilai rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

Minggu lalu, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengumumkan perantikan seorang ahli farmasi, Encik Musa Mohamed sebagai Naib Cancellor baru Universiti Sains Malaysia.

Saya tidak menentang perantikan Encik Musa Mohamed itu tetapi saya anggap adalah sungguh malang pihak Barisan Nasional masih bersikap keras dengan tidak mahu menyusun semula perantikan-perantikan kanan Kerajaan atau perkhidmatan awam untuk mencerminkan penduduk berbilang kaum negara ini.

Malaysia mempunyai lima buah universiti tetapi setakat ini tidak ada seorang bukan Melayupun yang dilantik menjadi Naib Cancellor mana-mana dari satu universiti tersebut. Tidakkah boleh dinafikan bahawa tidak ada para akademis atau pentadbiran bukan Melayu yang tidak mempunyai kelayakan dan kebolehan yang diperlukan untuk menjadi seorang Naib Cancellor yang baik.

Dasar-dasar Barisan Nasional seumpama ini yang tidak mempedulikan langsung aspirasi-aspirasi sah orang-orang bukan Melayu Malaysia yang mempunyai kebolehan, bakat dan kelayakan serta ketidakadilan-ketidakadilan pelajaran di bawah sistem pelajaran Barisan Nasional yang memaksa berpuluh-puluh ribu tenaga profesional Malaysia berhijrah ke lain negara.

Sebuah Kerajaan yang benar-benar mengambil berat, menyanjung dan menghargai sumbangan-sumbangan yang boleh diberi oleh tenaga Malaysia

yang berkecualan ke arah pembangunan Malaysia akan berikhtiar untuk mencari jalan untuk menyimpan para profesional tersebut dan mencegah mereka dari berhijrah ke lain negara. Sebaliknya, saya merasa dari mendapat gambaran seolah-olah pihak yang berkuasa tidak berasa sedih atas penghijrahan para profesional seumpama itu ke lain negara.

Namun demikian, penghijrahan para profesional Malaysia ke lain negara tidak menjadikan mereka tidak taat-setia secara *per se* kepada Malaysia. Lebih-lebih pun, para profesional ini yang berhijrah adalah bersalah kerana meletakkan kepentingan mereka dan keluarga mereka ke atas kepentingan masyarakat dan negara.

Tetapi sikap mementingkan diri (selfish) ini bukan bermakna mereka ini adalah tidak taat-setia kerana jika demikian, maka pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang korup dan menggunakan kedudukan politik mereka untuk mencari keuntungan sendiri sepatutnya dilucutkan kerakyatan Malaysia kerana melakukan kesalahan durhaka kepada Malaysia. Kalau seorang yang selfish ialah seorang yang tidak taat-setia.

Begitu juga mereka dalam Barisan Nasional yang bertanggungjawab melakukan perbuatan mementingkan diri dengan menafikan semacam kanak-kanak Ipoh Taman Permainan Kanak-kanak mereka dengan membina Ibu Pejabat UMNO Perak juga boleh dianggap sebagai tidak taat-setia sekiranya sikap mementingkan diri disamakan dengan tidak ketaatsetiaan.

Ataupun seperti berlaku di Melaka di mana pemimpin-pemimpin MCA seperti Yang Berhormat Menteri Kesihatan atau Encik Tee Cheng York, seorang Exco telah berjaya memperakukan pengurniaan pingat Jaksa Pendamai kepada seorang yang menjadi pemberi kewangan kepada MCA walaupun beliau itu adalah seorang convict yang dihukum penjara di bawah Kanun Seksaan kerana menipu orang ramai dan mangsa-mangsanya di Kluang tidak pernah dibayar balik atau diberi ganti-rugi. Perbuatan-perbuatan seumpama ini adalah perbuatan-perbuatan yang me-

mentingkan diri tetapi apakah ini bermakna perbuatan-perbuatan itu adalah perbuatan-perbuatan yang tidak taat setia?

Partai DAP tidaklah sedia untuk berlagak seperti MCA untuk memberi sokongan penuh kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk melucutkan kerakyatan 16,864 warga-negara Malaysia setakat September 1982 kerana berhijrah ke lain negeri semamata untuk memastikan anak-anak mereka memperoleh peluang-peluang pelajaran yang saksama. Saya tahu ramai di antara pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan Menteri-menteri yang menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk mendapatkan pelajaran bukan sahaja pelajaran peringkat universiti tetapi juga pelajaran peringkat sekolah rendah dan menengah. Apakah mereka ini juga kurang "taat setia" dan harus disingkirkan sebagai Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Ahli Parlimen?

Rakyat kita tidaklah seharusnya dilucutkan kerakyatan mereka kerana mereka mahukan anak-anak mereka mendapat peluang-peluang pelajaran yang terbaik dalam hidup mereka. Sama juga, rakyat Malaysia tidak sepatutnya dilucutkan kerakyatan mereka kerana pergi ke luar negeri semamata kerana tidak bersetuju dengan dasar-dasar Kerajaan yang memerintah.

Datuk James Peter Ongkili (Tuan): Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu minta jalan, adakah Yang Berhormat hendak beri?

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa orang yang boleh salahgunakan kuasa dan menidakkan hak saya masuk ke Sabah tidak ada hak untuk minta jalan apa-apa jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Dia takut saya pergi berjalan ke Sabah, apa jalan dia mahu.

Datuk James Peter Ongkili: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Takutkah saya berjalan di Sabah? Apa jalan yang dia mahu. Saya pun tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tuaran ada peluang kemudian.

Datuk James Peter Ongkili: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apa ini! Dia takut saya pergi ke Sabah, sekarang di sini pula dia mahu saya beri dia jalan.

Sekiranya rakyat Malaysia boleh dinafikan kerakyatan mereka kerana berhijrah ke luar negeri kerana mereka tidak bersetuju dengan dasar-dasar Kerajaan yang memerintah, maka Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam tahun 1969 juga boleh pada masa itu menghadapi bahaya kelucutan kerakyatan Malaysia apabila beliau bertolak ke luar negeri setelah disingkirkan dari jawatannya sebagai Timbalan Menteri oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman kerana tidak taat setia kepada Kerajaan.

Partai DAP menggesa supaya sebuah Jawatankuasa Khas Parlimen ditubuhkan untuk mengkaji soal perlucutan kerakyatan 16,864 warganegara Malaysia seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat dalam Perhimpunan Agung MCA supaya memastikan bahawa tiada sesiapa dilucutkan kerakyatan semata-mata kerana ia berhijrah ke lain negara untuk mendapatkan peluang pelajaran yang terbaik untuk anak-anaknya ataupun kerana ia tidak bersetuju dengan dasar-dasar Kerajaan yang memerintah.

Ucapan Yang Amat Berhormat di Perhimpunan Agung MCA harus dikutuk sama sekali kerana ianya merupakan satu slander terhadap ketaatsetiaan rakyat Malaysia keturunan China untuk mengkritik sistem pentadbiran, perundangan dan dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional dan disebabkan serangan tersebut datangnya daripada seorang yang memegang jawatan politik yang begitu tinggi, ia pasti akan mengakibatkan serangan-serangan dilakukan terhadap "ketaatsetiaan" rakyat Malaysia keturunan China oleh para pelampau.

Saya tidak akan hairan sekiranya saya menjadi sasaran tuduhan-tuduhan tidak setia itu dalam perbahasaan dalam Parlimen. Saya telah dituduh melakukan berbagai-bagai kesalahan yang dahsyat oleh anasir-anasir Barisan Nasional yang tidak bertanggungjawab termasuk tuduhan yang mengatakan saya adalah seorang agen KGB yang mana tuduhan tersebut telah dibuat dalam Dewan Undangan Negeri Melaka oleh MCA (*Disampuk*). Pihak Barisan Nasional bukan sahaja tidak menyiasat tuduhan serius itu yang menuduh saya sebagai agen KGB tetapi juga telah menghalang sebarang siasatan. Jelaslah, mereka yang tidak mahu siasat perkara ini tentang sama ada pihak KGB telah mengupah Ahli-ahli Parlimen untuk menjadi agennya bertentangan dengan kepentingan Malaysia tidaklah boleh dikatakan sebagai begitu taatsetia kepada tanahair.

Adalah penting sekiranya kita tidak mahu memulakan buruan buta (*witch-hunt*) yang memecahbelahkan bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sedar bahawa terdapat perbezaan besar di antara *loyalty* kepada Malaysia sebagai tanahair kita dan *loyalty* kepada Kerajaan yang memerintah. Mana-mana Kerajaan tidak mempunyai hak untuk menuntut *loyalty* rakyat untuk dasarnya.

Kiranya rakan-rakan seperjuangan saya dan saya dalam DAP dituduh sebagai tidak taatsetia kepada dasar-dasar Barisan Nasional, maka kita dengan sukacita mengaku "guilty" oleh kerana kita tidaklah boleh menyokong atau bertaatsetia kepada dasar-dasar Barisan Nasional yang melemahkan perpaduan negara seperti dasar "bumiputraisme" yang mewujudkan dua kelas rakyat Malaysia ataupun dasar-dasar yang memburukkan lagi kedudukan ekonomi dengan mengayakan segelintir orang sedangkan rakyat jelata masih terbiar atau dasar-dasar yang membantut pertumbuhan demokrasi seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan kuasa-kuasa arbitarnya untuk menahan tanpa bicara, prosedur-prosedur perbicaraan yang tidak adil, sekatan-sekatan ke atas kebebasan untuk berucap dan berhimpun seperti pengharaman yang dikenakan ke atas rapat

umum serta kongkongan yang dikenakan ke atas akhbar-akhbar yang biasanya memberi liputan muka depan kepada berita-berita mengenai beratus-ratus penyokong yang meninggalkan DAP. Sekarang penyokong-penyokong pun ada hak meninggalkan DAP dan dapat berita dalam muka depan surat khabar. Secara kebetulan saya masih belum nampak lagi liputan-liputan akhbar yang melapurkan penyokong-penyokong UMNO, MCA atau mana-mana kumpulan Barisan Nasional meninggalkan parti mereka oleh kerana penyokong-penyokong tidak ada hak untuk keluar apa-apa parti. Tetapi penyokong MCA ada hak untuk keluar MCA—bukan ahli. Itulah fikiran orang semacam ini.

Semasa zaman penjajah, mereka yang menentang pemerintahan penjajah tidaklah dianggap sebagai tidak taatsetia kepada negara sungguhpun mereka itu tidak taatsetia kepada Kerajaan yang memerintah ketika itu. Di antara kedua-dua ketaatsetiaan ini, tidak ada apa-apa keraguan tentang mana satu yang merupakan ketaatsetiaan yang benar-benar kepada Malaysia.

Kebanyakan rakyat Malaysia keturunan Cina dilahir, dibesar dan akan mati di sini dan mereka adalah bumi-putra semata-mata seperti orang lain. Sekiranya pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ingin tahu sama ada rakyat Malaysia keturunan Cina benar-benar taatsetia kepada Malaysia, maka Kerajaan hendaklah menerima seruan DAP agar kerahan negara (national service) diperkenalkan supaya semua rakyat Malaysia dapat dilatih untuk mempertahankan negara. Mengapakah Kerajaan Barisan Nasional begitu takut untuk memperkenalkan kerahan negara untuk pemuda-pemuda kita mendapat latihan tentera mempertahankan tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan 2M telah berikrar untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Partai DAP akan memberi sokongan penuh kepada Kerajaan dalam hal ini kerana rasuah adalah seperti bara negara yang kalau tidak diawasi akan menghakiskan asas masyarakat kita.

Saya memandang amat berat tentang peristiwa-peristiwa yang baru-baru berlaku yang rupa-rupa menunjuk bahawa pemimpin 2M sudah berganjak dalam kempen membenteras rasuah di peringkat atasan politik.

Pada penghujung bulan September, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat satu kenyataan yang memeranjatkan di Pulau Pinang, iaitu tentang tidak berlakunya sebarang penyalahgunaan kuasa dan bahawa tidak ada sebarang skandal dalam pemberian tanah yang bernilai berhampiran dengan Padang Golf Seremban kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan serta pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dalam tempoh Kerajaan Sementara dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini.

Berikutan dengan protes keras orang-orang awam tentang pemberian 43.6 hektar tanah berhampiran dengan Kelab Golf Antarabangsa Seremban kepada tokoh-tokoh politik Barisan Nasional dan juga pegawai-pegawai kanan Kerajaan, baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat Negeri dengan harga yang hanya satu perlima daripada harga pasaran menjelang Pilihanraya Umum, Badan Pencegah Rasuah telah dipanggil untuk membuat siasatan mengenai perkara ini.

Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Badan Pencegah Rasuah akan menjadi benar-benar bebas dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Kerajaan tidak boleh memberitahu Badan Pencegah Rasuah apa yang ia patut membuat atau melakukan, usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menutupi kesalahan dan membebaskan orang-orang yang terlibat dalam skandal tanah Padang Golf Seremban dengan tidak menghiraukan siasatan Badan Pencegah Rasuah tidak boleh mewujudkan keyakinan dalam kebebasan, impartiality dan ketidak memihak Badan Pencegah Rasuah dalam tindak-tanduknya tanpa tertakluk kepada kemahuan politik Kerajaan.

Rakyat berhak untuk mengetahui mengapa skandal tanah Taman Aman di Petaling Jaya itu salah dan berbentuk "scandalous" di mana tanah seluas 1.5 hektar di Taman Aman, Petaling Jaya telah dipecah-belah dan diberikan kepada enam orang kenamaan di negeri Selangor tetapi pemberian tanah berhampiran dengan Kelab Golf Antarabangsa Seremban di Negeri Sembilan kepada 181 orang tokoh Kerajaan dan badan-badan politik itu tidak bersalah dan tidak scandalous.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa ada lain-lain Kerajaan Negeri yang juga berbuat demikian dengan memberikan tanah-tanah bernilai kepada orang-orang perseorangan—tetapi wujudnya rasuah dan amalan-amalan curang tidak akan menjadikan mereka kurang berasuah ataupun berpututan.

Dalam bulan Julai tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan betapa perlunya untuk membenters bukan sahaja rasuah dari sisi undang-undang (legal corruption) malah juga moral corruption. Pemisahan beliau daripada perisytiharan itu tentang betapa perlunya untuk membenterskan rasuah moral tidak sampai dua bulan kemudian adalah sangat mengeciwakan kerana pemberian tanah bernilai dekat Padang Golf Antarabangsa Seremban tentu menjadi satu contoh rasuah moral walaupun mungkin bukan rasuah dari sisi undang-undang.

Senarai pemohon-pemohon yang berjaya mendapat tanah tersebut merupakan seperti "Who's Who" pemimpin-pemimpin Barisan Nasional Negeri Sembilan dan juga pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Dalam mengadakan skandal tanah Negeri Sembilan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan objektif pemberian tanah itu adalah untuk membolehkan kaum bumiputra mempunyai rumah di tanah-tanah bernilai.

Yang pertama, alasan yang sama boleh diberi dalam skandal Taman Aman di Petaling Jaya. Yang kedua,

dari pengalaman, tanah-tanah bernilai yang diberikan kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan pemimpin-pemimpin politik biasanya diguna oleh mereka sebagai peluang untuk mencari keuntungan dengan menjualkan tanah-tanah yang berkenaan itu dengan harga pasaran. Apakah pemberian tanah seumpama itu yang hanya memberi faedah kepada segelintir manusia yang sudahpun kaya, yang memiliki lebih rumah daripada yang ia boleh menduduki dan yang mempunyai pertalian kuat dengan pemimpin politik di negeri itu boleh diadilkan (justify) dari segi sosial, moral mahupun nasional.

Saya tidak meragu-ragu bahawa objektif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kaum bumiputra patut boleh memiliki rumah di kawasan-kawasan bernilai boleh juga dicapai dan objektif untuk sebuah Kerajaan bersih, cekap dan amanah dipatuhi, jika Kerajaan Negeri Negeri Sembilan mengumumkan kepada khalayak ramai tentang sedia adanya lot-lot perumahan yang bernilai untuk dijual menerusi tawaran awam menurut syarat-syarat perlu yang dikenakan.

Sekiranya Kerajaan 2M benar-benar "committed" untuk mewujudkan sebuah Kerajaan bersih dan tidak berasuah, maka saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengeluarkan satu arahan dan juga membawa satu undang-undang yang akan menghalang sama sekali semua amalan-amalan berbentuk skandal oleh Exco-exco Negeri atau Ketua-ketua Menteri atau Menteri-menteri Besar iaitu memperuntukkan tanah-tanah Kerajaan kepada kunci-kunci politik dan pengampupengampu parti tanpa menghiraukan amanah rakyat yang diberikan kepada mereka untuk mentadbirkan negeri demi kepentingan dan kebajikan rakyat.

Sejak Kerajaan 2M mula mentadbir, terdapat beberapa pendakwaan terhadap pemimpin-pemimpin Barisan Nasional kerana rasuah tetapi ini tidak memberi gambaran bahawa ini adalah sebuah Kerajaan yang sebenar-benarnya "committed" untuk membenters orang-orang yang berasuah di peringkat atasan politik.

Kompromi-kompromi nampaknya telah dicapai dan bargains dibuat dalam beberapa kes yang melibatkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR). Orang-orang awam yang berpengetahuan dapat melihat dalam sebilangan kes yang dibawa ke mahkamah di mana BPR telah mendakwa orang-orang yang berasuah kerana kesalahan-kesalahan teknikal dan yang kecil yang terpilih sementara mengeneipkan skandal-skandal rasuah yang besar.

Suatu petunjuk, suatu index untuk mengukur kejayaan Kerajaan 2M dalam kempen menghapuskan rasuah ialah untuk mendapat tahu sama ada rakyat biasa, penunggang-penunggang motosikal, pemandu-pemandu lori, penjaja-penjaja dan lain-lain sudah dibebaskan daripada penindasan rasuah dalam kehidupan harian mereka. Umpamanya jika kita menanyakan seorang pemandu lori itu kita akan diberitahu bahawa rasuah bukan sahaja tidak dihapuskan, malah kadar korupsi semakin meningkat oleh kerana inflasi dan malah kadar \$1,000 sebulan sebagai wang rasuah kecil yang diberi oleh mereka yang membuat perjalanan lari jarak jauh pun tidak mencukupi.

Kerajaan 2M hendaklah lebih serius dalam usaha membenters rasuah jika kita tidak mahu satu keadaan di mana rasuah menjadi satu cara hidup dalam negara kita.

Slogan 2M yakni kerajaan bersih, cekap dan amanah masih jauh dari pencapaian. Pada September 20, lebih kurang pukul 2.30 pagi sebuah keluarga di Ponggol yang tiga batu letaknya dari bandar Senggarang, Johor telah diserang oleh lima orang pendatang haram Indonesia. Ketua keluarga tersebut, Lim Ah Soo, yang secara kebetulan adalah Bendahari Cawangan MCA Ponggol telah bangkit apabila ia mendengar ada orang cuba memecah pintu belakang rumahnya.

Beliau telah mengambil kapaknya dan mendapati lima orang sedang berusaha memecah pintu rumahnya serta juga membuka dengan paksa besi tingkap-tingkap rumah itu. Sementara beliau melawan dengan penceroboh-penceroboh tersebut dengan tujuan

menghalang mereka daripada memasuki rumahnya, anak perempuannya telah menelefon seorang kawan dan kawannya itu pula menelefon Balai Polis Rengit, Balai Polis Senggarang dan Balai Polis Batu Pahat dan meminta pihak Polis datang menolong menyelamatkan. Jam pada masa itu adalah lebih kurang pukul 3.40 atau 3.45 pagi.

Perlawanan di antara Lim Ah Soo dan kelima-lima pendatang haram Indonesia itu mengambil masa 40 minit tetapi Lim Ah Soo tewas dan tercedera dan beliau tidak dapat mencegah penceroboh-penceroboh tersebut daripada memecah pintu belakang rumahnya serta besi tingkap-tingkap rumahnya. Penceroboh-penceroboh berkenaan kemudian masuk ke dalam rumah, mengheret perempuan dan kanak-kanak yang ada dalam rumah dan mengacu sebilah pisau di tengkok seorang bayi berumur baru 3 hari, dan mereka mengugut akan membunuh bayi berkenaan kecuali barang-barang emas diserahkan kepada mereka. Mereka juga telah mengambil masa untuk memeriksa setiap bilik dan tidak meninggalkan rumah tersebut sehingga pukul 5.00 pagi.

Semasa tempoh kejadian ini berlaku, tidak ada seorang mata-mata pun dari ketiga-tiga balai polis datang untuk menolong Lim Ah Soo. Balai Polis Senggarang terletak hanya 3 batu dari Ponggol, balai Polis Rengit hanya 5 batu dari tempat kejadian dan Balai Polis Batu Pahat pula cuma letaknya 16 batu dari tempat kejadian tersebut.

Apakah gunanya untuk mengadakan sebuah balai polis sekiranya anggota di situ tidak menolong menyelamatkan orang-orang yang diserang oleh penjenayah-penjenayah? Ketiga-tiga Balai Polis berkenaan iaitu Balai Polis Senggarang, Rengit dan Batu Pahat telah gagal menolong penduduk Ponggol dan saya menggesa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya mengadakan satu siasatan ke dalam perbuatan tidak cekap dan tidak amanah yang dilakukan oleh Balai-balai Polis di tiga kawasan itu supaya dapat memulihkan keyakinan orang ramai terhadap polis.

Apabila pihak polis dikehendaki untuk melindungi nyawa dan harta-benda orangramai, mereka tidak kelihatan. Apabila mereka tidak dikehendaki, mereka sering berkeliaran. Sebagai misalannya, pada hari Sabtu lalu iaitu pada 9 haribulan Oktober saya telah pergi ke Ponggol untuk menemui Lim Ah Soo untuk membincangkan perkara tersebut yang telah menimbulkan kemarahan penduduk-penduduk di Senggarang, Ponggol dan Rengit dan dengan serta-merta pihak polis telah berada di situ.

Pihak Polis selalunya mendakwa bahawa mereka menghadapi kekurangan tenaga untuk menghadapi jenayah-jenayah yang berlaku di negara ini. Tetapi kadangkala pihak polis tidak mempunyai "a sense of priorities" dan menghantar tenaganya yang sudahpun berkurangan itu untuk membantu orang-orang kaya dalam pertikaian peribadi dan harta-benda mereka.

Contoh yang terbaru sekali ialah peranan yang dimainkan oleh pihak polis dengan seringkali melancarkan serbuan-serbuan dan rampasan-rampasan terhadap peniaga-peniaga pita video dalam pertikaian hakcipta persendirian di antara sebuah syarikat bernama Golden Star Video Berhad (GSVB) dan peniaga-peniaga pita video tentang pelanggaran hakcipta berkaitan dengan pita-pita video yang dikeluarkan oleh dua syarikat Hong Kong iaitu Redifussion Television Limited (RTV) dan Hong Kong Television (Berhad) International Limited.

Sejak bulan Julai hingga September lalu pihak Polis telah menghabiskan banyak masa kerja untuk melancarkan serbuan-serbuan serta merampas pita-pita video kepunyaan peniaga-peniaga pita video dan setakat ini lebih 40 pekedai pita video telah diserbu kedai mereka. Pukul rata, lebih 1,000 kaset pita video telah dirampas dan kadangkala sebanyak 3,000 kaset diambil oleh pihak polis yang melibatkan kerugian di antara \$20,000 hingga \$100,000 bagi setiap pekedai pita video yang kedainya diserbu.

Adalah tidak boleh dijustifikasikan dan amat tidak wajar sama sekali untuk pihak polis terus melancarkan serbuan-serbuan serta merampas pita-pita video bagi pihak Golden Star Video Berhad sedangkan mahkamah dalam kes ujian pertama masih belum membuat sebarang keputusan mengenai sama ada terdapat pelanggaran atau infringement of copyrights.

Dengan melancarkan serbuan-serbuan seumpama itu sedangkan pihak mahkamah masih belum membuat sebarang keputusan dalam kes ujian pertama pihak polis sememangnya membantu pihak Golden Star Video Berhad dalam perang persendirian mereka dengan pekedai-pekedai pita video.

Dengan menuntut bahawa ia mempunyai hakcipta untuk pita-pita video Hong Kong yang sedang pun dicabar oleh pekedai-pekedai pita video, Golden Star Video Berhad telah pada tahun lalu menuntut setiap pekedai pita video membayar \$5,000 setahun; tahun ini pula menuntut supaya mereka membayar \$8,000 setiap mereka dan bagi tahun hadapan pula saya difahamkan angka ini akan ditambah kepada \$15,000. Dengan menggunakan pihak polis untuk melancarkan serbuan-serbuan ke atas pekedai-pekedai pita video yang kini telah mencabar tuntutan Golden Star Video Berhad adalah jelas tujuan ini ialah untuk membuat semua pekedai video supaya melutut kepada Golden Star Video Berhad tanpa menghendaki mahkamah membuat sebarang keputusan.

Apakah ini menjadi peranan pihak polis untuk membantu sebuah syarikat swasta dalam pertikaian hakcipta persendirian? Golden Star Video Berhad dijangka memperoleh keuntungan sebanyak lebih kurang \$5 hingga \$8 juta setiap tahun dan lebih lagi dalam masa akan datang dari pertikaian hakcipta persendirian itu. Tetapi apakah keuntungan pihak polis ingin capai daripada kes itu? Setelah membuat serbuan pertama dan selepas membawa perkara tersebut ke mahkamah, pihak polis sepatutnya menunggu keputusan kes ujian pertama itu untuk menentukan

apakah pendirian undang-undang atas perkara tersebut sebelum mengambil tindakan lanjut.

Saya sukacita kerana selepas saya berhubung dengan pihak Polis Bukit Aman serbuan-serbuan tersebut telah berhenti. Pekedai-pekedai pita video bukanlah penjenayah atau orang-orang jahat. Mereka adalah ahli-ahli perniagaan yang tulin yang telah bertindak atas nasihat yang bertulis yang diberi oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam surat bertarikh 31hb Julai, 1980 yang ditujukan kepada Malaysia Video Tape Dealers Association dengan mengatakan bahawa perniagaan mereka adalah sah dari segi undang-undang dan mereka tidak akan melanggar mana-mana undang-undang apabila mereka mendupliketkan pita-pita video dari Hong Kong.

Saya mendapati keseluruhan kes ini adalah sangat menakjubkan kerana Lembaga Penapis (Censorship Board) sedar bahawa pita-pita video yang dituntut oleh Golden Star Video Bhd. masih belum diluluskan oleh Lembaga tersebut, pihak Kastam tahu duti ke atasnya belum dibayar lagi, tetapi Golden Star Video Bhd. masih boleh mendapatkan pihak Polis memberi perkhidmatan cemerlang dengan menyerbu pekedai-pekedai pita video untuk melindungi hakcipta pita-pita televisyen yang masih belum diluluskan secara sah. Lembaga Penapis dan Jabatan Kastam tidak mengambil sebarang tindakan terhadap Golden Star Video Bhd. mengenai pita-pita video tersebut dan pihak Polis sehingga baru-baru ini telah menjadi pelindung besar pita-pita video berkenaan.

Saya bercadang supaya Badan Pencegah Rasuah siasat perkara ini yang sangat menghairankan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya telah menyatakan tadi tentang kejadian di Ponggol, negeri Johor, di mana sebuah keluarga telah diserang dan dirompak oleh pendatang-pendatang haram Indonesia. Pada 24hb September, seorang pekerja dalam Rancangan FELDA di Selancar, Pahang yang bernama Yap Chai Huat telah dibunuh oleh pendatang-pendatang haram Indonesia.

Masalah pendatang-pendatang haram Indonesia telah mencapai satu tahap di mana ia sudah menjadi satu ancaman serius kepada undang-undang dan keselamatan negara. Selepas dilakukan beberapa kejadian kejam baru-baru ini oleh pendatang-pendatang haram Indonesia, beberapa badan telah mengutuk jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram itu. Tetapi, pengutukan seumpama itu tidak akan menamatkan masalah itu kerana pendatang-pendatang haram Indonesia tidak membaca akhbar.

Pendatang-pendatang haram Indonesia tidak dapat menjalankan kegiatan-kegiatan jenayah yang kejam seperti membunuh dan merompak, sekiranya mereka tidak dibenarkan masuk ke dalam negara kita ataupun tindakan tegas diambil untuk menghantar balik mereka yang terlepas masuk ke negara kita.

Bersabit dengan perkara ini, Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab dalam membenarkan ancaman pendatang-pendatang haram Indonesia mencapai satu tahap yang sungguh merbahaya dalam beberapa tahun yang lalu. Tidak seorang Menteri MCA nampaknya sungguhpun mendapat satu breakthrough dalam pilihanraya besar telah membangkitkan masalah ini dalam Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes orang-orang pelarian Vietnam dalam tahun 1978 dan 1979, Kerajaan bersikap sangat keras dan tidak berkompromais dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu ada mengatakan kepada dunia luar bahawa Malaysia akan "menembak bila kelihatan" atau "shoot to kill" orang-orang pelarian Vietnam yang mendarat di pantai-pantai Malaysia.

Dengan bertambahnya perbuatan-perbuatan jenayah oleh pendatang-pendatang haram Indonesia, lebih ramai rakyat mula menanyakan mengapa terdapatnya perbezaan dalam dasar Kerajaan Barisan Nasional tentang pendatang-pendatang haram Indonesia berbanding dengan orang-orang pelarian Vietnam.

Sehingga sekarang, Kerajaan Barisan Nasional belum lagi mengaku bahawa pendatang-pendatang haram Indonesia menimbulkan masalah serius dalam Malaysia. Pihakberkuasa menutup mata terhadap kemasukan pendatang-pendatang haram ini dan juga bergerak dengan bebas. Pengumuman Polis tentang penangkapan di sana-sini beberapa orang pendatang haram Indonesia dan penghantaran balik mereka tidak bermakna sama sekali jika kita mengambil kira bahawa mungkin terdapat 200,000 pendatang haram Indonesia di negara kita.

Sepanjang Pantai Barat Johor Selatan, pendatang-pendatang haram Indonesia mendarat hampir setiap malam dengan menggunakan bot-bot nelayan dan sampan-sampan. Pihakberkuasa memang tahu tentang hal ini tetapi ia buat tak tahu!

Ladang-ladang, kem-kem balak dan juga badan-badan Kerajaan seperti FELDA mengupah pendatang-pendatang haram dalam bilangan besar kerana buruh murah. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, termasuk seorang bekas Ketua Menteri, bekas Ahli-ahli Exco Negeri, pemimpin-pemimpin UMNO dan MCA mengupah pendatang-pendatang haram Indonesia walaupun mereka tahu ia merosakkan dan membahayakan rakyat negara kita oleh kerana selepas beberapa waktu, pendatang-pendatang haram Indonesia akan mencari jalan masuk ke bandar-bandar di mana mereka akan melakukan jenayah untuk mencari rezeki.

Saya menyeru Kerajaan Barisan Nasional untuk "crack down on" pendatang-pendatang haram Indonesia dan menubuhkan satu pasukan petugas khas seperti Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan untuk menghadapi orang-orang pelarian Vietnam untuk menggerakkan tentera darat, polis dan marin untuk menghalang kebanjiran mereka dan juga menghantar balik mereka yang ada dalam negara kita sekarang.

Undang-undang khas hendaklah dibentangkan untuk menjadikan kesalahan besar dan serius mana-mana majikan yang mengupah pendatang-pendatang haram Indonesia.

Dalam Titah Ucapan Di Raja, Duli Yang Maha Mulia menyatakan:

"Jadikanlah Dewan ini sebagai tempat merumuskan keputusan untuk kesejahteraan rakyat."

Marilah kita merumuskan, sebagai keputusan pertama kita demi kebaikan rakyat kita, agar Kerajaan mengambil tindakan serta-merta untuk "crack down on" atas pendatang-pendatang haram Indonesia dan dengan tujuan ini saya mencadangkan satu pindaan kepada Titah Ucapan kepada Usul yang di hadapan kita untuk menambah di akhir usul tersebut selepas perkataan keenam yang berbunyi:

"Dan dengan mengambil ingatan masalah undang-undang dan ketenteraman awam yang diakibatkan oleh samun-samun bersenjata dan pembunuhan-pembunuhan, menggesa Kerajaan mengambil tindakan ke atas pendatang-pendatang haram Indonesia dengan menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas III (Illegal Indonesian Immigrants) untuk hentikan kebanjiran pendatang-pendatang haram Indonesia."

Dan mengikut Peraturan Mesyuarat satu pindaan kepada satu Usul boleh diberi tanpa notis dan perlu dikemukakan in writing. Di sini ialah pindaan kepada Usul dan saya cadangkan pindaan kepada Usul yang ada di hadapan kita.

Biarlah Parlimen baru ini menunjuk bahawa ia berani membuat keputusan untuk kebaikan rakyat negara kita dan bahawa kita mempunyai fikiran dan idea-idea kita sendiri dan bukan semata-mata menjadi "rubber stamp" untuk eksekutif. Dan rakan saya daripada Bandar Kuching akan menyokong pindaan saya ini.

6.15 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, can I now state the reasons for my support of the Motion.

I have come here as a young first-time M.P. like many of you here and I have come here with great expectations of the parliamentary process. I was born and bred in this country and I came here with tremendous expectations of what this Parliament is going to be like when I first came. I was thinking of Parliament as the highest institution of the legislative bodies in this land, full of people eager to do the country good, to help the people for the benefit and well being of the people with a deep insight, deeply immersed in rational deliberations; that all our words will be taken for reference by top-decision makers, i.e. the Cabinet and the Executive arm of the Government. I have come here thinking of doing something for the people or the constituents whom I represent, and yet today for the first time as I stand up to speak here I am terribly disappointed. Reality in Malaysian Parliament is far from what I had envisaged. I don't see too many Ministers around and those who are around are quite deeply rested while the others are reading and doing their own things. What is sad here seems to be a sort of a formality, a sort of a "just get this over and done with, so that we can go back to the job of government; let this legislative process be quickly dealt with, so that we can go back to the Administrative arm of Government".

I feel that what Ahli Yang Berhormat for Kota Meaka has said in his concluding paragraph is quite true that this Parliament perhaps has become a rubber stamp for the people holding power in our country. I may sound rough, but allow me to continue. Perhaps the tremendous victory won by the Barisan Government, for which they congratulated themselves the whole day long, have made them very callous, callous of what people may think, callous of what democratic process is all about, callous of where the willpower of this country comes from, i.e. the rakyat, and not from us. I am sure that among a lot of people, especially in the towns of this country, a lot of people are watching this "2M" administration, are watching this new Barisan Nasional Government very carefully with a tremendous amount of fear wondering

whether, now that the Barisan Nasional has so much majority, they would bulldoze through all the policies that have been debated in the past. The Royal Address has offered us the consolation, as the Member for Kota Melaka has pointed out, where you have a new twist finally towards the creation of a nation different from the ground rules of Merdeka. I share their fears, I feel that perhaps it is time after 25 years of Merdeka—for us in Sarawak it is 18 years of merdeka—it is time for us to halt for a moment, let us take stock of the situation.

In the Royal Address, His Majesty has touched greatly on devoting our energies towards solving the problems that affect the livelihood of the people. I don't think anybody would disagree to it. We certainly would do our part in solving the problems of the people. But I feel that in politics perhaps solving the problems is not the "end-alls and be-alls" and there are also other things that should be considered because problem-solving is concerned mostly with the means of arriving at certain objectives, and the objectives themselves are as important as the means. In this respect, I feel that perhaps the Barisan Government for the "donkey" number of years since I have been brought up in this country, has been often vaunt in solving problems, assuming that the objectives have been set. What is the objective of a good Government? What is the objective of a good life? Those are the questions of democracy, of politics in Malaysia.

I contend that nobody has the final say on things like justice, happiness and equality. I contend that perhaps—with all due regard to great religious leaders, thinkers and believers, nobody has put the nail on the coffin of truth. So, perhaps, the question as to what is a good life, what is the objective, what we want Malaysia to be, what kind of Malaysia we want our children to inherit, these are very major questions that have not been settled through 4,000 years of human deliberations. And we sit here and I see many Members do—assuming that all these questions have been solved; let us forget them; this is what the country wants to

have; let us think about how to get there. Anybody who tries to disagree with us in terms of the objectives are anti-national, subversive, etc., etc. In the end what is created in this country—allow me to talk from the guts of the people in the street—what is created in this country is an atmosphere of fear, is an atmosphere of apathy, created by this Government, created by this Barisan Nasional power of a highly repressive sort of measures such as the I.S.A., the Emergency Essential (Security Cases) Regulations Act, the four Proclamations of Emergencies including the one in Sarawak. Now, these Proclamations, of course, are not justified because conditions giving rise to them have disappeared and perhaps ought to be withdrawn long ago, but they are there. There are tremendous amount of rules and laws that try to control public opinions, that try to control community participation politics. What happens is that we get . . .

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: On a point of order. Please sit down!

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Bolehkah saya mendapatkan penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua dari segi procedure Parlimen tentang motion dan amendment?

Tuan Yang di-Pertua: Dia sekarang sedang menyokong motion itu.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tetapi tidak langsung memberikan kata-kata yang menyokong kepada motion itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat dia sudah kata daripada mula tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh kata di akhir itu, ucapan penyokong tak payah di depan belakang, boleh depan, boleh belakang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir Yang Berhormat kenalah kata sama ada menyokong atau tidak.

Tuan Sim Kwang Yang: Thank you. I am just supporting the amendment proposed to the motion. Now, the Societies (Amendment) Act, for instance practically takes away the power of the freedom of assembly, freedom of speech. What we slowly have in this country is the corrosion of legislative power of elected representatives, transferring them slowly towards the Executive arm of the Government, so that many Ministers are given discretionary powers such as to close down the Chinese schools under the 1961 Education Act, Clause 21B

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyokong di atas pindaan. Pindaan itu ialah berkenaan dengan samun senjata, pembunuhan mengenai tindakan ke atas pendatang-pendatang haram Indonesia dan Yang Berhormat tak bolehlah bercakap perkara yang lain-lain daripada itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, I am coming slowly to it.

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh datang lambat-lambat ataupun cepat-cepat. Yang Berhormat kena pergi kepada point, iaitu di atas pindaan—sokongan di atas pindaan.

Tuan Sim Kwang Yang: Thank you. So, in this country what happens is this. We have the slow transfer of legislative power into administrative power. But what this administrative power lacks is a sort of chance to discuss—I will come to the immigration issue in a minute. Mr Speaker, Sir—what is lacking is a clear direction so that on the one hand it is used to suppress community dissent, community participation in politics, etc., and on the other hand it allows problems such as illegal Indonesian immigrants to go crazy. For instance, in Sabah, with all due respect to the Members of Parliament from Sabah, I personally have found that there are more Indonesians and the Filipino

illegal immigrants on the streets of Sandakan, for instance, than the Sabahans themselves. These are serious problems. They threaten the internal security of the country just as the Government says that the Vietnamese pose a threat to the internal security of the country. Now, why is this preferential treatment? Why herd the Vietnamese refugees like cattle to an island and make them live in sheds and under sub-human conditions while the Indonesian immigrants are a sort of more or less allowed to roam the streets by the negligence of the Government? When in difficulty, when they go under-ground illegally, they are easily exploited in total disrespect and disregard of the law of the land; they are easily forced by desperation to make a livelihood they are easily forced towards the darker and seamier sides of the human conditions.

Tuan Alias bin Md. Ali: On a point of order. Saya ingin meminta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua mengenai pengertian Standing Order 33 (3). 33 (3) berbunyi:

“Apa-apa pindaan usul yang hendak dicadangkan oleh seseorang ahli menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 30, bolehlah dicadang dan disokong jika berkehendakkan disokong, pada bila-bila masa selepas masalah itu dikemukakan oleh Pengerusi dan sebelum Pengerusi meminta keputusan mesyuarat setelah habis perbahasan. Apabila tiap-tiap pindaan demikian itu telah diputuskan, maka Pengerusi hendaklah sekali lagi mengemukakan masalah berkenaan dengan usul tadi atau masalah berkenaan dengan usul yang telah dipinda, ikut mana yang dikehendaki dan setelah dijalankan lagi apa-apa perbahasan berbangkitan”

Apa yang hendak saya meminta kepastian daripada Tuan Yang di-Pertua ialah perkara pindaan ini telah dicadang, telah disokong tetapi belum lagi dikemukakan kepada Dewan ini oleh pihak Yang di-Pertua Dewan, maka itu perbahasan mengenai pindaan ini belum lagi dapat dijalankan kalau ikut pengertian saya di bawah Fasal 33 (3).

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh buat satu submission sebelum satu keputusan dibuat. Apa cara yang conventional, baikpun untuk usul atau pindaan kepada usul ialah untuk satu pencadang (proposer) dan penyokong dan pencadang boleh memberi satu ucapan itu sebab dia mencadang satu usul atau pindaan kepada usul dan selepas itu penyokong pun ada hak untuk memberi hujah-hujah kenapa dia menyokong pindaan dan selepas itu barulah usul itu atau pindaan kepada usul itu dikemuka kepada Dewan. Saya rasa ini sangat simple. Saya tak tahu kenapa ahli daripada pihak Barisan Nasional mahu cari sebab untuk mengganggu perjalanan Dewan yang mulia ini. Sudah 2-3 term pun dan saya tak tahu dia buat apa dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat janganlah impute improper motives. Saya rasa bacaan di atas Peraturan 33 (3) itu ialah iaitu penyokong boleh memberi hujah-hujahnya pada masa ia menyokong dan sekarang ini penyokong sedang memberi hujah-hujahnya. Selepas dia memberi hujahnya, saya akan kemukakan pindaan itu untuk dibahaskan tetapi tak sampai lagi masanya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang sudah 6.30 petang, yang demikian saya tangguhkan mesyuarat kita kepada hari esok, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.